

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 50**Khamis****7 Oktober 2004**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 21)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-**Jadual:-**

Maksud B.21

(Halaman 23)

Maksud B.22

(Halaman 81)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.21

(Halaman 23)

Maksud P.22

(Halaman 81)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 7 Oktober 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana pihak Kementerian serius dalam memperjuangkan tulisan jawi dan sejauh mana kejayaan pembelajaran jawi di sekolah-sekolah kebangsaan seluruh negara.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan mudah, satu ayat boleh saya katakan di sini memang kita Kementerian Pelajaran Malaysia serius dalam menggalakkan murid-murid untuk bergiat dalam tulisan jawi. Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha memartabatkan tulisan jawi. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran telah menjadikan pengajian dan pembelajaran jawi sebagai sebahagian daripada mata pelajaran pendidikan Islam dengan peruntukan waktu 60 minit seminggu. Kementerian Pelajaran juga menetapkan bagi 6 bulan pertama murid-murid tahun satu sekolah rendah diajar tulisan jawi. Kementerian juga menyediakan buku teks pendidikan Islam dalam tulisan jawi. Kertas peperiksaan untuk peringkat PMR dan SPM juga disediakan dalam tulisan jawi

Usaha lain yang sedang giat dilakukan pada masa ini adalah menyediakan bahan-bahan bacaan dalam tulisan jawi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian ini juga berpandangan usaha untuk memartabatkan tulisan jawi akan menghasilkan impak yang lebih positif sekiranya semua pihak turut serta memainkan peranan masing-masing. Ini termasuk Yang Berhormat sendiri.

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan usaha-usaha yang dijalankan tersebut telah dapat membantu murid-murid membaca dan menulis jawi. Dengan pelaksanaan J-QAF insya-Allah kementerian ini yakin murid-murid dapat menguasai

jawi dengan lebih baik kerana jawi adalah aspek yang diberi penekanan dan seterusnya membolehkan murid membaca al-Quran dengan baik dan betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri Pelajaran. Saya berharap keseriusan ini, betul ye? Keseriusan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bahasa kena betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu sebab, keseriusan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau tak faham gunakan perkataan yang mudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa hasrat Kementerian Pelajaran untuk memartabatkan tulisan jawi itu akan benar-benar menjadi kenyataan. Seperti yang sedia kita maklum, tulisan jawi adalah pusaka orang Melayu yang sangat berharga sebenarnya kerana ia ada kaitan dengan Islam dan al-Quranul Qarim bukan Urdu, bukan Parsi, bukan Hindustan melainkan jawilah yang hampir-hampir 100% bersamaan dengan al-Quranul Qarim.

Saya hendak tanya Dato', apakah di maktab perguruan disediakan mata pelajaran yang boleh melatih guru-guru yang khusus untuk jawi. Guru yang baik akan melahirkan murid yang baik. Kalau benar-benar serius, apakah tidak boleh guru-guru jawi khusus disediakan yang bukan sahaja boleh mengajar tulisan jawi, membaca tulisan jawi dinaikkan martabatnya tulisan khat - sebenarnya tulisan jawi adalah tulisan yang tercantik di dunia. Apakah ada matlamat peningkatan yang dibuat di Kementerian Pelajaran dalam hendak mengangkat martabat dan menjadi penguasaan jawi ini benar-benar dipunyai oleh murid-murid yang diajar. Bukan sekadar melepaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan sudah keluar, satu sudah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satulah ni Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah keluar banyak, satu cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Banyak dalam satu Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa? Timbalan Menteri faham lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia faham. Saya harap dia faham macam yang Dato' faham. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tentu faham.

Dato' Mahazir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya berterima kasih juga kepada Yang Berhormat salah seorang Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini buat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak usah puji banyaklah. Teruskan jawapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dia selalu buat *correspondent* dengan saya dalam tulisan jawi. Ini satu cara untuk menggalakkan tulisan jawi, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mengenai apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bukan sahaja soalan tetapi saranan. Saranan itu akan saya bawa balik kemukakan oleh kerana dalam maktab perguruan kita hanya adakan kepada mereka yang hendak mengajar agama Islam, itu sahaja. Dan kemungkinan besar, kemungkinan saya akan buat cadangan supaya dalam mata pelajaran bahasa Melayu juga diadakan, insya-Allah, ini cadangan, terima kasih.

Mengenai dengan Yang Berhormat sebutkan tadi, pusaka orang Melayu tulisan jawi ini, bagi saya ia bukan pusaka orang Melayu sahaja, ia adalah warisan negara Malaysia yang mana mesti kita pelihara sebaik-baiknya bukan sahaja kepada orang Melayu, orang bukan Melayu juga boleh menghayati tulisan jawi. Yang ada di dalam dunia ini ialah tulisan Urdu, Parsi dan Arab sahaja dalam tulisan abjad jawi tadi.

Selain dari itu, saya juga kalau boleh ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk menggalakkan lagi tulisan warisan kita ini, iaitu bermula dengan wakil rakyat sendiri. Kita boleh melanggan Utusan Melayu yang malangnya hanya diterbitkan seminggu sekali. Kalau boleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini termasuk parti Pembangkang boleh melanggan akhbar jawi seminggu sekali diadakan di pusat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini bukan untuk soalan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab dia hendak menggalakkan tulisan jawi, ini cadangan saya. Kita pihak kementerian sudah lakukan sebaik-baiknya iaitu

mengadakan bermacam-macam kegiatan jadi untuk secara praktikal saya katakan mengapa tidak dicadangkan kepada ahli-ahli Dewan yang mulia ini melanggan Utusan Melayu di pusat-pusat khidmat mereka. Itu boleh kita mulakan. Kemudian Dewan Undangan Negeri juga, ahli Dewan Undangan Negeri juga boleh melanggan. Jadi berapa kita boleh dapat dan inilah caranya untuk menggalakkan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sebagai bukit keseriusan Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan jawi ini, kalau boleh berikan sedikit bukti sebanyak manakah bahan-bahan bacaan jawi terdapat *accessible* dengan izin kepada anak-anak kita di sekolah. Kedua, apakah keputusan dan penemuan daripada kajian rintis J-QAF yang selesai dilaksanakan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Baru-baru ini telah pun kita lancar projek rintis dan kita dapati hasilnya begitu amat menggalakkan. Oleh yang demikian, kita hendak wujudkan program J_QAF ini di semua sekolah rendah kita. Yang mana anak-anak kita bukan sahaja boleh membaca al-Quran juga tulisan jawi termasuk fardu ain, ini yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran kita hari ini.

Begitu juga saya katakan berbagai-bagai modul telah kita perkenalkan dan hasilnya yang begitu baik misalnya kita juga menggalakkan aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah misalnya menubuhkan kelab seni khat jawi sekolah, mengadakan pertandingan tulisan jawi, bacaan jawi, rencana jawi, mengadakan kuiz jawi, mengadakan pertandingan membaca dan membuat sinopsis buku jawi dan program pintar jawi. Ini bahan-bahan lain selain buku agama, kita juga menggalakkan dalam peperiksaan. Ini bermula pada tahun 2004 dalam pelajaran agama kita adakan soalan dalam tulisan jawi tetapi masih kita kata ada dalam tulisan rumi boleh di jawab di dalam tulisan rumi.

Selain dari itu, saya juga berterima kasih kepada media harian kita seperti *Metro* umpamanya telah pun mengadakan ruang itu. Ramai orang tidak sedar itu. Terima kasih kepada *Metro*.

Akhir sekali saya ingin katakan di sini galakan ini boleh kita lakukan di peringkat sekolah tetapi dalam masa yang sama juga di kalangan masyarakat hendaklah beri sokongan. Dalam erti kata pengguna itu mesti menggalakkan terutama sekali di rumah-rumah. Kita menggalakkan melanggan akbar tulisan jawi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu soalan mengambil masa 12 minit, agak panjang sedikit. Jadi saya minta semua pihak mengambil ingatan.

2. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan doktor, pakar perubatan, jururawat dan lain-lain kakitangan di hospital kerajaan; dan
- (b) apakah rancangan untuk menambah kemudahan rawatan penyakit kanser di hospital kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan, jururawat dan jawatan-jawatan lain dalam Kementerian Kesihatan, sebenarnya kementerian telah, sedang dan terus mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) menetapkan perkhidmatan wajib selama tiga tahun bagi pegawai perubatan dan juga pegawai farmasi yang baru dilantik;
- (ii) mengambil pegawai perubatan kontrak warganegara dan warganegara asing sebagai langkah jangka pendek;
- (iii) melantik pegawai perubatan pakar dan bukan pakar kontrak secara automatik selepas mereka bersara;
- (iv) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam kempen menggalakkan tenaga pakar warganegara Malaysia yang berada di luar negara kembali berkhidmat;
- (v) bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menambah bilangan graduan-graduan perubatan. Bagi mengekalkan pegawai perubatan dalam perkhidmatan sedia ada, kerajaan memberi pelbagai insentif termasuk gaji pokok yang lebih tinggi, elaun perkhidmatan kritikal, elaun pakar dan elaun kritikal; dan
- (vi) seterusnya memberi pelbagai kemudahan seperti kemudahan, kenderaan, perumahan dan sebagainya. Untuk jururawat ada 18 kolej latihan yang dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan.

Sebenarnya masih tidak mencukupi, ekoran itu kementerian telah pun dengan izin, *outsourc*e kepada kolej-kolej swasta bagi jurusan jururawat.

Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat untuk merawat penyakit kanser adalah di dua hospital iaitu Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Kuching, di mana perkhidmatan *chemotherapy* dan juga radioterapi disediakan. Bagi hospital-hospital negeri hanya

perkhidmatan *chemotherapy* diberikan itu pun selepas perbincangan ataupun rujukan kepada Pakar Onkologi Klinikal di Hospital Kuala Lumpur dan juga Hospital Umum Sarawak.

Perkhidmatan radioterapi akan disediakan, insya-Allah di Hospital Pandan Johor dan akan beroperasi tidak lama lagi. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian Kesihatan merancang untuk memulakan perkhidmatan rawatan penyakit kanser di Pulau Pinang dan Sabah.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Kekurangan doktor yang dikatakan oleh Menteri Kesihatan, sebenarnya tidak ada kekurangan, tetapi pertaburannya yang tidak seimbang. Jadi, apa yang dilakukan oleh pihak kementerian, yang dikatakan oleh Timbalan Menteri ini saya rasa semua tidak akan menyelesaikan masalah kerana masalah yang terbesar ialah, mengapa doktor dan juga pakar perubatan selalu meninggalkan hospital kerajaan. Ini bukan kerana gaji sahaja, yang sangat penting ialah keadaan untuk bekerja dan beban kerja yang berat kalau berbanding dengan gajinya.

Jadi, apa yang dilakukan oleh pihak kementerian, saya rasa tidak menjawab kepada permasalahan yang kita ada sekarang. Jadi, mengapa dan bagaimana pihak kerajaan, apakah sebenarnya dan macam mana hendak menyelesaikan masalah ini, kerana yang dikatakan bukan kekurangan doktor. Sebenarnya doktor adalah ramai, tetapi doktor tidak mahu kekal di dalam hospital kerajaan. Yang pertama.

Yang kedua ialah Menteri mengatakan, memang doktor cukup di dalam hospital kerajaan, tetapi pertaburannya yang tidak seimbang. Macam mana? Saya hendak tahu bagaimana di hospital yang terbaru di Hospital Pandan di Johor, sebenarnya ia adalah merupakan perkhidmatan yang begitu penting untuk mendapatkan rawatan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Puan Chong Eng:... kanser, mengapa dia boleh terjadi macam ini, sampai dia baru dibuka..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, satu akan dijawab sahaja, cukuplah.

Puan Chong Eng: ..mesti ditutup. Saya rasa ini adalah perkara yang penting yang akan menjejaskan kewajipan semua rakyat. Saya berharap Timbalan Menteri akan menjawab dengan baik. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih banyak soalan, saya pun tidak tahu mana dijadikan *priority*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu sahaja Yang Berhormat ikut Peraturan Mesyuarat, satu sahajalah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasihlah. Kita akui memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, bahawa sebenarnya doktor masih tidak cukup, kita ada 30 ribu katil, di sektor swasta ada 9,000 katil tetapi beban kerja dia terbalik, 60% daripada doktor berada dalam sektor swasta sementara 40% mereka berada di dalam sektor awam. Taburan ini sampai bila pun tidak selesai, kerana tidak ada negara yang boleh menyelesaikan, United Kingdom pun taburannya tidak selesai juga, walaupun dia ada nisbah doktor yang cukup.

Ekoran daripada itu, kita buat pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Mengikut statistik selepas kita menaikkan apa juga elaun, skim gaji, suasana perkhidmatan mereka tetap berhenti, kerana bukan hanya faktor wang yang berada di luar tetapi pelbagai sebab, sebab itu bila saya diberi amanah untuk menjadi pengerusi jawatankuasa membenarkan doktor dan juga pegawai perubatan untuk membuat apa yang kita panggil *limited private practice*, mengikut statistik dia sama sahaja, apa pun kita buat yang boleh kita lakukan akhirnya kita berdoa sahaja Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam supaya mereka duduk di dalam sektor kerajaan, kerana ada orang yang suka duduk dalam sektor kerajaan, ada orang sampai bila-bila pun dia suka duduk, kerana perkara-perkara yang tidak dapat dia rasakan kalau dia berada di sektor swasta.

Perkara kedua, mengenai Hospital Sultan Ismail, memang Hospital Sultan Ismail adalah satu hospital yang dikhususkan untuk rawatan kanser. Dia tidak ada kaitan kerana selama dua bulan ini kita buka ekor daripada masalah-masalah teknikal, maka hospital tersebut telah ditutup kembali dan kita serahkan kepada Kementerian Kerja Raya untuk menyelesaikannya dan mengikut janji daripada kontraktor dan juga Kementerian Kerja Raya, bulan Disember ini akan diserahkan semula dan saya berharap bila sudah diserahkan semula kepada Kementerian Kesihatan perkhidmatan ini akan dapat kita berikan kepada rakyat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sekarang ini kita dapati bahawa terdapat peningkatan dari segi bilangan kes kanser yang dilaporkan, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia

sebanyak 0.5%. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, selain dari menambahkan bilangan pakar onkologi, adakah kementerian ingin menekankan kepada bidang R&D ataupun Research and Development, dengan izin kerana kita tahu ada banyak jenis kanser yang kita sendiri tidak tahu sebabnya, sifatnya dan caranya menular di dalam badan. Ini adalah dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan terhadap rawatan penyakit kanser. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Kita sedar bahawa penyakit kanser adalah satu penyakit yang antara teratas menyebabkan kematian di seluruh dunia, kalau tidak silap saya nombor empat. Ekoran daripada itu kementerian sedang merancang untuk memastikan yang kita mempunyai pakar kanser atau onkologi yang cukup. Sementara ini kita hanya ada sembilan orang di seluruh Malaysia. Yang sembilan orang ini adalah di sektor awam sementara sepuluh orang di sektor swasta.

Didapati bahawa ini tidak seimbang dan untuk menjadikan ia lebih ramai maka kementerian akan bekerjasama dengan JPA untuk memberikan lebih banyak ruang bagi pegawai-pegawai perubatan yang berminat dalam okologi untuk mendalami kepakaran mereka.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perlu ada satu kajian dan banyak geran sebenarnya yang dikeluarkan, bukan sahaja daripada kementerian tetapi juga kepada IRPA, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi agar kajian-kajian yang lebih terperinci dan komprehensif serta spesifik untuk rakyat Malaysia dibuat. Terima kasih.

3. Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapa biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diberi untuk pengajian tinggi sejak tahun 1996 hingga kini; dan
- (b) di antaranya, berapa biasiswa tersebut adalah untuk pengajian di luar negara, berapa di IPTA dan berapa di IPTS.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jumlah biasiswa yang telah dikeluarkan Jabatan Penerbangan Awam (JPA) bagi sembilan tahun kebelakangan ini ialah sebanyak RM4.7 bilion. Sebanyak RM1.8 bilion adalah perbelanjaan biasiswa untuk pelajar luar negara dan selebihnya sebanyak RM2.9

bilion adalah untuk pelajar dalam negara. Basiswa JPA bagi IPTA adalah sebanyak RM2.856 bilion, manakala biasiswa JPA bagi IPTS ialah RM98.4 juta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan seruan yang kerap kali dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat Malaysia betapa penting untuk mempertingkatkan persaingan dengan dunia zaman globalisasi, adakah JPA merancang apa-apa rancangan untuk memperkenalkan dasar yang baru, di mana pemberian biasiswa akan berasaskan meritokrasi dan *race blind* supaya Malaysia lebih layak untuk menghadapi cabaran globalisasi dan kalau begitu apakah rancangan, dan adakah Yang Berhormat mempunyai angka-angka khasnya pecahan *breakdown* mengikut kaum mengenai angka-angka yang diberikan tadi.

Datuk Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Buat sementara ini kerajaan belum lagi ada rancangan untuk kita membuka secara meritokrasi. Kita sekarang ini *base on quota* seperti mana yang telah ditetapkan.

Datuk Chua Jui Meng: Saya mengucapkan tahniah kepada JPA dan kerajaan yang telah menawarkan satu amaun yang begitu besar bagi biasiswa-basiswa JPA ini. Ini tentu akan menyumbang kepada satu khazanah diwujudkan di negara kita, iaitu khazanah intelek. Soalan tambahan saya, ialah apakah piawaian dan kriteria yang digunakan untuk memilih institusi-institusi *pioneer* di dalam negara atau di luar negara bagi memberi tempat kepada para cendekiawan kita yang begitu cemerlang di dalam prestasi peperiksaan.

Yang kedua, saya juga hendak tahu Yang Berhormat iaitu apakah usaha yang telah diambil untuk memilih di luar negara, institusi-institusi dan pusat-pusat pendidikan di mana kesarjanaan mereka tidak boleh dipersoalkan, di mana mereka mempunyai nama antara yang terbaik di dunia supaya para cendekiawan kita, khasnya mereka yang mendapat prestasi di dalam peperiksaan yang amat cemerlang.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan pemilihan universiti-universiti di luar negara setakat ini, kita JPA tidak mempunyai masalah, setakat hari ini kita ada dua, tiga terutama sekali di Jepun baru-baru ini yang timbul masalah berkenaan pengiktirafan, tetapi Walau bagaimanapun, masalah itu telah dapati diselesaikan. Setakat hari ini memanglah kita sentiasa prihatin tentang pusat-pusat pengajian tinggi di luar negara

yang kita tawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran, biasanya kita ada rundingan antara pusat-pusat pengajian tinggi itu dengan JPA dan juga dengan dari negara ke negara. Itulah sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya kemukakan dua soalan? Saya ada dua soalan Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan ke-4.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan Nombor 4, tahniah Datuk Speaker. Sebelum saya hendak mengemukakan soalan ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, Soalan nombor 4.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. Saya sudah bagi pihak Yang Berhormat sudah keluarkan, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

4. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengenai rancangan melantik atlet-atlet yang telah berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa untuk menjadi jurulatih sepenuh masa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Kerajaan memang sentiasa berusaha menggalakkan bekas-bekas atlet negara untuk menjadi jurulatih sepenuh masa. Majlis Sukan Negara sebagai agensi yang bertanggungjawab di dalam melaksanakan program latihan atlet sentiasa berusaha untuk menggalakkan atlet-atlet negara yang telah bersara untuk menceburi bidang ini.

Program-program jangka panjang dan sedang dilaksanakan seperti Program Gemilang 2006, dan Program Cemerlang 2010 menggunakan perkhidmatan ramai jurulatih tempatan secara sepenuh masa. Di bawah Program Gemilang 2006, untuk menghadapi Temasya Sukan Asia, KETAR dan Sukan Komanwel Melbourne terdapat

seramai 38 orang jurulatih sepenuh masa yang terdiri daripada bekas atlet-atlet kebangsaan. Di samping itu, terdapat seramai lapan orang ahli jurulatih yang terdiri daripada bekas atlet kebangsaan dari empat jenis sukan yang tidak berada di dalam Program Gemilang 2006, juga dibayar gaji secara sepenuh masa.

Pasukan-pasukan negeri juga menggunakan perkhidmatan ramai bekas atlet kebangsaan seperti jurulatih sepenuh masa dan buat masa ini terdapat seramai 100 orang yang mengendalikan latihan di pelbagai pusat di seluruh negara.

Di bawah Program Cemerlang 2010 iaitu Program Latihan Jangka Panjang terdapat seramai 51 orang jurulatih telah dilantik untuk mengendalikan latihan. Dari jumlah tersebut seramai 32 orang dibayar gaji secara sepenuh masa manakala 19 orang lagi merupakan jurulatih sambilan yang dibayar elaun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis? Ya, Larut, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Tahniah Datuk Speaker. Soalan tambahan saya, tahniah kepada kementerian, Yang Berhormat Menteri sekarang berada di Australia Barat kerana meninjau struktur sukan di sana. Soalan saya, memandangkan prestasi atlet kita di Olimpik merosot, ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Merudum.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bahasa Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan 'merudum'.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, sama ada Yang Berhormat sedar betapa perlunya program-program yang dirangka untuk atlet cemerlang dalam menyiapkan mereka bila bersara nanti, sama ada menjadi jurulatih, penasihat sukan sebagai contoh, supaya pengalaman mereka tidak sia-sia, itu sahaja sebagaimana yang berlaku seorang atlet bina badan di Sarawak, saya difahamkan terpaksa menjaja belacan, saya tidak mahu sebut nama. Oleh itu, apakah kementerian melihat perkara ini, selepas penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan pentingnya program untuk atlet cemerlang ini dilakukan sebagaimana yang telah dibuat di negara-negara Eropah yang menggunakan tenaga atlet untuk menjadi jurulatih ataupun penasihat-penasihat sukan. Kita lakukan pula di negara kita ini untuk menjamin masa depan atlet kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tahniah Datuk Speaker.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian dan beberapa bekas atlet pada masa ini telah dilantik sebagai jurulatih kebangsaan sepenuh masa. Antara mereka yang berjaya membawa pasukan mencapai kejayaan yang membanggakan pertandingan peringkat antarabangsa, seperti Misbun Sidek, Rashid Sidek, Chia Soon Kit, Yap Kim Hock dalam (Badminton), Ng Joo Ngan dan Rosman Alwi (Berbasikal). Steven Van Susan, Yahya Atan, Arul Selvaraj dan Sarjit Singh (Hockey), Lim Chi Jin dan P. Arevalan (Karate Do), Intin Mahadi (Olahraga), Abdul Rani Idris (Pelayaran), Raymond Arnold (Skuasy), R. Danaraj (Taekwando) serta Ramli Yahya dan Hisham Hashim dalam (Tinju).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Program Jurulatih yang dijalankan oleh Majlis Sukan Negara dengan kerjasama dengan persatuan-persatuan sukan di negara ini iaitu Lembaga Jurulatih Kebangsaan. Memang saya ingat Ahli Yang Berhormat bagi Larut pun faham kerana satu-satu persatuan yang mengadakan satu skim jurulatih yang baik di antara persatuan ialah Persatuan Bola Sepak.

Tetapi dalam isu yang kita ada atlet-atlet negara, dalam skim jurulatih di bawah Majlis Sukan Negara terdapat tiga jenis jurulatih, yang pertama, foreign iaitu jurulatih dari luar negara, yang kedua, jurulatih dari bekas-bekas atlet tempatan yang menjalankan skim penuh dan yang ketiga adalah, atlet-atlet tempatan kita yang menjalankan jurulatih separuh masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kementerian sedang mengkaji secara mendalam untuk melibatkan lagi atlet-atlet yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa dan salah satu cara untuk melibatkan lagi atlet-atlet kita dalam meningkatkan sukan di negara ini adalah menjadikan mereka ini jurulatih-jurulatih yang baik di bawah Skim Majlis Sukan Negara dan persatuan-persatuan sukan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tahniah Datuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, seperti kita tahu tidak semua yang berjaya mengharumkan negara dapat menjadi jurulatih. Dan ada di antaranya yang sudah tidak mampu bekerja kerana umur dan sebagainya. Di sesetengah negara di Korea misalnya, siapa yang berjaya mengharumkan negara di dalam kejayaan sukan mereka akan diberi pencen seumur hidup dan sebagainya.

Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan pencen seumur hidup misalnya, kepada atlet yang berjaya mengikut peringkat kejayaan mereka. Misalnya kalau kejayaan di Olimpik berapa jumlahnya, kejayaan peringkat Asia berapa jumlahnya, kalau kalah tidak ada apalah.

Jadi, dari segi jangka panjangnya, sebab kalau tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Cukup? Okey, terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini memang tidak ada satu pelan sebegini, tetapi cadangan Yang Berhormat itu akan dibawa ke perhatian Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

5. **Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan kenaikan harga minyak mentah kepada pertumbuhan ekonomi negara dan bagaimanakah masalah ini menjejaskan kehidupan rakyat di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa tidak akan menjejaskan ekonomi Malaysia dalam jangka masa pendek, kerana kita merupakan negara pengeksport bersih minyak.

Sehingga kini prestasi ekonomi negara masih memberangsangkan. KDNK pada suku kedua 2004 meningkat sebanyak 8%, suku pertama 7.6%. Tahap yang tertinggi semenjak suku ketiga tahun 2000. Kenaikan pertumbuhan yang kukuh ini dijangka akan berterusan seterusnya untuk tahun ini. Unjuran ini selaras dengan peningkatan kukuh penunjuk-penunjuk ekonomi. Sebagai contoh, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) telah meningkat 13.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama dalam tahun 2004 berbanding dengan 7.5% dalam tempoh yang sama dalam tahun 2003.

Sementara nilai eksport berkembang 21.3% dalam lapan bulan pertama dalam tahun 2004 berbanding dengan 10.3% dalam tempoh yang sama tahun 2003. Tahap reserve antarabangsa juga telah mencecah RM210.7 bilion ataupun USD55.4 bilion pada 15 September 2004 menunjukkan peningkatan pendapatan eksport yang lebih tinggi serta aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio. Semua ini dicapai dalam keadaan inflasi dan pengangguran yang juga rendah, ekonomi negara dianggarkan

akan berkembang pada kadar 7% pada tahun 2004 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2005 pada 10 September yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, hala tuju tentang harga minyak mentah dalam tempoh jangka masa sederhana, dijangka menurun beirkutan pertambahan bekalan oleh OPEC sebanyak satu juta tong sehari kepada 27 juta tong sehari mulai September 2004, tetapi menghadapi permintaan minyak yang meningkat, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dunia, punca utama kenaikan harga minyak baru-baru ini termasuklah ketidakstabilan di Iraq, masalah kewangan syarikat pengeluar minyak utama Rusia iaitu YUCOS dan Taufan Haricane Ivan yang melanda kawasan Teluk Mexico.

Walau bagaimanapun, beberapa penganalisis berpendapat yang bekalan minyak adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan global dan simpanan bekalan minyak global di dalam suku tahun keempat dijangka stabil. Oleh itu, bekalan minyak dijangka akan berada pada bekalan paras purata USD37 se tong pada akhir tahun. Dalam jangka masa panjang, harga minyak dijangka berada di paras minimum USD30 se tong, berbanding dengan purata USD20 se tong dalam tahun 90an.

Ini adalah disebabkan oleh kenaikan kos mendapatkan minyak akibat daripada infrastruktur sedia ada yang usang, yang merupakan faktor penting dalam mengehadkan tambahan pengeluaran minyak dunia. Oleh sebab itu, krisis tenaga akan menjadi lebih kerap, lebih teruk dan akan terus mengganggu aktiviti dan pertumbuhan ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kos minyak sebagai komponen kepada jumlah kos input untuk menghasilkan output sektor pembuatan, secara keseluruhan adalah kecuali industri berasaskan petroleum adalah kecil. Oleh itu, terdapat hanya kesan kecil kepada keseluruhan kos produk dan Malaysia mampu mengekalkan daya saingnya.

Dalam sektor pengangkutan iaitu yang paling terjejas dalam industri penerbangan di mana kos minyak merupakan 19.3% daripada kos keseluruhan operasi. Untuk pengangkutan darat kesannya adalah bergantung kepada tahap subsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Untuk mengekang tekanan inflasi, pihak kerajaan akan mengambil langkah proaktif untuk mengelak kesan kenaikan kos kepada inflasi dan menjamin kesejahteraan pengguna. Walau bagaimanapun, harga barangan import dijangka

akan meningkat disebabkan meningkatnya kos pengeluaran dan kos pengangkutan di peringkat antarabangsa.

Di samping itu, usaha penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan untuk mengekang penyeludupan barangan petroleum terutamanya ke Thailand dan Singapura, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Rakyat negara kita merasa sangat selesa kerana mempunyai sebuah kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional yang sangat prihatin kepada penduduk-penduduknya. Daripada laporan kewangan yang belum beraudit, semalam ternampak harga minyak telah meningkat lagi daripada 50 sampai ke 52 semalam se barrel, nampaknya harga minyak akan terus meningkat ke tahap yang lebih tinggi lagi dalam masa akan datang.

Saya ingin tahu apakah tindakan ataupun strategi yang diambil oleh kerajaan untuk menjamin bahawa negara kita boleh mempertahankan ekonomi kita daripada pengaruh keadaan buruk ekonomi dunia akibat kenaikan minyak ini dalam masa-masa yang akan datang. Sekian.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebut dalam jawapan tadi bahawa keadaan fundamental Malaysia ini adalah kukuh dan Malaysia sebenarnya adalah *net exporter* minyak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa pada tahun ini daripada Januari hingga Julai 2004, eksport minyak Malaysia ialah 81 bilion tong dan import pula ialah 30 milion tong, maknanya kita hampir lebih daripada dua kali ganda eksport. Apabila harga minyak naik, maka Malaysia mendapat pendapatan yang lebih tinggi.

Sebenarnya kualiti minyak kita tapis *blend* ini harganya adalah lebih tinggi daripada harga minyak Arab contohnya. Ia lebih tinggi antara RM1 hingga RM4 atau RM5 bagi satu tong. Ini bermakna pendapatan negara adalah lebih tinggi. Oleh itu, kalau kita lihat fundamental yang ada, nilai eksport dan *reserve* negara yang meningkat, maka kita boleh bertahan dalam jangka masa yang pendek dan sederhana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan, adakah kerajaan akan

membenarkan TNB menaikkan kadar tarif dengan alasan kenaikan harga minyak? Niat ini telah disuarakan oleh CEO TNB dalam akhbar hari ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi ura-ura daripada pihak kerajaan untuk menaikkan tarif bekalan elektrik, oleh kerana kerajaan faham bahawa ini akan menjejaskan banyak industri dan seluruh rakyat Malaysia. Oleh itu kita belum lagi ada cadangan untuk menaikkan tarif ini.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) tidak hadir]

7. **Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kementerian menyedari bahawa ramai pekerja asing di sektor pembinaan yang tidak dibayar gaji yang sepatutnya dan sentiasa diugut untuk dihantar pulang ke negara asal jika mereka mengadu kepada majikan mereka. Apakah perlindungan kepada pekerja ini demi menjaga nama baik negara.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak mendapat maklumat secara rasmi mengenai pekerja asing di sektor pembinaan yang tidak dibayar gaji yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini diberi perlindungan dan faedah-faedah seperti yang ditetapkan oleh Undang-undang Buruh sama seperti pekerja tempatan.

Akta Kerja 1955 telah menggariskan prosedur dan kaedah untuk mendapatkan *remedy* terhadap tindakan-tindakan majikan yang menyalahi undang-undang ke atas semua pekerja termasuk kes pekerja asing yang tidak dibayar oleh majikan. Oleh hal yang demikian, pekerja asing yang terlibat dan bekerja secara sah di negara ini boleh menghubungi Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapannya. Saya terima banyak aduan daripada pekerja asing yang mempunyai permit kerja. Mereka adalah dari Vietnam, China dan Indonesia di mana mereka ini telah diambil untuk bekerja di bawah projek kerajaan di Putrajaya dan juga membina sebuah asrama universiti di Tronoh, Perak. Saya ada menghubungi Jabatan Tenaga Kerja di Ipoh di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Soalannya apakah kementerian mempunyai mekanisme untuk menggalakkan mereka tampil ke hadapan untuk membuat aduan, sebab mereka telah membayar agen dengan *fees* yang tinggi. Kalau mereka tidak dibayar gaji, mereka tidak berani mengadu kerana mereka akan diugut untuk dihantar balik. Jadi, kita faham. Kita tengok isu ini sebagai isu manusia. Mereka adalah manusia bukan sebab kita berpihak kepada warga asing.

Saya hendak bertanya apa mekanisme yang diadakan oleh kementerian untuk menggalakkan mereka tampil ke hadapan untuk mengadu, dan juga apakah kementerian ada menjalankan kajian supaya kementerian menerima aduan secara langsung.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi, semua pekerja termasuk pekerja asing yang sah diberi perlindungan di bawah akta-akta yang telah dikuatkuasakan di negara kita ini. Kita memang mematuhi undang-undang tersebut. Sekiranya ada pekerja-pekerja asing yang sah, yang digaji oleh pihak majikan tetapi tidak dibayar gaji yang sepatutnya, jika mereka membuat laporan kepada jabatan saya, kita memang akan mengambil tindakan.

Di sini saya ingin menyeru, bahawa sesiapa pun boleh membuat laporan. Mereka tidak akan mendapat akibat yang tidak diinginkan kerana kita merupakan sebuah negara yang mematuhi undang-undang.

Dalam konteks ini memang ada pekerja-pekerja asing yang sah dari negara Vietnam ataupun dari negara China yang telah mengikuti undang-undang yang telah dikuatkuasakan dan mereka tidak ada masalah. Sekiranya ada bukti di mana pekerja-pekerja asing yang sah, yang tidak dapat gaji mereka yang sepatutnya, saya harap Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan kepada saya atau kepada jabatan saya supaya boleh diambil tindakan.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan kementerian kepada pekerja-pekerja asing yang pada mulanya di negara asal disahkan sihat, tetapi apabila sampai ke negara ini apabila pemeriksaan dibuat kali kedua didapati mereka ini sebenarnya ada penyakit seperti penyakit hepatitis dan sebagainya yang boleh disebarkan di dalam negara kita. Ada kalanya apabila perkara ini berlaku, maka pihak kontraktor yang membayar gaji harian ini tidak membayar gaji mereka kerana didapati

mereka tidak sihat. Apakah pendapat ataupun tindakan kementerian dalam hal ini? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setiap pekerja asing yang diizinkan masuk ke negara kita mesti mempunyai satu sijil kesihatan yang menunjukkan pekerja tersebut adalah sihat, dan selepas mereka masuk berkhidmat satu tahun barulah mereka diwajibkan untuk menjalani satu lagi pemeriksaan kesihatan. Sungguhpun kita menerima sijil kesihatan itu, tetapi pihak yang berkuata kuasa ada juga membuat dengan izin, *random check* supaya mereka yang *dicertified* memang benar-benar sihat.

Namun demikian baru-baru ini didapati bahawa ada sijil-sijil kesihatan yang palsu yang dikeluarkan oleh negara-negara asal, dan saya difahamkan Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mematahkan usaha pusat-pusat kesihatan tersebut dan saya juga difahamkan Kementerian Kesihatan sekarang sedang mengkaji satu cara yang lebih sesuai untuk menentukan perkara tersebut tidak akan diulangi.

8. **Tuan Jelaing Mersat [Saratok]** minta Menteri Pertahanan menyatakan hingga sekarang berapakah jumlah peserta yang belum melaporkan diri bagi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) . Apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,soalan ini telah banyak kali dijawab oleh saya dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua supaya dapat merangkumkan sekali soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Saratok - 7 Oktober, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor - 25 November, Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya – 8 November dan Ahli Yang Berhormat bagi Ulu Rajang – 14 Disember.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kebanyakan soalan ini ia terlibat dengan keadaan kem di Pusat Latihan khidmat Negara dan bilangan peserta yang telah gagal menghadiri diri untuk mengikuti latihan yang telah ditetapkan.

Bersabit dengan kem, Ahli Yang Berhormat bagi Ulu Rajang membangkitkan masalah bilangan yang telah diberi kemudahan di Sarawak. Sarawak pada masa ini telah ada 3 kem dan telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Khidmat Negara untuk

menambah 4 kem lagi. Begitu juga pada keseluruhannya Jawatankuasa Khidmat Negara ada mempunyai 41 kem awal ditambah dengan 35 buah lagi menjadikan 76 kem.

Sudah menjadi dasar, hasrat untuk mengadakan tiga fasa pada sepanjang program iaitu tiga bulan, tiga bulan dan tiga bulan dan pada tahun ini sehingga akhir bulan Disember, kita telah mengambil lebih daripada 80,000 dan mulai pada 13 Disember sehingga berakhir fasa ketiga tahun yang ke hadapan iaitu tahun 2005, kita juga bercadang untuk mengambil 85,000 peserta Latihan Khidmat Negara ini.

Ada masalah yang timbul, yang telah dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat ialah tentang kegagalan peserta-peserta yang tidak hadir. Pada keseluruhannya dalam bilangan banciaan awal seramai 8,559 orang yang tidak hadir tetapi seramai 2,040 orang yang telah dikecualikan diberi penangguhan dan ada yang sudah meninggal dan alasan-alasan yang telah dipersetujui, maka mereka ini telah digugurkan daripada 8,559 orang.

Apabila kita melihat terdapat ada lagi perkara-perkara mengenai bilangan peserta yang tidak hadir, Bahagian Khidmat Negara telah mengadakan satu *special assignment*, dengan izin untuk memanggil peserta-peserta yang tidak hadir yang tinggal daripada 2,040 orang yang telah dikecualikan. Sungguhpun demikian seramai 2,534 orang sahaja yang hadir dan masih ada lagi 3,985 orang yang tidak hadir, yang gagal untuk hadir, yang ingkar untuk hadir, yang tidak tahu kenapa dia tidak hadir dan mengikut persetujuan dengan peraturan yang ada kita telah memberi kebenaran kepada polis untuk mengambil tindakan. Pihak polis telah dapat menemui mereka ini untuk *assignment* yang pertama seramai 75 orang dan 70 orang telah dibuat soal siasat dan 5 orang lagi masih belum dapat diputuskan. Apabila sudah mendapat seramai 75 keseluruhannya keputusan ini akan dapat dikemukakan kepada Jawatankuasa Khidmat Negara untuk kita mengambil keputusan dan tindakan yang telah dicadangkan oleh pihak polis mengikut peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, bersandarkan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan tadi, program-program yang kita telah jalankan adalah mendapat sambutan yang baik – mendapat sambutan dan pandangan daripada semua rakyat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti kerajaan dan daripada kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang. Kita telah menyedut dan membuat analisa dan menjadikan asas kepada pertimbangan kita untuk mengadakan

kemudahan-kemudahan kepada perancangan yang akan datang, yang saya telah sebutkan tadi iaitu pada 13 Disember akan merupakan fasa pertama tiga bulan ini.

Semua modul yang telah kita jalankan akan kita teruskan dan perkara-perkara yang menjadi titik bengik persoalan kecacatan sebahagian kecilnya akan kita perelokkan. Insya-Allah, saya percaya dengan penganalisan dan pemantauan yang baik, program ini akan berjalan dengan sempurna dan kita percaya, kita mohon lagi cadangan dan pandangan daripada rakyat, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Dewan Parlimen dan dewan negeri untuk membantu kita bagi membawa kejayaan kepada program ini adalah untuk kebaikan bersama.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sokong rancangan Latihan Khidmat Negara ini dan mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah pun mengelolakan program ini selama ini dengan jayanya.

Saya hendak bertanya Tuan Pengerusi, apakah antara alasan-alasan ataupun sebab-sebab mereka yang tidak hadir ini tidak dapat datang dan yang keduanya, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menggalakkan kehadiran mereka pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Seperti yang telah saya katakan, semua permasalahan dan titik bengik yang timbul, kita jadikan sebagai asas untuk membuat tinjauan dan program untuk menjayakan perkara-perkara yang telah mengendalakan rancangan kita.

Kita telah maklumkan bahawa terdapat beberapa alasan yang telah kita berikan jawapan seperti masalah peribadi bakal pelatih yang berkenaan. Contohnya ada yang telah berkahwin dan kita tidak tahu telah hamil dan kita bagi pengecualian. Ada yang telah melanjutkan pelajaran ke luar negeri iaitu apabila senarai mereka telah dimasukkan untuk menjadi pelatih, setelah kita tahu, kita kecualikan mereka ini. Bukan kita kecualikan tetapi kita tangguhkan mereka ini.

Ada juga yang suami tidak membenarkan isterinya untuk mengikuti kursus, walaupun nama telah disenaraikan dan tidak kurang juga yang masih bersekolah, umpamanya setelah lepasan Tingkatan 5, ada yang melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 ataupun melanjutkan pelajaran ke luar negeri ataupun mengulang lagi di Tingkatan 5. Maka kita bagi penangguhan kepada mereka ini.

Untuk pengetahuan, terdapat juga anggota-anggota yang telah dipilih untuk menyertai kursus ini, terdiri mereka yang cacat, yang kurang upaya, mengalami masalah-masalah mental dan ada yang meninggal dunia. Kita berharap dalam masalah meninggal dunia ini, kita dapat selaraskan hubungan kait rekod individu peserta yang telah kita pilih ini dengan Pejabat Daftar Beranak dan Mati pada masa yang akan datang supaya kita tidak menghabiskan masa yang tidak memberi faedah kerana orang ini telah meninggal dunia sepatutnya kita mendapat rekod daripada kerajaan.

Ada juga yang kurang inisiatif untuk mengetahui sama ada mereka telah dipilih ataupun tidak. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada yang tak kisah langsung, tak kisah ya, dan ada yang tidak berminat langsung untuk menyertai program ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini adalah menjadi masalah kepada kita tetapi kita cuba untuk mengatasinya dari masa ke semasa dan oleh sebab dalam program yang akan datang ini, kita mula mengambil terus rekod daripada sekolah kalau kita mengatakan bahawa pelajar-pelajar lepasan Tingkatan 5 akan terus kita masukkan kepada bakal peserta pelatih yang akan datang.

Ini adalah di antara yang telah kita buat dan bagi mereka yang gagal seperti pada masa yang lepas, kita akan terus mengambil tindakan, seperti yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar] dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN BURUH SABAH
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ordinan Buruh Sabah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar] dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN BURUH SARAWAK
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ordinan Buruh Sarawak; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar] dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005****DAN****USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kelima]**.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.21 [Jadual] -**Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2005] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita masih membincangkan Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 iaitu di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat bagi Jasin untuk menyambung ucapan. Yang Berhormat ada lagi tiga minit.

11.07 pagi

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyambung ucapan saya semalam, saya berharap supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan peruntukan yang begitu besar di bawah peruntukan B.21 dan juga P.21 ini untuk memainkan peranan yang lebih proaktif, kerana kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ambil berat sangat tentang masa depan masyarakat luar bandar apatah lagi nasib petani-petani sehinggakan Pameran MAHA yang diadakan di Mines Convention, dua kali dia datang. Dua kali dia datang untuk melihat keberkesanannya.

Oleh yang demikian, saya berharap ini menjadi suatu agenda utama negara bukan kata kita libatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sahaja tetapi

semua agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk pembangunan luar bandar ini, untuk menjadikan satu wawasan perdana dan di peringkat pusat ini ditubuhkan satu jawatankuasa yang melibatkan semua kementerian supaya dapat menjayakan usaha murni yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, dalam untuk mengatasi masalah ini, tiga minit geng. Tiga minit please!

Dalam usaha ini Tuan Pengerusi, saya berharap apa sahaja agensi di bawah pertanian ini seperti Bank Pertanian, MARDI, LKIM, kepala-kepala dia 030000 atau apa semua ini supaya melihat baik kedudukan mereka ini, kerana kita sudah pergi pertanian sudah lama dah, dan hari ini barulah kita tengok dalam surat khabar, hari ini FAMA mengeluarkan 20 jenis sayuran berpotensi diusahakan. *[Menunjukkan keratan akhbar]* Baru hari ini.

Itulah sebabnya kita minta MARDI, kalau sudah tahu 20 jenis sayuran berpotensi diusahakan, MARDI yang menjalankan penyiasatan, siasat yang 20 jenis sayuran ini. Kita ada pakar-pakar pertanian di seluruh negara di Malaysia ini, buat kajian tanah di mana yang sesuai untuk tanaman-tanaman ini. Itu yang kita patut usahakan. Ini dengar kata dokong di Terengganu dapat pendapatan lebih, orang Johor pun sibuk hendak tanam dokong. Orang Melaka pun sibuk hendak tanam dokong.

Dengan kata di Siam pada hari ini boleh mengeluarkan mata kucing yang begitu mahal harganya, wah dah hebah dah! Dekat Melaka, dekat Johor pun hendak tanam buah longan ini. Walhal kita harus buat kajian. Orang kampung kita ini yang hari ini dia tanam serai, tanam pisang, tanam apa? Kerana kita lihat daripada apa yang telah dikemukakan oleh kerajaan, kita mengimport makanan RM13 bilion.

RM13 bilion ini bukan sahaja di *consume* oleh manusia tetapi juga binatang-binatang ternakan kita. Kita hari ini dapat mengeluarkan *giant-giant* sehingga di Melaka di kawasan saya ada satu ladang ternakan ayam yang boleh mengeluarkan 1.2 juta biji telur ayam satu hari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Belum lagi Tuan Pengerusi. Baru hendak mula ini Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semalam sudah berucap.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Semalam baru pembukaan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya minta, saya minta oleh kerana makanan ternakan ini banyak digunakan, mengapa tidak MARDI menjalankan penyelidikan supaya tidak perlu kita import barang makanan ternakan ini yang mana diusahakan oleh orang kampung, kita jalankan penyelidikan, kita keluarkan makanan ternakan berasaskan barangan yang dikeluarkan orang-orang kampung. Kita ambil contoh pada hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Tuan Pengerusi. Jadi saya harap Tuan Pengerusi, apa yang telah diusahakan oleh orang kampung pada hari ini, MARDI dan juga LPP atau apa sahaja agensi, kita perkemaskan lagi apa yang sudah diusahakan orang-orang kampung supaya mereka dapat menambahkan pendapatan orang-orang kampung. Tidak payah tanaman *variety* baru apa ini semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Alamak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya seramai 22 Ahli Yang Berhormat telah diberi peluang berucap dan saya ingin memaklumkan, saya memang mengharap supaya kementerian ini dapat diselesaikan pada tengah hari termasuk jawapan daripada pihak kerajaan.

Oleh kerana memang kita sudah lambat, kalau mengikut giliran, jadual yang kita tentukan. Maka saya putuskan empat Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan diberi peluang sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta menjawab. Kalabakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lain orang dapat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tiga Ahli Yang Berhormat diberi peluang lagi selepas yang lain selesai.

11.13 pagi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: 10 minitkah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Lima minit, lima minitlah, asal ada.

Tuan Pengerusi, apabila kita bercerita fasal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita nampak banyak butiran-butiran yang kita hendak bangkitkan tetapi oleh kerana kita dibagi lima minit, mungkin tidak juga mencukupi tetapi ala kadarlah. Saya ingin membahaskan mengenai dengan P.21, 00203 dan 010000, 011000 dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, kalau kita bercerita fasal pertanian, kita nampak bahawa pertanian ini ditumpukan di kawasan luar bandar. Apabila peruntukan begitu besar dibahagikan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, rakyat di luar bandar bukan sahaja di Semenanjung, bahkan di Sabah dan Sarawak, mereka merasa bahawa kali inilah mereka dapat peluang untuk dapat menikmati daripada apa yang dirancang oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, banyak perkara yang saya mungkin tidak faham lembaga-lembaga seperti MARDI, MADA, KADA dan lain-lain lagi, banyak masalah yang kita dengar ini di Semenanjung, tetapi di Sabah kita tidak tahu apa fungsi lembaga. Tidak ada fungsi lembaga yang telah saya sebutkan tadi, kerana sepanjang pengetahuan saya, tidak ada fungsi. Jadi, saya minta supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini, mereka ini memberi tahu fungsi-fungsi semua lembaga-lembaga.

Tuan Pengerusi, kita ada lembaga-lembaga di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kita ada lembaga di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu FELDA. Kita ada Lembaga FELCRA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi saya nampak banyak lembaga tetapi kita tidak tahu bagaimana mereka ini boleh sampai ke akar umbi untuk membantu rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, di Sabah kita ada banyak tanah yang terbiar dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil, mereka ini dahaga bantuan-bantuan untuk membantu mereka membangunkan pekebun-pekebun kecil. Tetapi apabila kita minta lembaga untuk menguruskan pekebun-pekebun kecil ini lembaga bersetuju tetapi dengan syarat apa yang dibelanjakan akan dibayar balik oleh pekebun-pekebun kecil. Ini Tuan Pengerusi, memang membebaskan kerana lembaga ini mempunyai *over head* yang begitu tinggi

dan saya percaya kalau kita serahkan tanah pekebun kecil ini kepada mereka tentu sekali rakyat di luar bandar ini semacam menggadai kebun-kebun ini kepada lembaga dan mereka ini bertanggung hutang mungkin seumur hidup.

Jadi, Tuan Pengerusi, kita banyak lembaga saya katakan dan saya tidak mahulah berucap panjang kerana masa pun lima minit sahaja. Tetapi saya ingin terus kepada Skim Pinjaman Khas Pertanian, saya apabila saya baca, saya tengok buku, kita hairan kerana skim pinjaman khas pertanian ini tidak sampai ke Sabah tidak sampai ke Sabah dan Sarawak, ke mana peruntukan ini pergi, ke mana kita mahu tahu jawapan ke mana peruntukan skim pinjaman khas ini untuk pertanian yang saya tahu di Sabah mungkin di Sarawak tidak sampai.

Tuan Pengerusi, masalah yang kita hadapi untuk Sabah dan Sarawak kerana di Sabah kita ada Kementerian Pertanian juga, jadi sama ada peruntukan ini melalui Kementerian Pertanian Sabah atau terus, kalau terus mungkin tidak sampai itulah saya katakan beberapa kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena gulung, ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih, saya sudah kemukakan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Dewan yang mulia ini ada satu Dewan Rakyat yang menggubal segala-galanya untuk negara kita. Tetapi ada masalah ada akta ada kemudahan-kemudahan tidak sampai ke Sabah, penguatkuasaan tidak sampai ke Sabah, saya sudah bangkitkan akta dalam satu negara mesti sampai ke pelosok negara, kalau kita kata daripada Perlis hingga ke Sabah akta ini daripada Perlis ke Sabah. Kita tidak mahu akta digunakan di Semenanjung dan akta ini tidak sampai ke Sabah dan demikian juga peruntukan-peruntukan khas untuk pertanian ini kita mahu dia sampai ke Sabah. Sekian, saya ingin menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Krai, dululah.

11.20 pg.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan tahniah dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pertanian yang sudi berada di sini, Setiausaha Parlimen. Saya dari Kuala Krai, ingin bercakap mengenai Kepala B.21 sebagaimana rakan-rakan tadi, oleh sebab masa singkat, pertama saya khusus ucap tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Pertanian yang telah dapat menganjurkan beberapa kali pertunjukan yang besar-besar termasuk MAHA

yang diadakan di *Mines* dan juga *Golden Horses*, begitu besar tempat-tempat ini yang mana rata-rata kita rasa semua dihadiri oleh Menteri dan para pegawai begitu hebat. Oleh kerana peruntukannya yang begitu banyak RM1.5 bilion dan dikagumi oleh semua penduduk-penduduk di Malaysia terutama sekali di luar bandar.

Maka saya mewakili sebagai rakyat luar bandar khususnya negeri Kelantan dan Kuala Krai ingin menyatakan beberapa perkara bagi panduan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyarankan beberapa kali betapa beliau berhasrat menjadikan pertanian adalah sebagai pemangkin kepada negara dan kita tahu di mana-mana negara pun bila pertanian ini maju maka majulah negara itu. Kerana ini hasil bumi yang diciptakan oleh Allah subhana wataalah dan kita pun insya-Allah dengan peruntukan yang begitu banyak dengan kementerian yang begitu gagah dan bersemangat dan dapat mengadakan beberapa di bawah kementerian yang lepas-lepas telah berjaya, kita harap ini juga akan menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang.

Pertama, bila kita sebut pertanian rata-rata di luar bandar, tidak ada banyak dalam bandar. Tetapi beberapa pertunjukan yang telah diadakan khusus di bandar-bandar besar, ini amat kita rasa dukacita kerana pihak-pihak luar bandar ini jarang yang boleh datang melainkan yang telah diusahakan dengan bas dan sebagainya.

Di mana masa akan datang sudah tentu yang akan menggemilangkan negara kita adalah terdiri para-para belia, para-para remaja yang begitu tidak tahu dengan selok-belok pertanian moden ini. Oleh sebab begitu jauh perhubungan pun tidak ada telefon, televisyen tidak dapat tengok seperti saya telah sarankan di sini, kalau ada 7, 8 saluran tetapi bagi kawasan saya di Dabong nu, satu pun tidak dapat tengok masih dok goyang-goyang.

Jadi sudah tentulah kita memerlukan satu taklimat, satu penyiaran yang khusus kepada belia-belia ini supaya remaja belia ini suka ataupun gemar membuat pertanian ini di masa depan. Oleh itu saya sarankan kepada pihak kementerian ini supaya banyaklah dengan peruntukan yang sebegini, kepada pihak luar bandar yang terdiri daripada remaja-remaja, daripada kita menghabiskan wang beratus-ratus ribu dengan pertunjukan yang besar-besar di dalam bandar, ini tidak menguntungkan, yang untung hanya dalam bandar tetapi pertanian yang kita hendak salurkan inilah kepada luar bandar dan terdiri daripada muda-muda dan remaja, kenapa tidak kita habiskan peruntukan yang sebegini besar kepada luar bandar yang kita inginkan kepada muda-

muda remaja ini yang sekarang tidak ingin benar dengan pertanian. Bila sebut sahaja tanam padi mereka sudah lari, yang tinggal yang tua-tua yang bongkok-bongkok sahaja masih buat pertanian seperti padi dan sebagainya ini. Oleh itu saya menyarankan supaya pihak kementerian mengadakan lebih banyak kursus-kursus, taklimat dan sebagainya kepada pihak remaja di dalam luar bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Satu lagi saya juga menyarankan supaya pihak pegawai-pegawai ini diperbanyakkan sebagai contoh di Kuala Krai, kalau kita sebut pegawai perikanan satu sahaja ada, sedangkan di DUN ini ada empat dan kalau hendak pergi ke Dabong itu tiga kali ganda negeri Perlis luasnya. Bayangkan satu pegawai, kalau hendak kolam ikan pun tidak dapat dan sebagainya. Jadi dengan ini saya berharap supaya pihak kementerian ini dapat mengadakan lebih banyak pegawai-pegawai bukan sahaja di bidang perikanan begitu juga penternakan, lebih-lebih lagi pertanian.

Kalau boleh ditempatkan satu orang pegawai di Parlimen supaya rakyat-rakyat yang selalu datang bertanyakan kepada wakil rakyat ini sudah tentu tidak dapat memberikan kepuasan kepada mereka dan tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya. Oleh sebab itu, kalau tidak tiap-tiap hari pun pegawai ini mesti berada di Parlimen atau di pejabat Parlimen ini dalam seminggu tiga kali untuk memberi pendedahan dan taklimat ataupun panduan kepada yang ingin menternak, membuat kolam ikan ataupun bertani di tanah-tanah terbiar. Ini yang boleh memberi manfaat saya kira dan satu lagi kepada pertanian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Bank Pertanian juga harus diberi manfaat kepada penduduk-penduduk, tidak kata bila penduduk hendak buat apa-apa pergi pertanian dia kata tidak ada wang dan sebagainya, jadi mereka pun dengan sendiri putus asa dan bila pergi ke pejabat DUN dan sebagainya mengatakan eh, tidak guna Yang Berhormat, semua ini tidak dapat kita hendak laksanakan. Sebab itulah saya cadangkan supaya pegawai ini berada di Parlimen. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya perlu minta maaf, memang tidak dapat semua diberikan peluang, sesiapa yang telah memohon lama, saya terpaksa memberikan keutamaan, Sabak Bernam dan selepas itu Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia sudah tunggu lama. Yang baru bangun, saya minta maaf sebab semalam saya mengikuti perbincangan ini. Saya tahu siapa yang sentiasa bangun. Sabak Bernam, Sri Gading dan pihak kerajaan menjawab. Saya minta maaf, minta maaf.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya harap, lima minit sampai, sila duduk. Kalau tidak mahu duduk, saya akan tutup *mic* ini, tolonglah, tolong Yang Berhormat.

11.26 pagi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli-ahli Dewan yang mulia. Saya akan patuhi masa itu, ada lima perkara yang saya akan cakap dalam lima minit, insya-Allah.

Yang pertama, kita di Sabak Bernam mengalu-alukan hasrat Menteri Pertanian untuk mengunjungi Sabak Bernam. Kita menunggu pada bila-bila masa dan insya-Allah kita akan berikan nilai tambah kepada kunjungan ini kerana di Sabak Bernam memang banyak projek contoh yang telah disebutkan oleh teman-teman Yang Berhormat supaya pihak kementerian ini sewajarnya menyediakan projek contoh yang boleh dicontohi, diteladani, dipelajari dan di Sabak Bernam, dilawati, itu pertama.

Perkara yang kedua, Sabak Bernam menyentuh Maksud B.21 Butiran 020200 dan 040300. Jadi perkara yang kedua ini, seperti yang dimaklumi, kementerian ini alhamdulillah sebagai pengiktirafan kepada pentingnya petani-petani luar bandar khususnya telah diberikan peruntukan yang cukup besar dan orang kampung pun sudah tahu. Yang penting sekali ialah agar peruntukan yang besar ini memberikan kesan kepada mereka dalam konteks membantu mereka untuk meningkatkan status hidup mereka melalui projek-projek pertanian yang berjaya.

Dari pengalaman yang lalu dan dari pemerhatian, kita meminta supaya pihak kementerian memberikan perhatian khusus kepada Program Bina Insan bagi pegawai-

pegawai di kementerian itu sendiri. Kita sering kali menyebut mengenai sikap petani, sikap nelayan, sikap penternak. Saya hendak nyatakan di sini dalam konteks sikap, kita harus melihat kepada tiga pihak iaitu pihak pimpinan, yang ini alhamdulillah, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, alhamdulillah orang yang cukup baik dan dinamik.

Peringkat yang kedua ialah pegawai dan kakitangannya dan peringkat yang ketiga barulah pihak petani, nelayan dan penternak. Dalam konteks ini, saya ingin meminta pihak kementerian memberikan perhatian agar Bina Insan bagi pegawai dan kakitangan kementerian ini diberikan perhatian khusus agar ilmu ataupun kemahiran mereka ditingkatkan dan di samping itu dalam pelaksanaan program dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan supaya dipastikan *accountability* mereka. Ini sekarang, duit banyak seperti yang selalu disebut tetapi wang yang banyak itu ataupun peruntukan yang besar sebenarnya tidak menjamin sesuatu program itu berjaya sebab selain itu yang terpenting ialah manusianya ataupun pegawai yang melaksanakan. Jadi dalam konteks ini, kursus ataupun Program Bina Insan bagi pegawai ini harus diperbanyakkan. Jadi ini, insya-Allah akan menjamin nanti supaya sikap petani dan penternak juga akan turut berubah.

Perkara yang ketiga, saya telah bawa perkara ini kepada Kementerian Perladangan dan Komoditi, tetapi saya telah diminta untuk membawa kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sekarang saya bawa. Isunya adalah, isu pembelaan kepada pekebun kecil kelapa *copra* ataupun *Malaysian Tall*. Jadi dalam tempoh lima tahun yang lalu, petani ataupun pekebun ini telah mengalami dua pengalaman kejatuhan harga kelapa yang cukup rendah, bawah dari lima sen. Jadi, oleh kerana itu, Sabak Bernam mencadangkan supaya pihak kementerian menubuhkan satu badan atau jawatankuasa ataupun Lembaga Hasil Kelapa bagi membela petani-petani ini jika risiko turun harga akan berlaku lagi.

Jadi, di samping itu, kita juga ingin menyarankan supaya pihak kementerian ini melalui MARDI membuat kajian....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa sudah cukup ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi, satu minit lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi saya pergi kepada perkara yang khusus tadi iaitu pembelaan kepada pekebun kelapa itu supaya MARDI membuat kajian terhadap nilai tambah kepada pokok kelapa ini kerana kalau kita lihat dengan mata kasar sahaja, kelapa selain dari buah kelapa yang memberikan hasil yang baik, tetapi yang lain-lain seperti sabut, tempurung, lidi dan seumpamanya boleh memberikan nilai tambah kepada hasil ini.

Selain daripada itu dan yang akhir sekali menyebut mengenai MARDI. Pihak MARDI telah pun datang ke Sabak Bernam untuk membuat satu kajian berkenaan dengan makhluk perosak bagi tembikai susu. Ini telah dibuat pada setahun yang lalu, tetapi sehingga sekarang, kajian ini belum nampak hasilnya.

Jadi oleh kerana itu, Sabak Bernam berharap supaya tindakan segera diambil oleh pihak kementerian ini supaya petani yang mengusahakan tembikai susu itu tidak mengalami kerugian yang seterusnya.

Dengan itu, Sabak Bernam mengucapkan terima kasih dan menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading dan selepas ini kementerian menjawab.

11.31 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, tetapi sebelum itu saya hendak mengalu-alukan sahabat saya, kehadiran Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, menteri yang bijaksana dan mempunyai keistimewaan yang petah berkata-kata, saya harap waktu kementerian Datuk, Datuk sendiri datang menjawab.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh B.21, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah kementerian yang lama, diubah nama dan ditokok tambah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana hasratnya hendak melihat sektor pertanian ini benar-benar akan menjadi salah satu sektor yang boleh memberi kemakmuran kepada rakyat dan negara.

Soalannya, semangat baru, semangat yang tinggi, yang diasaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada sektor pertanian ni, yang diterima sudah tentu barang tentu oleh Menteri Pertanian bersama-sama Timbalan Menteri dan sudah barang tentu bersama-sama dengan Setiausaha Parlimennya, bolehkah tidak

semangat ini diterima sampai ke bawah sebagai satu daripada jihad pemimpin-pemimpin yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengajak rakyat yang terlibat sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani benar-benar dapat memenuhi cita rasa dan cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Biar berapa pun peruntukan yang diperuntukkan, kalau semangat dan pembaharuan-pembaharuan, pendekatan-pendekatan yang agak lebih merangsangkan tidak dapat dibuat, segala wang yang diperuntukkan tidak akan dapat membawa petani ke mana-mana, dia akan tinggal kata orang Pulau Pinang, "Pi mai pi mai tang tu juga".

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh hendak pi mai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak dapat, tidak dapat, minta ampun minta maaf.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sepatah sahaja fasal jihad tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Jihad ini takut salah erti. Jihad bukan pikul senjata sahaja, waktu hari ini negara hendak membasmi kemiskinan, perlu jihad, kerja keras, setuju tidak? Yang keduanya pindah teknologi kepada MARDI dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Kata tadi sepatah, sudah jadi lima patah. Saya setuju sangat. Terima kasih atas sokongan itu. Ini masalahnya. Apakah pegawai-pegawai pertanian peringkat bawahan yang memang benar-benar menyentuh petani dapat merasai semangat yang diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang diterima pakai oleh menteri, timbalan-timbalan menteri, setiausaha parlimen dan mungkin ketua setiausaha kementerian, bolehkah sampai semangat ini ke peringkat bawah yang menyentuh petani-petani yang berjumlah jutaan dalam negara ini. Itu soal yang pertama.

Apa perancangan? Apa perancangan kementerian dan saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Pertanian, apa perancangan beliau yang pertama dalam memberikan semangat baru kepada pegawai-pegawai yang mungkin jumlahnya berpuluh-puluh ribu yang ada dalam negara ini. Apa yang sedang Menteri hendak lakukan kepada pegawai-pegawai, staf pertanian di peringkat bawah. Kalau tidak, jangan mimpilah, kita akan kekal menjadi salah satu sektor yang miskin dalam negara ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, jangan kacau dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak ada masa. Saya ini jenis orang pemurah juga Dato' tapi tidak ada masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Teruskan. Okey, saya minta maaf Jerai. Saya bukan tidak hormat Jerai, saya hormat Jerai. Lebih-lebih lagi Jerai sudah menang Timbalan Pengerusi Tetap UMNO. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya beralihlah Tuan Pengerusi. Industri asas pertanian, orang kampung tertanya-tanya apa benda ini, apa binatangnya ini. Jangan nanti orang kampung ketawa. Ini yang dikatakan oleh Kinabatangan jangan nanti orang kampung kata, semua ini retorik. Apa benda? Apakah asas industri pertanian nanti kepada orang Melayu, keropok, - kerepek, keropok, - kerepek. Apa itu sahaja besok? Di Jerai keropok, di Sri Gading kerepek. Di Jerai kerepek, di Sri Gading keropok. Apakah itu sahaja besok? Kita hendak tanya apakah bendanya. Apa benda yang hendak dilakukan ini? Industri asas pertanian ini apa benda? Kalau hendak buat kilang di kampung-kampung mak tuan, pak long saya di kampung tidak akan mampu Tuan Pengerusi. Hendak buat kilang hendak kena mula-mula daripada tanah pertanian, hendak ubah syarat, kemudian ada 14 jabatan. Pak long saya tidak mampu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Gulung Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akhir, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Akhir.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun ada di sini belum disentuh oleh kawan-kawan saya, apa jadi dengan pertanian yang berkaitan dengan nanas. Petani-petani yang bergantung hidup

dengan nanas ini apa program atau perancangan Kementerian Pertanian dalam usaha hendak menentukan peningkatan taraf hidup petani-petani nanas yang berada di tanah-tanah gambut di seluruh negara. Kalau di Johor di tanah gambutlah nanas ini. Itu saya hendak tanya Tuan Pengerusi. Masa tidak ada. Saya patuh Tuan Pengerusi, saya jenis orang baik Tuan Pengerusi. Antara orang yang baiklah. Jerai dengan saya, baik sayalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Selepas itu lain kali boleh menang Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mudah-mudahan Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

11.38 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya ingin mengucapkan di sini setinggi-tinggi penghargaan kepada 26 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan, dan memberi kepada kami satu petunjuk yang begitu baik sekali betapa pentingnya bidang pertanian ini, dan untuk rekod saya ingin merakamkan di sini nama-nama kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, iaitu Yang Berhormat Larut, Bukit Gantang, Bera, Pasir Mas, Ledang, Kuala Kedah, Kudat, Padang Terap, Beluran, Bandar Kuching, Ketereh, Kinabatangan, Sik, Jerai, Gerik, Rantau Panjang, Mambong, Kuala Terengganu, Tuaran, Serdang, Tanjong, Jasin, Kalabakan, Kuala Krai, Sabak Bernam, dan akhir sekali Sri Gading. Tetapi tidak lupa juga bagi mereka yang mencelah-celah.....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:iaitu termasuk Yang Berhormat Ayer Hitam, Batu Pahat, Pasir Puteh dan Pensiangan. Jadi terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat kerana telah memberi kami banyak dalam masa dua hari ini dari segi pandangan Yang Berhormat teguran, kritikan, dan

sebagainya kami terima. Kami terima dengan hati yang terbuka kerana apa-apa Yang Berhormat suarakan ini datang dari hati sanubari yang ikhlas. *[Tepuk]*

Sebab kami pun merasakan bahawa kami di dalam kementerian ini, kalau kami sahaja memang rasa berat memikul satu tugas dan tanggungjawab khasnya yang diwar-warkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi dengan adanya sokongan daripada semua Ahli Yang Berhormat walaupun ada yang panas sedikit, ada yang memuji sedikit sebanyak, tetapi kami tahu tugas ini adalah sama-sama berat kita pikul. Tetapi dengan keprihatinan Yang Berhormat yang ditunjukkan dengan 26 yang mengambil bahagian ini, insya-Allah harapan dan cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat kita laksanakan bersama.

Sebenarnya kami berterima kasih sebab sebenarnya Yang Amat Berhormat yang telah menambahkan kalau dari bajet asal, perangkaan asal memang tidaklah sampai angka yang begini besar, tetapi telah meningkat sebanyak 34.2% berbanding daripada peruntukan tahun 2004. Begitulah nampaknya, begitu besar harapan Yang Amat Berhormat di mana harapan ini insya-Allah kita akan terjemahkan untuk menjadi kenyataan khasnya di akar umbi dan di mana kami juga menggunakan perkataan yang kita harap memberi makna yang begitu besar, iaitu mencetuskan satu revolusi pertanian negara kita dan saya berharap Yang Berhormat ini memang bukan retorik.

Kita berharap, kita dengan gandingan kerjasama bersama kita akan memastikan ini bukan setakat retorik dan sehingga ke hari ini juga memang kami telah dihidangkan dengan satu provokasi yang begitu besar maknanya supaya, insya-Allah kita akan bekerja dari Menterinya sehingga ke pegawai-pegawai di akar umbi, insya-Allah Yang Berhormat. Jadi saya tidak dapat menyebutkan satu-persatu melalui kawasan, tetapi saya merangkumkan melalui bidang-bidang yang disentuh dan memberi jawapan atau maklum balas seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Jadi ianya tidak mengikut susunan, tetapi di mana Yang Berhormat merasakan saya telah tertinggal, silalah berhentikan saya dan beritahu insya-Allah saya cuba akan membetulkan lagi.

Jadi di sini ada beberapa perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Larut, Bukit Gantang, Ledang, Ketereh, Jerai, Mambong, Kinabatangan dan Jasin yang telah banyak menyentuh mengenai isu pemasaran pertanian dan FAMA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang menyedari bahawa pemasaran hasil pertanian masih menghadapi pelbagai

masalah pemasaran, terutama hasil pertanian segar seperti buah-buahan bermusim kerana jangka hayat yang pendek, mudah rosak dan ditanam secara kecil-kecilan dan berselerak di seluruh negara.

Masalah pemasaran hasil pertanian segar ini lebih ketara di negeri Sabah dan Sarawak, kerana kekurangan kakitangan dan kemudahan infrastruktur pemasaran yang boleh membantu pengeluar kecil-kecilan di seluruh pelosok negeri ini. Di negeri Sabah contohnya walaupun FAMA mempunyai 60 orang kakitangan, 15 buah lori, dan 12 buah pusat pengumpulan ladang dan pusat pengedaran hasil pertanian dan 16 buah pasar tani, namun keberkesannya masih dipersoalkan khasnya Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Sebenarnya fungsi dan perkhidmatan FAMA terpaksa difokuskan kepada kawasan pengeluaran utama di Sabah seperti di Kundasang, Tawau, di Kudat, di Lahad Datu, Sandakan dan Kota Kinabalu dan kemungkinan masih ramai petani yang tidak menerima faedah daripada perkhidmatan FAMA. Ini tidak bermakna FAMA tidak berkesan, kerana FAMA juga ada halangan dari segi kemudahan pemasaran, pegawai pemasaran dan sebagainya seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, Ketereh dan ledang. Sehingga kini FAMA melaksanakan operasi pemasaran melalui 53 buah pusat pengumpulan ladang, 11 buah pusat pengedaran dan 190 buah lori dan van pengedaran.

Kebanyakan infrastruktur pemasaran ini perlu dipertingkatkan, diganti atau ditambah bilangannya. Pada masa ini FAMA belum bercadang untuk menubuhkan *supermarket* atau *hypermarket* sendiri seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang. Hasil pertanian, sama ada segar atau diproses, boleh memasuki *supermarket* atau *hypermarket* tempatan dan antarabangsa melalui perkongsian strategik antara FAMA dengan *supermarket* dan *hypermarket*. Seperti sekarang ini kita ada perkongsian strategik, iaitu bersama dengan *TESCO*, *Giant*, *The Store*, *Jaya Jusco* dan sebagainya. Sebagai contoh FAMA telah mengadakan promosi jualan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita memang maklum, sebab itu kita menyuarakan masalah di mana tahap kemampuan pemasaran kita itulah yang membawa masalah kepada peladang-peladang, petani dan sebagainya. Jadi cuba kita bayangkan

bagaimana kerajaan menggesa supaya industri asas tani ini dikembangkan tetapi masalah yang di hadapan ialah dari segi pemasaran.

Adakah masuk akal, kita keluarkan banyak barangan tetapi tidak boleh dijual. Bukankah ini merupakan satu strategi yang lemah, yang rapuh, yang boleh mengakibatkan bukan sahaja negara kita tidak untung tetapi masyarakat, keluarga petani ini menjadi tidak ada pendapatan. Jadi apakah ada pendekatan-pendekatan yang lain? Contohnya, kita ada MARDI, pusat penyelidikan, selidikilah bagaimana hendak menyegarkan buah-buahan, contohnya, kalau boleh tempoh daya tahannya kalau seminggu dipanjangkan menjadi dua bulankah.

Carilah mekanisme, pendekatan-pendekatan yang baru dan juga mungkin membantu mencari pemasaran di luar negara yang memerlukan pembekal-pembekal seumpama ini sebab kalau inilah alasan kita di dalam perdebatan kita hari-hari, maka bukan sahaja tidak selesai, bahkan impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat industri asas tani ini menjadi bahan produk utama kita pada masa-masa akan datang tidak akan tercapai.

Jadi apakah kita cuma berhenti di sini ataupun ada pendekatan-pendekatan yang lain sebab kalau tidak ada pendekatan yang baru, ini masalah yang dihadapi, lebih baik jangan kita sarankan industri asas tani ini sebab kita menghadapi masalah dalam pemasaran. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak, kita tidak berhenti di sini. Kita meneruskan dengan pelbagai cara sebab tadi saya baru mula, Yang Berhormat, tetapi biarlah saya habiskan bab-bab pemasaran ini sedikit sebanyak, memang nanti saya akan ceritakan bahawa ada penemuan-penemuan baru. Untuk makluman Yang Berhormat, kita bukan sahaja meminta MARDI tetapi kita minta *networking* juga dengan badan-badan *research* yang lain dari seluruh negara supaya kita dapat berkongsi apa yang dapat digunakan untuk kita memastikan bahawa segala produk kita ini tahan lama dan boleh pergi jauh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta sedikit pandangan mengenai pemasaran kerana saya semalam pun turut, Tuan Pengerusi, mengambil bahagian dalam isu pemasaran ini. Contohnya, FAMA, saya ingat sudah tiba masanya bagi FAMA, tanggungjawab FAMA kita serahkan kepada JKKK sahaja sebab kebanyakan JKKK lebih tahu masalah

tempatan yang hendak dipasarkan. FAMA ini kita syorkan supaya pergi lebih global lagi *[Disampuk]* supaya dia mengambil perhatian lebih berat mengenai masalah pemasaran, import dan sebagainya, bagi ditumpukan di peringkat global, lebih antarabangsa. Tidak mengapalah pegawai-pegawai nak pergi ke luar negara, pergilah, untuk mengetengahkan lagi produk tempatan kita yang begitu baik. Saya tidak tahulah kalau mereka ini pergi berehat, bercuti, saya tidak tahulah.

Macam saya kata semalam, produk tempatan, bila lagi kita hendak bergantung kepada barang-barang import. Macam limau oren yang saya sebutkan semalam, kajian telah menyebut bahawa, semalam saya sebut tentang *roselle*, yang boleh diusahakan oleh para petani kita, kita pun boleh, di mana kalau kita hendak bandingkan dengan jus oren, dari segi vitamin C mengandungi sembilan kali ganda, sebagai contoh. Tuan Pengerusi, seorang doktor, kita sama-sama sembang hari itu, Tuan Pengerusi, waktu itu kita berada di luar, tentang bagaimana kita nak....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dekat mana tu Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Di Maghribi. Itu kita pergi sendiri, Tuan Pengerusi. Jadi inilah yang perlu kita lihat. Kenapa kita nak malu produk tempatan kita. Jenama-jenama yang mahal-mahal pun kadang-kadang dibuat di Thailand, dibuat di negara-negara yang tidak membangun. Ya, jadi, bila lagi. Saya ingat Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun setuju, ya? *[Mengajukan soalan ke arah Yang Berhormat Pasir Mas]* Sebab Yang Berhormat pakai itu pun *[Memaksudkan kopian]* mungkin dibuat daripada negara yang tidak membangun, contohlah. Setuju kan?

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Menganggukkan kepala]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, dia setuju dengan saya.

Jadi, bila lagi. Tolonglah, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun telah menyarankan, Perdana Menteri cakap hendak menjanakan lagi industri pertanian tempatan. Kajian-kajian MARDI, kaji durian yang begitu banyak tetapi setakat kaji sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan panjang sangat Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak panjang, tetapi kalau tidak, nanti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dia tidak faham, dia marah saya. Jadi, saya hendak memahamkan benda ini. Bila lagi para petani kita boleh mengusahakan, mengeluarkan bahan-bahan tempatan, produk tempatan, lebih baik daripada produk yang kita import daripada luar negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat. Bagi peluang Setiausaha Parlimen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu *muqadimah* dulu, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih Yang Berhormat, memang kita sama-sama memahami dan kami lebih lagi Yang Berhormat, kami pun kadang-kadang rasa *frustrated* juga, Yang Berhormat. Jadi, tidak mengapalah Yang Berhormat, biarlah saya ini, sebab ada di dalam ini [*Menunjukkan kepada nota jawapan dalam tangannya*] termasuk mengenai *roselle* sebentar lagi.

Sebagai contoh, FAMA telah mengadakan promosi jualan *Malaysia Best* sebab kita pun hendak mempromosikan juga barang-barang kita supaya orang mengetahui. Kita bermula di Hong Kong bersama *Dairy Farm International Pte.Ltd*, iaitu menggunakan *hypermarket Giant*. Sebab itu kita menggunakan *local*, kerjasama dengan *local* dan kita minta yang *local* ini menyebarkan atau membawa barangan kita ke pasaran-pasaran antarabangsa mereka atau di *parent* tempat di mana mereka bermula, yang mempunyai rangkaian *supermarket* dinamakan *Welcome* yang terbesar di Hong Kong.

Sebenarnya hasil pertanian dan makanan negara boleh menembusi pasaran global melalui perkongsian strategik ini dengan syarat hasil pertanian kita memenuhi syarat pemeriksaan kualiti, keselamatan makanan dan *traceability* yang ditetapkan oleh negara pengimport. Ini yang kita saban hari dan baru-baru ini kita masukkan akta di dalam Parlimen ini supaya segala-galanya *in-place*, dengan izin, supaya barang-barang kita memang mudah dan senang diterima oleh pasaran antarabangsa.

Bagi menghadapi masalah lambakan buah-buahan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan Mambong, FAMA telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menyediakan permit khas pasar tani kepada pengeluar atau wakil untuk menjual di pasar tani. Kita hendak mewujudkan lebih banyak lagi pasar-pasar tani;
- (ii) menganjurkan pesta jualan di seluruh negara di tempat strategik dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan. Kita bermula daripada dalaman dahulu;
- (iii) mengadakan kempen memakan dan menggunakan lebih buah-buahan tempatan. Ini, Yang Berhormat, kita sama-sama mohon jasa baik Yang Berhormat juga, sama-samalah memberitahu orang-orang kawasan kita, kalau dapatnya kita makanlah lebih buah-buahan tempatan daripada apel, pear dan sebagainya. Kadang-kadang cita rasa mereka ini dia suka jugalah dengan apel, pear dan sebagainya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat hendak tanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya tertarik dengan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sejak tadi, di mana menggalakkan kepada rakyat kita makan buah tempatan dan sebagainya. Apa yang saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat, kita sudah makan, rakyat Malaysia sudah makan sampai ke peringkat sudah kencing manis sekarang ini [*Ketawa*], sampai peringkat kencing manis, sudah sampai peringkat potong kaki kerana banyak makan buah tempatan, tidak habis-habis.

Kita terpaksa fikir bagaimana kita hendak eksport ke luar negara. Kita dok bincang tentang mutu, dok bincang itu, dok bincang prosedur dan berbagai-bagai lagi sedangkan barang-barang dari Thailand sudah masuk ke Saudi Arabia, penuh daripada *supermarket* antarabangsa sampai kepada kedai-kedai di kaki-kaki lima, sedangkan kita baru hendak bincang.

Dua tiga tahun lepas saya pergi ke Jeddah tetapi saya tidak tahu siapa yang pamer. Saya tengok barang-barang dipamerkan di sebuah hotel besar. Saya kata, "Siapa yang nak masuk di hotel besar ini, dengan sosnya, dengan cilinya, dengan apanya." Sepatutnya dia bawa terus masuk ke lorong-lorong ataupun ke kedai-kedai

di Mekah itu kerana penggunanya seramai tiga juta orang Melayu di seluruh Asia Tenggara yang berada di Makkatul-Mukarramah yang mahu makan benda-benda daripada Malaysia.

Jadi mengapa perkara ini, kita kata dia adalah negara yang tidak membangun tetapi mengapa barang dia sudah lama sampai sebelum daripada kita? Kita kata Thailand negara yang sedang membangun, tetapi kita negara maju, bagaimana negara maju berada di belakang dan negara yang sedang membangun berada di hadapan? Semua ada, petai ada, jering ada, durian ada, budu pun ada daripada Thailand, kerdas pun ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Buah duku, buah dukung, buah apa pun semua ada di Mekah. Kita baru hendak bincang tentang mutunya dan apa sahaja, sedangkan kita mendakwa bahawa kita negara maju. Bagaimana pandangan dan tindakan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat ini kena tanya juga kepada doktor-doktor yang ada dalam Dewan, sebab saya tidak tahulah kalau makan banyak buah-buahan sampai kencing manis. Saya rasa itu medicallah, sebab rasa-rasa kencing manis ini termasuk yang lain-lain Yang Berhormat, bukan buah-buahan itu sahajalah. Saya tahu buah-buahan dari Thailand ini - itu mungkin, agaknya Yang Berhormat makan banyak buah-buahan daripada Thailand, itu memang manis dia lebih sedikit. *[Ketawa]* Sebab dekat ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat saya ucap terima kasih atas pandangan, memanglah kita sama-sama pergi Mekah, kita dapati barang-barang ini memang banyak di sana, tetapi mungkin dia ada pertalian atau rangkaian tradisional yang sudah lama, khasnya Indonesia. Orang Indonesia memang ramai di Mekah mungkin orang ini yang bawa dan sebagainya, tetapi tidak apa pegawai saya semua ada di sini mungkin mereka akan menambah dari segi fakta-fakta dan sebagainya, walau demikian, terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mohd Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dua-dua doktor bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua-dua doktor Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Doktor, Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih. Saya bukan hendak terlibat dalam penyakit kencing manis ini cuma saya hendak bertanya. Macam tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa pasaran pertanian telah dilakukan melalui rangkaian sahabat-sahabat perniagaan contohnya melalui TESCO.

Soalan saya, berapa peratus daripada hasil keluaran pertanian yang sebenarnya telah dipasarkan, yang boleh memberi sumbangan kepada keseluruhan petani-petani dan juga kita sedia maklum bahawa MARDI juga telah menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikannya dengan begitu lama. Soalan saya berapa peratuskah hasil penyelidikan MARDI tadi yang telah dipasarkan dan yang telah dikomersialkan? Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, jadi dari segi peratus mungkin ada juga di dalam nota-nota yang ada di hadapan saya, bila saya sampai ke peringkat-peringkat tajuk itu, jadi insya-Allah Yang Berhormat, kalau tidak Yang Berhormat nanti kita sama-sama berjumpa dengan pegawai untuk mendapat yang terperinci. Jadi saya sambung ya..

Dr. Mohd Hayati bin Othman: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Dr. Mohd Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak tanya tentang pasar tani dan FAMA tadi ini, kalau Kinabatangan mengatakan di Sabah pengeluaran dikeluarkan tidak ada dalam pasaran dan tidak sempat hendak pasar ataupun ada masalah dengan pemasaran, tetapi kami di Pendang khususnya di Utara Semenanjung ini banyak sayur yang kita dapati di pasar tani adalah datangnya daripada sahabat kita dari negara Thai. Misalnya kubis (*cauliflower*) dan juga cili. Bila kita pergi pasar tani, kita tanya, 'Ahah! Ini Siam mali', maknanya daripada Thailand, maknanya kita tidak mempunyai cukup sayur-sayuran jenis-jenis begitu yang dipasarkan di pasar tani kita.

Yang keduanya saya rasa kalau kita masuk hotel-hotel kita ada *welcome drink*. Saya pergi ke Kemboja baru-baru ini, saya masuk dalam Hotel Intercontinental, hotel lima bintang itu apa yang dihidangkan kepada kita ialah buah-buahan tempatan, buah

rambutan, buah manggis, tidak percaya tanya Puan Roosme. Macam-macam buah-buahan dia berikan kepada kita sebagai *fruit welcome* kita kata, Dato' Seri Razlan pun - maknanya apa salah kita letak dalam hotel-hotel besar, kita letakkan buah-buahan tempatan kita ini sebagai *welcome* kepada *visitors* kepada hotel itu. Saya rasa ini merupakan satu promosi kepada pelancong-pelancong kita, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa itu memang sedang dan juga diusahakan, insya-Allah. Cadangan Yang Berhormat itu memang perlu dan juga hotel-hotel yang ada kita pergi memang adalah, tetapi masih di campur-campur juga dengan buah epal, buah oren dan sebagainya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Last ya?* Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya ini bukan pakar pemasaran, tetapi kalau kita lihat perbandingannya, kita punya eksport dan *import, import* bahan-bahan makanan mentah mencecah 13 bilion. Eksport kita berapa bilion? Pulangannya tidak ada. Macam dikatakan oleh Pasir Mas tadi, bukan sebab makan buah kena kencing manis tetapi membayangkan buah sudah terlalu banyak, berlonggok sehingga tidak boleh dipasarkan. Sedangkan Thailand boleh memasarkan buah-buahnya ke negara-negara yang kita belum masuk. Jadi di mana logiknya? FAMA dikorporat, kenapa masih tidak menembusi pasaran-pasaran luar negara? Apa masalahnya? Adakah sebab mereka ini tidak pakar dalam perundingan ataupun mereka kurang sahabat? Kita mahu tahu, apa masalah dalaman dia. Kenapa FAMA tidak boleh menembusi negara-negara yang memerlukan bekalan-bekalan seumpama ini? Cuba, saya kalau ada pegawai FAMA kita berunding, bincang apa masalah yang dihadapi, sebab kita tidak tahu mungkin kita boleh bantu untuk menyelesaikan masalah sebab ini untuk kepentingan negara kita.

Bayangkan RM13 bilion kita beli, bayar kepada orang luar kalau dibelanja untuk membuat jalan raya bantu petani-petani ini, saya ingat petani kita sudah kaya-raya, tetapi ini tidak. Jadi inilah masalah yang kita hadapi, janganlah pegawai kerajaan kepala batu, bincang, beritahu menteri, ini masalahnya yang betul kita hadapi. Janganlah sorok-sorok, segan hendak beritahu apa semua. Kalaulah ini *attitude* dan tingkah laku pegawai-pegawai kita, lingkup negara kita ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak, itulah kita ambil pandangan ini semua dan untuk

makluman memanglah banyak masalah dan halangan seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu tadi, memang kita cuba untuk mencari jalan penyelesaian dan saya mohon jasa baik sebab saya sudah ditegur oleh Yang Berhormat Pengerusi kita supaya saya selesai dahulu menjawab selepas itu kita masuk celahan-celahan supaya saya dapat menyampaikan segala yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat—ang Berhormat sekalian.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, *I think* saya habiskan mungkin ada di dalam ucapan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ini tengah bercakap pasal FAMA lah ini. Selepas itu kita juga membeli terus pengeluaran dan mengedar ke kawasan penggunaan utama. Cara-cara kita membuat pasaran dan kita mengeksport ke pasaran luar negara seperti Singapura, Hong Kong, negeri China dan juga Australia. Bagi meluaskan pasaran, MARDI telah menjalankan kajian R&D seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi untuk menghasilkan produk nilai tambah seperti lempuk durian, jus perisa durian, sos pedas durian, *candy* durian, inti kelapa perisa durian, *chips* durian, jus dokong, jeruk rambutan dan sebagainya.

Kementerian mempunyai sasaran untuk meningkatkan peratusan eksport produk diproses daripada 20% kepada 80% seperti yang dilaksanakan oleh Thailand, tidak apalah kita lambat sedikit tetapi tidak apa *better late than never*, dengan izin.

Sebenarnya banyak isu lambakan dan penembusan pasaran antarabangsa ini boleh diselesaikan melalui penumpuan kegiatan pemprosesan hasil pertanian seperti disarankan oleh ramai Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun produk makanan tersebut perlu diproses, dibungkus, dilabel dan disahkan dikeluarkan dengan menggunakan sistem kualiti GMP. HACCP ini semua ada standard, standard untuk kita keluar ke pasaran antarabangsa, ISO 9000 dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan makanan 1985. FAMA telah mengenal pasti produk asas tani yang mempunyai potensi dan daya maju untuk dikembangkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Jerai. Di antara produk-produk tersebut adalah pelbagai sos, jem, chips, makanan sejuk beku, jus minuman dan produk hasilan herba. Semua produk ini akan menggunakan jenama Agromas dan Olemas seperti jenama nasional, bermaknanya orang tengok itu dia tahu itu dari Malaysia. Jus minuman Roselle seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut adalah termasuk jus yang berpotensi untuk dimajukan.

Sebenarnya promosi untuk memperkenalkan minuman jus Roselle ini telah pun dilaksanakan oleh FAMA sejak 8 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun penggunaannya belum begitu meluas kerana masih terdapat tanggapan terutama di kalangan orang dewasa bahawa Roselle macam Ribena juga, walaupun kandungan vitamin lebih baik daripada oren, buah anggur dan juga *blackcurrant*.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sangat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Larut untuk menjadikan jus roselle sebagai minuman '*Selamat Datang*' atau '*Welcome Drink*' dan juga sebagai minuman jus rasmi Malaysia. Kami memang juga menyokong cadangan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya industri roselle ini boleh juga dipelbagaikan untuk menghasilkan produk jem dan bahan kosmetik.

FAMA telah merancang untuk melancarkan semula kempen penggunaan minuman jus roselle ini pada tahun hadapan, insya-Allah. Diharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan mula meminum jus roselle dan saya difahamkan, Yang Berhormat bagi Larut akan membawa minuman roselle ini minggu depan, bermula di *coffee room* kita, dan berkempenlah kita bersama-sama untuk menjadikannya sebagai minuman kebangsaan, kebanggaan kita.

Sebab Yang Berhormat, satu masalah yang dihadapi, kita punya *taste, taste* pengguna ini, dengan izin, cita rasa, kalau kita suruh mereka minum roselle, kebanyakan mereka lebih memilih kepada ribena, khasnya anak-anak kita. Ini agaknyanya dari segi iklan dan sebagainya, jadi mungkin nanti kita minta juga FAMA mengadakan banyak *jingles* dan iklan supaya lebih kepada roselle, mereka tahu roselle.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit, sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bagi contoh, kita lebih suka, tertarik dengan produk-produk yang bernama. Saya beri contoh, orang putih, '*Mat Saleh*', dia tidak suka makan durian, memang tidak suka, dia benci. Tetapi kalau durian itu kita jadikan lempuk, macam kek, dia tidak tahu dan dia makan dan ini pernah berlaku. Bila sedap, dia tanya pula. Bila kita kata, "*Kek ini bermusim*". Dia terkejut, "*Apa dia?*" "*Ini buah durian*". Hah! Begitulah.

Jadi, maknanya, tidak kenal maka tidak cinta. Kita mesti buat sesuatu macam Yang Berhormat kata tadi, kempen. Tidak boleh kalau kita bermula dengan 'No'. Kita mesti bermula dengan 'Yes', barulah kita boleh berjaya. Macam bola, saya beri contoh, ini Yang Berhormat bagi Sri Gading, jangan marah saya. Jurulatih dari Korea, semalam telah membuat kenyataan bahawa pemain-pemain Malaysia ini berpotensi, boleh, bagus, cuma kurang cergas. Itu contoh sahaja. Berkemahiran, bagus, tetapi tidak cergas.

Macam juga Ahli-ahli Parlimen kita ini, semua ini berkelayakan. Janganlah memandang rendah dengan mengatakan mereka tidak berkelayakan. Ada yang memberi pandangan tidak boleh duduk di mana-mana lembaga. Bagi, tengok kita boleh buat atau tidak boleh buat. Belum cuba, belum tahu. [*Tepuk*] Setujukah atau tidak?

Beberapa Ahli: Setuju.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya! Hah, itu baru pandangan peringkat awal, minta penjelasan sedikit. Terima kasih.

Seorang Ahli: Belum cuba, belum tahu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Itulah seperti yang saya katakan tadi tetapi Yang Berhormat sebutkan *in that form*lah, samalah, Yang Berhormat. Dan cadangan Yang Berhormat bagi Larut untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Roselle, insya-Allah kita akan kaji kesesuaiannya. Saya ingin tambah mengenai roselle

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

Datuk Ronald Kiandee: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen,

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ini last.

Datuk Ronald Kiandee: 20 minit saya duduk sini, kita dengar FAMA ini mempunyai sindrom yang tidak melaksana. Kita tengok tadi, dari awal tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen katakan, FAMA mempunyai sekatan-sekatan, halangan-halangan demikian, cuma ada berapa biji lori, cuma ada 50 pusat. *You know, you have identify*, telah mengenal pasti masalah. Begitu juga roselle ini, kita mengenal pasti, FAMA mengenal pasti bahawa cita rasa pengguna itu lebih kepada

ribena, tetapi tindakan ke atas mengatasi masalah itu tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh FAMA.

Ini merupakan masalah yang harus diaddress oleh FAMA. Sebagai satu agensi yang sepatutnya specialize dalam marketing, dalam pemasaran. Dalam apa pun kita belajar pengurusan perniagaan, marketing merupakan aspek yang penting. Bukan sahaja mengenal pasti masalah itu penting, melaksanakan, mencari jalan, itu harus diberi tumpuan oleh FAMA. Sembilan tahun sudah roselle, sudah tahu masalah, masalah cita rasa, masalah persaingan dengan ribena, dengan oren, black current dan sebagainya. Tetapi langkah itu belum memberi kesan, sebab itu FAMA kena address. Jadi, kementerian harus melihat ini, sebagai satu cara penyelesaian yang harus ditumpukan oleh kementerian. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berterima kasihlah pandangan Yang Berhormat itu, memang sudah juga dikenal pasti dan sekarang ini kita juga memang dalam satu usaha untuk memastikan bahawa roselle ini mendapat tempat di kalangan kita orang tempatan dahulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah membangunkan kira-kira 90 hektar kawasan roselle melalui projek-projek kelompok petani dan swasta. Keluasan ini akan ditambah sehingga 3,000 hektar menjelang tahun 2010.

Sehingga kini terdapat 11 buah kilang roselle yang sedang beroperasi untuk memproses roselle dan produk-produk roselle seperti jus, kosmetik dan pharmaceutical. Kementerian juga sekarang ini sedang menjalankan kempen atau promosi roselle melalui sekolah-sekolah. Buat permulaan Jabatan Pertanian dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telah mengadakan kempen, promosi roselle di sekolah-sekolah di Negeri Sembilan sebagai perintis.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera bangun, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya rasa tidak cukup masa ini. Nanti Yang Berhormat masuk, ya. Coat saya ada dalam ini, ya. [Ketawa] Nantilah Yang Berhormat. Nantilah, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi, perintis di Negeri Sembilan, kempen ini akan diperluaskan ke negeri-negeri lain, jika terdapat sokongan dan sambutan. Melalui kempen ini pelajar-pelajar sekolah diberi penerangan mengenai cara menanam, memproses serta merasai produk-produk roselle. Sekarang satu Majlis Penyelarasan dan Pembangunan Industri Roselle telah dibentuk bagi memajukan tanaman ini. Majlis ini dianggotai oleh ketua pengarah, ahli-ahli penyelidik seperti MARDI, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan pengilang-pengilang.

Langkah kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Roselle ini dan menjadikan roselle sebagai minuman rasmi amatlah digalakkan. Satu Kertas Kerja Kabinet sedang disediakan untuk mendapat peruntukan khas bagi memajukan tanaman ini sebagai satu industri seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat saya rasa, ... [Sambil menoleh ke Yang Berhormat bagi Larut] Okay! Terima kasih Yang Berhormat. Menyentuh tentang pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang menegur bahawa penganjuran MAHA adalah sekadar retorik semata-mata adalah tidak berasas sama sekali. MAHA atau Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism, adalah ekspo pertanian terbesar negara yang bertaraf antarabangsa dan diadakan setiap dua tahun sekali.

MAHA tahun ini yang diadakan dari 5 hingga 10 Oktober adalah kali yang ketiga dan terbesar dengan penyertaan 12 buah negara. 70 syarikat antarabangsa dan syarikat-syarikat atau organisasi-organisasi jabatan dan agensi kerajaan dengan jumlah gerai atau booth sebanyak 550 buah. MAHA tahun ini dimeriahkan lagi dengan sambutan serentak Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. MAHA 2004 adalah jendela teknologi pertanian global yang memaparkan maklumat terkini yang sangat berharga di satu tempat bagi merangsang transformasi pertanian yang menjadi agenda utama negara masa kini.

Bertemakan teknologi peneraju pertanian komersial, antara lain objektif MAHA adalah untuk menggalakkan penggunaan teknologi moden bagi transformasi pertanian tradisional ke sektor komersial moden yang berdaya saing, menggalakkan pelaburan sektor pertanian serta meningkatkan jualan dan eksport hasil pertanian negara. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin yang telah memberitahu bahawa dua kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke MAHA menunjukkan betapa

berminatnya Yang Amat Berhormat dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat di sini juga akan pergi menjenguklah ke MAHA yang akan diadakan sehingga 10 Oktober ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani percaya dan yakin bahawa MAHA adalah satu ekspo yang memberi maklumat berharga yang sangat berkesan untuk membangkitkan semangat transformasi pertanian dan perbelanjaan MAHA sebanyak RM3.9 juta pada tahun ini bukanlah sia-sia atau sekadar retorik sahaja. Saya suka menjemput semua Ahli Yang Berhormat mengambil peluang keemasan ini untuk melawat MAHA 2004 yang sedang diadakan dan untuk memperluaskan lagi pandangan Yang Berhormat dan juga mencari idea tambahan kepada kami untuk memajukan sektor pertanian di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Bera, yang membangkitkan pegawai-pegawai di peringkat bawahan tidak mempunyai kepakaran untuk membimbing petani-petani. Saya rasa ada beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh perkara yang sama.

Jabatan Pertanian mempunyai lima buah Institut Pertanian di seluruh negara untuk melatih penuntut-penuntut lepasan SPM selama dua tahun untuk memperoleh Sijil Institut Pertanian yang setaraf dengan Sijil Politeknik. Di Institut Pertanian, mereka diajar mengenai asas-asas sains pertanian, pengurusan projek pertanian serta latihan praktikal. Oleh itu mereka yang menjadi pembantu-pembantu pertanian kawasan adalah mereka yang terlatih dan mempunyai pengetahuan di bidang pertanian.

Setiap tahun Jabatan Pertanian mengeluarkan seramai kira-kira 250 orang pelajar yang mempunyai Sijil Institut Pertanian. Ada di antara mereka yang bekerja dengan kerajaan, pihak swasta dan menjadi usahawan pertanian sendiri. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam yang telah mengatakan untuk mengadakan kursus-kursus kepada pegawai-pegawai yang sedia ada, insya-Allah ini juga akan diadakan dari masa ke semasa supaya mereka juga sama-sama mendukung hasrat kita.

Yang Berhormat bagi Lipis membangkitkan, iaitu mengenai tanah terbiar. Memang masalah tanah terbiar adalah masalah yang dengan izin, *complicated*, disebabkan masalah waris yang ramai dan masalah tanah pusaka. Dari pengalaman jabatan melaksanakan projek tanah terbiar di Negeri Sembilan, bahawa masalah ini boleh diselesaikan melalui kerjasama dari pihak undang-undang dan Ahli Lembaga

Adat bagi mengenal pasti dan mendapatkan kebenaran daripada ahli-ahli waris untuk memajukan tanah tersebut.

Langkah kerajaan untuk mengambil semula tanah-tanah terbiar dan diserahkan kepada kementerian agar dimajukan sebagai satu blok yang besar adalah baik. Walau bagaimanapun perundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri amatlah perlu kerana hak milik tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Bagi masalah... Yang Berhormat, boleh saya habiskan, Yang Berhormat? Nanti ya, Yang Berhormat.

Bagi masalah sewa tanah yang rendah ada disebutkan iaitu sehingga RM50 seekar setahun, kementerian telah menggalakkan supaya pelaksanaan projek dilaksanakan secara perkongsian bijak, dengan izin, *win-win situation*, di mana kadar keuntungan projek diagihkan dengan kadar 90:10, 90% pengusaha dan 10% pemilik. Adalah menjadi matlamat jabatan bahawa setiap pengusaha memperoleh pendapatan bersih RM3,000 sebulan. Ini bermakna pemilik mendapat pendapatan melalui sewaan sebanyak RM300 sebulan.

Di samping itu mereka juga boleh bekerja dengan pengusaha tersebut dan mendapat pendapatan tambahan melalui bayaran upah. Sehingga kini kementerian telah melaksanakan 919 hektar tanah terbiar yang melibatkan 392 orang peserta.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas membangkitkan mengenai pejabat atau kompleks pertanian di bandar. Selain mempunyai pejabat pertanian daerah diletakkan di bandar dan jabatan juga mempunyai 42 buah stesen pertanian federal dan juga *state* yang terletak di kawasan-kawasan petani. Stesen-stesen ini dibangunkan secara khusus mengikut jenis komoditi utama di lokasi tersebut dan menjadi tempat latihan *hands-on*, dengan izin, bagi pegawai-pegawai jabatan dan juga petani-petani.

Stesen-stesen ini juga adalah merupakan kompleks pertanian yang memberikan perkhidmatan teknikal dari segi pengurusan tanah, kawalan penyakit serta perkhidmatan kejenteraan. Ianya merupakan pusat pengeluaran dan pembiakan benih tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan padi. Petani-petani boleh mendapatkan khidmat nasihat dan merupakan tempat-tempat rujukan dalam memajukan projek-projek yang dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Tuaran membangkitkan mengenai projek padi 10 tan. Pada tahun 2005, Jabatan Pertanian diberi RM1,065,700 untuk membangunkan industri padi. Ini termasuklah melaksanakan projek padi 10 tan dan pengeluaran benih padi sah yang bermutu. Bagi pelaksanaan projek padi 10 tan, tumpuan diberikan kepada kawasan jelapang padi yang mempunyai sistem saliran yang sempurna seperti IADP seluas 12,000 hektar yang melibatkan 2,500 orang petani.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Nanti Yang Berhormat masuk ya, Yang Berhormat sebab ada lagi di bawah-bawah, ya Yang Berhormat. *[Disampuk]*
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Nanti Yang Berhormat ya. Yang Berhormat bagi Kinabatangan ada menyebutkan tentang industri asas tani sebab saya katakan tadi, yang ini adalah maklum balas daripada agensi-agensi, jadi kadang-kadang ia tidak menurut turutan yang selari. Jabatan Pertanian...

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini kena beri penjelasan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: ...tentang tadi itu, perlu, perlu penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Peruntukan dan program yang disebutkan tadi adalah di kawasan jelapang padi yang saya sebut semalam, khusus untuk Sabah. Sabah ini ada masalah pengairan dan Sabah ini tidak ada jelapang padi.

Jabatan Pertanian Negeri Sabah mengadakan percubaan-percubaan untuk mencapai 10 matriks tan, persoalannya ialah program dibuat, tetapi Sabah tidak dapat. Pengairan pula dapat RM10 sahaja, dia punya peruntukan. Itu persoalan yang saya sebutkan semalam. Jadi, kalau mahu jawab, jawab yang itulah, Yang Berhormat. Kalau yang lain itu, yang sudah dibuat itu, okeylah. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada program untuk kita membuka jelapang padi di Sabah dan sekarang ini memang kita dalam urusan untuk menentukan dari segi tanah itu dan sebagainya, memang ada, Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Mengenai industri asas tani, Jabatan Pertanian telah diperuntukkan sejumlah RM13.4 juta bagi melaksanakan projek-projek industri hiliran dan usahawan tani. Peruntukan ini termasuklah membaiki dan menyediakan 150 buah bengkel pemprosesan hasil dan produk-produk pertanian, penyediaan kemudahan peralatan dan sebagainya.

Projek-projek seperti – walaupun Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut inilah, tetapi sebut jugalah – kerepek, jeruk, makanan sejuk beku dan kuih tradisional adalah projek-projek yang berdaya maju. Ini telah dibuktikan oleh ramai usahawan yang berjaya seperti Azhar Food Enterprise, ia memproses kerepek pisang, ubi kayu, keledak dan sukun dengan jumlah jualan RM1.8 juta setahun. *These are the success stories*, dengan izin ya, dari Batu Pahat. Syarikat Noraim Enterprise iaitu projek *nata de coco* dengan pengeluaran 280 matriks tan setahun. Selepas itu kita ada Zaimah Frozen Food, iaitu roti canai segera di mana jumlah jualan adalah RM16,000 sebulan. *[Disampuk]* Projek-projek ini memberikan pulangan dengan margin bersih tidak kurang daripada 30%.

Sebenarnya Yang Berhormat, sebab industri asas tani kita ini baru dimasukkan ke dalam Kementerian Pertanian, jadi sebenarnya banyak *success stories* termasuk juga berada di Kementerian Pembangunan Usahawan. Jadi, kami kongsi bersama untuk sama-sama membantu usahawan-usahawan ini dan mereka ini adalah jutawan-jutawan sebenarnya, Yang Berhormat, tetapi itulah nanti kita dapat senaraikan dengan terperinci setelah kami dapat segala maklum balas daripada kementerian-kementerian lain.

Mengenai teguran Yang Berhormat bagi...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jutawan petani, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya sangat-sangat berminat berkaitan usahawan berjaya ini. Sebenarnya yang Sabak Bernam hasratkan ialah bukan yang menjadi usahawan sampai ke peringkat juta-juta begitu. Sebenarnya yang kita harap

mendapat contoh ialah usahawan yang mungkin pendapatannya dalam sebulan lingkungan RM3,000 ke RM10,000. *That is more practical* kepada rakyat. Jadi, satu cadangan saya kalau boleh, supaya dibukukan perkara ini agar menjadi panduan kepada petani di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah satu saranan yang begitu baik dan sebenarnya semasa kita di perasmian MAHA itu, ada juga dibukukan dari segi *success stories* petani-petani di dalam bidang tertentu seperti ternakan, nelayan dan sebagainya dan terima kasih Yang Berhormat.

Yalah, itu bab jutawan sebab kita mesti mulakan dengan sasaran yang tinggi sebab kita semua kalau dapat, semua petani, penternak dan nelayan kita menjurus untuk menjadi jutawan-jutawan. Jadi, yang dia mula dari kecil-kecil itu dan insya-Allah. Saya rasa mereka ini yang disebut tadi bermula dengan sedikit itu, RM3,000, RM2,000 dan kadang-kadang ratus, RM500 sebulan, tetapi sekarang ini mereka telah menjadi seorang yang begitu berjaya.

Saranan Ahli Parlimen mengenai latihan. Pada tahun 2005, sejumlah RM5.5 juta telah diperuntukkan untuk melatih 3,000 orang pegawai Jabatan Pertanian dan 600 orang pelajar yang mengikuti latihan Sijil Pertanian.

Latihan pegawai dilaksanakan di lima buah pusat latihan pegawai iaitu di Wilayah Tengah iaitu di Serdang, Wilayah Utara di Teluk Chengai, Kedah, Wilayah Selatan di Ayer Hitam, Johor, Wilayah timur di Besut, Terengganu dan Pusat Latihan Kejenteraan Pertanian di Serdang juga. Latihan Peringkat Sijil Pertanian dilaksanakan di lima buah institut pertanian seluruh negara. Program latihan jabatan juga melibatkan Latihan Usahawan Belia Tani, sebab ada yang bertanya mengenai belia tadi, di empat buah pusat *incubator* iaitu di Serdang, di Lekir, Perak, di Besut, Terengganu dan juga Kuala Lipis, Pahang.

Mengenai pemodenan pertanian mekanisasi, Jabatan Pertanian pada tahun 2005 telah memperuntukkan RM1.3 juta untuk melaksanakan projek automasi dan mekanisasi pertanian. Program-program ini yang akan dilaksanakan adalah mengadakan kemudahan jentera, peralatan dan pengangkutan pertanian, penyesuaian teknologi kejenteraan dan peralatan pertanian supaya lebih ekonomik dan dapat menyelesaikan masalah pertanian, mengadakan sistem pengairan ladang, promosi penggunaan sisa pertanian seperti pembuatan kompos.

Saya sekarang masuk pada Yang Berhormat Bukit Gantang mengenai pengurusan perlindungan sumber perikanan ini, saya masuk bab perikanan. Industri tidak sampai ke mana jika keselamatan nelayan terancam dengan lanun-lanun dan minta wang perlindungan dan sebagainya. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah pun mengambil inisiatif menubuhkan nukleus team – pasukan nukleus – agensi penguatkuasaan maritim Malaysia yang terdiri dari gabungan semua agensi penguatkuasaan maritim iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Marin, Jabatan Perikanan, Kastam dan Imigresen. Pada Mac 2005, penguatkuasaan ini akan ditubuhkan sepenuhnya. Dengan penubuhan agensi penguatkuasaan ini kerajaan berharap keselamatan nelayan akan lebih terjamin dan industri perikanan boleh berkembang.

Mengenai ahli Yang Berhormat Bera, iaitu sama ada kerajaan perlu memberi subsidi atau bantuan peralatan pemprosesan ikan kepada nelayan dan untuk memastikan bahawa peruntukan itu sampai ke golongan sasaran. Kementerian melalui projek pengembangan teknologi peralatan pemprosesan dan perkhidmatan pengembangan ada membantu pengusaha dari segi operasi dari pemprosesan yang beroperasi dan berdaya maju melalui program bimbingan usahawan untuk meningkatkan pengeluaran produktiviti dan kualiti produk. Pengusaha-pengusaha ini diberi pinjaman peralatan termasuk peralatan memproses iaitu kos penyenggaraan peralatan, khidmat nasihat dan teknikal di mana mereka juga diberi kursus mengikuti bengkel, seminar dan demonstrasi.

Peruntukan bagi projek yang disenaraikan tadi dijangka dapat dinikmati oleh golongan sasar iaitu nelayan dan pengusaha perikanan. Melalui program galakan teknologi pengendalian ikan, perkhidmatan pengembangan pengendalian ikan, perkhidmatan pengembangan pemprosesan, pembangunan industri perikanan kepada nelayan dan juga pengembangan teknologi peralatan pemprosesan.

Yang Berhormat Padang Terap....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera bangun Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaacob [Bera]: Sikit sahaja, cuma saya hendak tanya berapa ramai yang terlibat dalam industri pemprosesan daripada segi jumlah nelayan kesemua berapa peratus yang terlibat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat nanti pegawai saya mengambil nota dan kalau dapat Yang Berhormat saya bagi terus kepada Yang Berhormat Bera sebab ia tidak ada di depan saya. Terima kasih.

Mengenai dari Padang Terap, ini mengenai ikan hiasan yang merupakan satu potensi. Kementerian memang telah merangka dalam Rancangan Malaysia Kelapan di mana telah diluluskan sebanyak RM2.15 juta di bawah projek Galakan Pembangunan Industri Ikan Hiasan dan Tumbuhan Akuatik. Projek ini adalah bertujuan bagi membangunkan industri ikan hiasan dan tumbuhan akuatik sebagai salah satu komoditi perikanan yang berpotensi dan berdaya maju. Dalam tahun 2005, sejumlah RM390,000 telah diperakukan untuk dilaksanakan untuk projek ini.

Yang Berhormat Bandar Kuching telah membangkitkan dari segi agar kerajaan memberhentikan *carter* asing dan permit sewa kepada *vesse/* asing dan juga permit lesen menangkap ikan laut dalam juga pinjaman kepada nelayan untuk membina *vesse/* baru. Untuk makluman Yang Berhormat *carter* Semenanjung telah tidak dikeluarkan lagi permit dan akan dihentikan pada 30 Jun 2005. Ini di Semenanjung Yang Berhormat. Tunggu Yang Berhormat ya, Yang Berhormat hendak berdiri itu.

Manakala bagi Sarawak permit *vesse/* *carter* hanya dikeluarkan untuk peralatan pukot jerut sahaja di mana yang ini adalah mesra alam. Jadi pukot tunda tidak ada lagi dan *carter* ini pula akan diberhentikan di Sarawak dan Sabah pada tahun 2006.

Jadi, buat masa ini Jabatan Perikanan juga memang sentiasa meneliti kalau didapati ada yang seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat memang saya juga dimaklumkan hal ini dan untuk makluman memang saya telah mengadakan dialog bersama dengan semua pengusaha-pengusaha, nelayan yang ada di Sarawak baru-baru ini dan pada masa yang sama sementara kita hendak memberhentikan *vesse/* *carter* asing ini saya bertanya pula kepada pengusaha-pengusaha tempatan apakah cadangan mereka? Sebab saya tidak mahu terjadinya satu *vacuum*. Hendak menunggukan pemberhentian sepenuhnya dalam tahun 2006 jadi apa yang terjadi di dalam *vacuum* ini sebab kita tidak mahu mengambil pekerja asing atau *vesse/* *charter* asing. Jadi apakah agaknya langkah dan tindakan pengusaha tempatan khasnya nelayan-nelayan tempatan kita sendiri. Memang didapati satu daripada masalahnya nelayan-nelayan tempatan kita memang susah sangat hendak pergi ke laut dalam. Paling-paling lama Yang Berhormat tiga hari, selepas itu mereka hendak balik. Jadi bagaimana kita dapat memastikan mereka dapat berada di laut dalam itu sehingga ke

tiga minggu. Jadi itulah sebabnya saya bertanya dengan *the players themselves* dengan izin apakah cadangan mereka sebab *instate of* hanya beri teguran silalah juga saya katakan berilah cadangan *because* saya mengatakan mereka adalah *the players*. Jadi oleh yang demikian saya rasa memang sedang datanglah Yang Berhormat cadangan-cadangan dari semua pihak pemain-pemain utama di Sarawak.

Untuk makluman memang kita menyediakan dana pinjaman kepada nelayan untuk membina *vesse/* baru dengan syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan – memang ada.

Yang Berhormat daripada Beluran, mengenai pembangunan industri perikanan laut dalam di Sabah, pembinaan kemudahan perikanan laut seperti pangkalan pendaratan, kuasa akta perikanan tahun 1985 dan juga latihan perikanan laut dalam. Ini adalah respons daripada pihak perikanan.

Perikanan laut dalam di Sabah sedang dibangunkan selaras dengan pembangunan perikanan laut dalam di Semenanjung dan juga di Sarawak. Pihak kementerian akan meneliti cadangan pembinaan pelabuhan perikanan di Sepanggar Bay dan tindakan akan diambil bagi melaksanakan projek berkenaan jika diluluskan. Buat masa ini semua kelulusan permit lesen *vesse/* laut dalam di kawal oleh Ketua Pengarah Perikanan sebagai satu usaha bagi mengurus sumber perikanan secara menyeluruh bagi memastikan penggunaan sumber perikanan negara secara optimum dan mapan.

Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluan dan sebelum apa-apa keputusan diberi memanglah dapat komen-komen daripada pengarah-pengarah di peringkat Negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran bangunan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat saya ada satu lagi mengenai itu. Kejam, kejam saya habis. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Pertanian mempunyai Program Pembangunan Tekong yang bertujuan untuk melatih nelayan tempatan dalam pelbagai pengetahuan dan kemahiran terkini selaras dengan keperluan untuk menjadi tekong atau nakhoda *vesse/* menangkap ikan tempatan yang berdaya maju dan berdaya saing. Sepanjang program ini dijalankan seramai 218 peserta telah dilatih termasuk 82 orang peserta yang telah dilatih sepanjang tahun 2004.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih, selepas 20 tahun Akta Perikanan dilaksanakan dan mengikut jarak jangka waktu begini panjang, kita melihat keperluan untuk Ketua Pengarah mendelegasikan kuasa dari segi perikanan laut dalam dari segi permohonan lesen ini, kerana kita melihat saya dimaklumkan oleh pegawai-pegawai Jabatan Perikanan Sabah soal kecepatan, soal birokrasi, soal kemusykilan jika permohonan-permohonan laut dalam ini dibuat oleh ibu pejabat.

Setelah 20 tahun, saya yakin Ketua Pengarah Perikanan Semenanjung ini tentu ada keyakinan kepada pengarah-pengarah negeri terutamanya Sabah dan Sarawak ini agar delegasi *power* itu tidak *diabuse* dalam soal mengurus khazanah perikanan laut dalam ini. Kita melihat bahawa ada baiknya jika Pengarah Perikanan Negeri ini diberi kuasa untuk mengurus perikanan laut dalam, Tuan Pengerusi orang perikanan dia tahulah, soal birokrasi, soal kecepatan, soal pengetahuan tentang keadaan tempatan, sempadan tempatan. Saya yakin Setiausaha Parlimen juga ada kecenderungan untuk bersetuju dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, memanglah ada *delegation of power*, kuasa sebab yang membuat *interview* mereka yang memohon ini sebenarnya di peringkat negeri tetapi keputusan muktamad atau keputusan terakhir adalah *vested* kepada Ketua Pengarah di mana pandangan-pandangan lain juga diambil kira untuk meluluskan sesuatu yang dipohon daripada pihak negeri. Tetapi terima kasih Yang Berhormat, saya rasa pegawai semua mengambil kira di belakang itu. Insya-Allah, akan dibawa jugalah dan terima kasih di atas keyakinan Yang Berhormat itu supaya delegasi kuasa ini dapat diturunkan juga kepada pengarah-pengarah negeri.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Mambong. Ini sesuatu yang saya rasa begitu menggembirakan, sebab Yang Berhormat bagi Mambong selaku seorang saintis yang begitu berkaliber, dia telah menceritakan sedikit sebanyak mengenai ikan belodok, ikan belalak atau dalam Inggerisnya *Mudskipper* atau di Sarawaknya dinamakan temakul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ikan belacak.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ikan belacakkah, apakah ini [*Ketawa*] dibuat sebab ikan ini mempunyai kandungan *hormon testosterone* yang

begitu tinggi tetapi bermakna ada nilai *aphrodisiac*. Jadi, bermakna kepada orang-orang tertentu ada alternatif kepada *Viagra*. Jadi, *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong berminat Yang Berhormat. Nanti Tongkat Ali tidak laku.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Sebenarnya kawasan saya banyak ikan-ikan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Setiausaha Parlimen tetapi saya hendak *check* dia punya terminologi dahulu, temakul ini ialah jenis yang besar yang bukan dimakan, ditunjukkan dalam gambar itu, yang jenis yang kecil ini adalah dipanggil 'layar' kalau di Sarawak. Jadi, saya hendak mengubah dia punya pengertian. Terima kasih

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan itu saya berharap Yang Berhormat bagi Mambong.....

Datuk Seri Diraja Syed Razlan Syed Putera Jamalullail: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Arau bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Diraja Syed Razlan Syed Putera Jamalullail: Terima kasih. Tentang *Viagra* ini *[Ketawa]* saya ini cukup suka walaupun saya tidak pernah mengambil *Viagra*. Apabila kita mengambil atau makan ikan ini yang mengandungi sebagaimana Yang Berhormat katakan *high in testosterone*. Ini adalah hormon lelaki, jadi bagaimana pula kalau wanita mengambilnya sedangkan ikan ini mengandungi banyak *testosterone* apa hendak jadi kepada dia ini? Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat *[Ketawa]* Saya tidak juga katakan ini wanita yang mengambilnya, Yang Berhormat. Ini kalau wanita yang mengambilnya saya rasa akan menjadi lelakilah 'kut' tetapi tidak adalah, Yang Berhormat. Jadi, terima kasihlah mengenai perkara itu yang mana Yang Berhormat bagi Mambong pun *take note* bermakna ini bukan ikan temakul *[Ketawa]* ikan temakul besar, ini namanya 'layar' tetapi di sini Yang Berhormat Mambong mencadangkan agar diadakan satu kajian sebab ikan ini kalau dimasak hormon itu rosak, jadi tidak berguna.

Jadi, oleh yang demikian, kita berharap pihak-pihak tertentu di dalam kementerian akan membuat kajian. Jadi, dikatakan di sini memang kita akan mengambil perhatian dan akan kita cuba memajukan bidang penyelidikan khususnya

spesies ikan ini sebab dia ada banyak kegunaan khasnya bagi mereka yang memerlukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong bercadang untuk membuat 'sashumi' temakul.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: [Ketawa] Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dia..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Masuk, masuk terus bertanya sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak bertanya berkaitan dengan perniagaan atau pemasaran ikan keli ataupun *cat fish*. Jadi, sebagai penjelasan fasal orang kampung saya ada bertanya boleh atau tidak mereka melibatkan diri dalam perindustrian pemeliharaan ikan keli ini. Apakah pasaran ikan keli ini baik ataupun untuk dieksport dan sebagainya. Kerana ikan haruan dikenali sebagai ikan yang boleh mencantumkan luka-luka, lubang-lubang mana yang berkaitan boleh dicantum. **[Ketawa]** Itu ikan haruan, ikan keli ini apakah khasiatnya? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan **[Ketawa]** membuat kajian tentang ikan keli, saya rasa memang ada juga tetapi maklumat itu mungkin akan datang dan kalau dapat saya minta pegawai yang ada itu memberi *direct* kepada Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Maksud saya pasarannya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Pasaran ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Fasal *investment* nya mungkin tinggi tetapi kita takut nanti kita *invest* kemudian

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti dia akan jawab Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Faham ya. Kemudian khasiatnya itu tidak mengapalah, Yang Berhormat beritahu saya sendiri pun tidak mengapa, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Mengenai Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, dia bertanya berapa ramai penternak nelayan yang telah diberi kursus dalam mencelikkan mereka. Jumlah penternak nelayan yang telah diberikan kursus adalah seramai 9,998 nelayan, 3,200 pengusaha dan juga penternak.

Mengenai industri hiliran khususnya kilang ikan baja di Kelantan. Industri ikan baja di negara jiran lebih maju, oleh yang demikian nelayan Kelantan lebih berminat untuk menjual ikan baja ke negara jiran kerana harga ikan baja adalah lebih tinggi di sana, di negara jiran Thailand.

Terdapat kesukaran untuk pelabur masuk ke Tok Bali Kelantan untuk melabur di sana. Pihak kementerian sedang mengambil tindakan dalam membangunkan industri ikan baja di Kelantan.

Mengenai pengawasan dan pengawalan di Pantai Timur dipertingkatkan, Jabatan Perikanan sentiasa mengadakan rondaan berterusan di kawasan Pantai Timur untuk mengelakkan pencerobohan.

Mengenai berapa banyak bot asing yang telah ditangkap, jumlah *vesse/* asing yang telah ditangkap sehingga 6 Oktober 2004 adalah 79 buah dan jumlah pekerja asing yang telah ditahan adalah 702 orang.

Berapa banyak denda (kompaun). Jumlah kes yang telah dibawa ke mahkamah ialah 67 dan kompaun adalah RM30,153,000 telah dikutip. Berapakah jumlah pendaratan tangkapan oleh nelayan pukut jerut, pukut tunda dan peralatan tradisi, berdasarkan buku perangkaan perikanan tahun 2002, jumlah tangkapan bagi pukut jerut ialah 290,955 tan metrik, pukut tunda pula ialah 703,673 tan metrik dan peralatan tradisi adalah 277,847 tan metrik.

Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan mengenai Industri Perikanan Tuna di Pulau Pinang. Sehingga kini sebanyak 170 unit permit ikan tuna telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat dan individu. Manakala sebanyak 14 unit *vesse/s* tuna tempatan telah dilesenkan. Malaysia menggunakan sepenuhnya kuota tuna Lautan Hindi dan bukannya digunakan oleh nelayan Taiwan. Bermakna memang kita aktif menggunakan lesen yang telah diberikan khasnya di Lautan Hindi.

R&D bioteknologi ikan hiasan, tiram dan ternakan kerang hendaklah dipertingkatkan. Terima kasih Yang Berhormat, memang kita menjurus kepada perkara ini, khasnya kita di dalam industri hiliran dan industri asas tani.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong, sebab ini adalah cadangan-cadangan yang terbaik.....

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:untuk membantu kita bagi melaksanakan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong bangun, sila Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kerajaan ingin membela ikan tuna ini sebagai satu kaedah akuakultur kerana di Adelaide, Australia mereka membela ikan tuna ini di lautan dalam, menggunakan satu teknologi yang dinamakan *catch technology* dan industri tuna ini amat menggalakkan di Adelaide, Australia. Oleh yang demikian, adakah kerajaan ingin berbuat demikian ke atas ikan tuna?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih di atas saranan itu, Yang Berhormat. Kita akan sama-sama meneliti tetapi terutama sekali kita melibatkan diri dahulu di dalam penangkapan ikan tuna dan mungkin kita akan menjurus juga kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya sekarang masa ini memang begitu cemburu tetapi saya ingin menyebutkan tentang *token* RM10.

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanjong minta penjelasan sedikit.

Tuan Chow Kon Yeow: Sedikit sahaja, sebab saya ada membangkitkan berkenaan dengan projek *tuna fishing port* ..

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Batu Maung.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, di Batu Maung. Apakah perkembangan terkini, adakah projek ini tergendala atau apa?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya memang difahamkan bahawa projek ini diteruskan, Yang Berhormat. Jadi, sekarang ini *in-place, in-place* adalah segala infrastruktur untuk membuat pendaratan bagi industri ikan tuna ini di Batu Maung. Yang Berhormat

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Atas *token*, Yang Berhormat. Mengenai token RM10.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:yang diberi kepada butiran projek di Sabah, saya ingin menjelaskan di sini bahawa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun. Hendak beri atau tidak?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak, Yang Berhormat, saya selesaikan ini dahulu, Yang Berhormat, sebab masa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Nanti Yang Berhormat, masa ya *[Ketawa]* sebab *token* ini

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera, dia belum beri.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Sedikit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, maaf Yang Berhormat, saya jawab ini dahulu. Sebenarnya *token* ini betul kata Yang Berhormat bagi Gerik, memang tahun ini adalah kita sampai kepada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan dan sebenarnya kita telah menggunakan sepenuhnya siling-siling di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi, oleh yang demikian kita telah membuat sebagai token di mana diunjurkan bahawa beberapa projek-projek ini harus diteruskan.

Jadi, kita masukkan ke dalam *token* supaya perbelanjaan ini akan diberikan dari segi bajet dan tidak perlu dibawa melalui proses yang panjang. Jadi, oleh yang demikian, banyaklah dari segi projek-projek telah diperuntukkan RM10, bukan bermakna projek itu hanya RM10 atau tidak penting tetapi silingnya sudah penuh dan kita akan menjuruskan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kita memastikan bahawa program-program itu diteruskan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat bagi Tuan dan Bera.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, masa saya begitu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan mengenai *token*. Ini mahu diperjelaskan mengenai *token* ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *Token* itu bermakna memang projek itu dijalankan, Yang Berhormat, tetapi memandangkan siling itu telah penuh..

Tuan Wilfred Madius Tangau: Faham.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi, supaya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan perkara itu memang diteruskan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Faham tetapi ada sedikit mahu meminta penjelasan. Rancangan Malaysia Kesembilan mahu diteruskan tetapi ini bagi di seluruh Sabah dari segi saliran dan pengairan ini. Cuba cerita sedikit sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan ini di manakah saliran dan pengairan yang telah dibuat, telah diberikan peruntukan? Saya ingin tahu, kalau sudah habis peruntukan mesti ada yang dibuat. Jadi, beritahu sama ada ada dibuat dan kalau hendak terus ke Rancangan Malaysia Kesembilan, saya ingin tahu di manakah projek-projek saliran dan pengairan yang belum lagi dilaksanakan di negeri Sabah ini?

Kalau tidak yang RM10 ini tidak ada komitmen, cuma barangkali asas untuk mencadangkan sahaja. Saya ingin tahu adakah projek yang belum dilaksanakan yang akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Cuba beritahu sedikit, kalau tidak, susah mengenai *token* ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi, bahawa peruntukan *token* ini diberi oleh Kementerian Kewangan bagi membolehkan Kementerian Pertanian membuat bayaran apabila terdapat perbelanjaan terikat dan luar jangka yang perlu dibuat. Lazimnya peruntukan *token* ini disediakan di butiran-butiran seperti dikatakan tadi.

Ahli Yang Berhormat tadi bertanya manakah asas-asas ini, jadi aliran perbelanjaan kewangan yang diunjurkan bagi butiran projek tidak dijangka tidak mempunyai apa-apa perbelanjaan pada tahun berkenaan dan perbelanjaan hanya akan dibuat selepas rundingan harga tender ataupun pengambilan tanah diselesaikan di mana itu memakan masa Yang Berhormat. Sebenarnya semua itu adalah di dalam proses.

Mengenai Ahli Yang Berhormat bagi Katerah membangkitkan isu bayaran pampasan untuk bencana alam. Peruntukan bagi bayaran pampasan adalah di bawah Dana Bencana Alam dan bukan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Peranan kementerian hanya memproses dan mengesahkan permohonan tuntutan bayaran pampasan dan mengemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak, Tuan Pengerusi sebab saya kena habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapa Yang Berhormat, duduk dahulu, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ahli Yang Berhormat bagi Ledang yang membangkitkan keupayaan membelanjakan peruntukan RM2.8 bilion bagi tahun 2005. Saya yakin bahawa peruntukan tersebut dapat dibelanjakan dengan sepenuhnya memandangkan bahawa sektor pengeluaran makanan pertanian kini dikenal pasti sebagai salah satu sumber baru pertumbuhan ekonomi. Saya ingin menjelaskan bahawa peruntukan RM2.8 bilion terdiri daripada Perbelanjaan Mengurus iaitu RM1.469 bilion dan Perbelanjaan Pembangunan RM1.3 bilion. Perbelanjaan Mengurus ini berkisar kepada subsidi harga padi pada jumlah RM448 juta dan bayaran subsidi baja berjumlah RM171 juta. Oleh itu bakinya hanya RM850 juta untuk menampung perbelanjaan bayaran gaji, perkhidmatan dan bekalan termasuk bayaran sewa, kos utiliti dan juga sumbangan kepada Badan-badan Berkanun. Oleh itu kementerian tidak mempunyai masalah untuk membelanjakan peruntukan itu.

Perbelanjaan Pembangunan pula, selaras dengan komitmen jitu kerajaan untuk memajukan sektor pengeluaran pemakanan pertanian, peruntukan RM1.3 bilion akan digunakan untuk komponen seperti berikut:-

- (i) mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan iaitu RM510.1 juta; dan
- (ii) pembinaan infrastruktur dan peralatan pertanian iaitu RM466.4 juta, khidmat sokongan dan pengembangan iaitu RM115.4 juta, latihan - RM102.8 juta dan peningkatan kualiti iaitu RM64.3 juta dan termasuk juga pemasaran iaitu RM41 juta.

Oleh yang demikian, insya-Allah kita rasa kita dapat membelanjakan kewangan yang besar ini dan juga berkat daripada sokongan semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran membangkitkan isu pertanian sebagai “*sunset industry*”. Jadi, “*sunset industry*”... Tuarankah? Bukan? Tuaran, ya? Jadi, tidaklah bolehlah dianggap sebagai *sunset* di mana sekarang ini kita dapati bahawa banyak yang hendak kita jalankan supaya kita sama-sama memastikan bahawa ia menjadi “*sunrise industry*”, ya?

Tuan Wilferd Madius Tangau: [*Menyampuk*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Iaitu kita telah tadi mendengarkan tangkapan ikan laut dalam seperti tuna, ikan hiasan, Yang Berhormat tidak sebut ya? Ahli Yang Berhormat yang mana-manalah, Yang Berhormat yang mengatakan “*sunset industry*”, selepas itu kita akan menjurus kepada ikan hiasan, kita juga menjurus kepada rumpai laut, kita juga akan menjurus kepada bunga-bunga, industri asas tani halal *food hub* supaya semua ini akan kita dapat meyakinkan bahawa pertanian akan menjadi “*sunrise industry*”.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [*Bangun*]

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Bagan dengan Jasin.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tunggu sekejap, Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat. Sila duduk.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Lembaga Pertubuhan Peladang, ini Ahli Yang Berhormat bagi Jerai mencadangkan supaya semua Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang dilantik oleh Menteri. Ini adalah

respond, Akta Pertubuhan Peladang 1973 memperuntukkan Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan dipilih oleh mesyuarat agung seramai tujuh orang dan empat orang lagi dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Memang ada.

Pada ketika ini kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat apa-apa pindaan. Kerajaan yakin bahawa bukan semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang yang tidak sokong kerajaan. Kementerian ini akan memaklumkan pendapat ini jugalah kepada Yang Berhormat Menteri supaya dia juga dapat memantau dan memastikan bahawa program-program kita tidak terjejas oleh ahli-ahli yang tidak menyokong kerajaan.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Bera, ya? Pembangunan industri ruminan iaitu dahulunya 10 ekor lembu seorang penternak diberhentikan. Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan masih boleh mempertimbangkan pemberian 10 ekor ternakan lembu untuk seorang penternak mengikut peruntukan yang ada dan di mana kita pastikan penternak mempunyai kawasan yang sesuai telah memulakan usaha bidang ternakan lembu dan mampu memelihara ternakan dengan baik dan sistematik di mana Yang Berhormat juga mencadangkan agar ternakan lembu ini dijalankan melalui koperasi.

Secara keseluruhannya pembangunan ternakan lembu adalah berpandukan kepada skim teras iaitu transformasi usahawan sektor ternakan. Memang tidak dinafikan salah satu usaha dalam pembangunan ternakan lembu adalah melalui penyusunan semula sumber yang ada. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Haiwan memang menyokong pemeliharaan ternakan lembu secara penubuhan koperasi atau berkumpulan.

Pada masa ini memang tidak kurang daripada 25 kumpulan penternak yang akhirnya di galak untuk menubuhkan koperasi. Bermakna ada Yang Berhormat dan Jabatan Haiwan memberi khidmat kepakaran dan perundingan di samping memberi pinjaman baka ternakan. Selain daripada itu dana pinjaman disediakan oleh Bank Pertanian untuk pembiayaan dan pembesaran projek tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang - Rumah Sembelih Ruminan di Kelantan bila boleh berfungsi dan kedudukan Rumah Sembelih Ruminan Gual Periuk. Rumah Sembelih Ruminan dibina untuk memberi perkhidmatan penyembelihan

ternakan ruminan dengan mengutamakan kebersihan pemprosesan supaya daging yang dikeluarkan suci dan selamat untuk dimakan.

Pembinaan tiga buah rumah sembelih di negeri Kelantan iaitu Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas telah siap dibina. Peringkat semasa ialah penyediaan peralatan dan melatih operator menjalankan tugas di rumah-rumah tersebut. Dijangka Rumah Sembelih Ruminan tersebut akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2005.

Ini mengenai pembangunan industri babi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Serdang. Pembangunan industri khinzir (babi) secara bersepadu *pig farming area* telah pun dipersetujui dan diperakukan oleh Jemaah Menteri di mana pembangunan *pig farming area* dimajukan oleh pihak swasta memandangkan perusahaan industri babi adalah menguntungkan dan *lucrative business*.

Kerajaan negeri mengenal pasti kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai dan pembangunan *pig farming area* ini adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Bagi Negeri Sembilan, kerajaan negeri telah memutuskan supaya *pig farming area* ini dijalankan di Tanah Merah, Port Dickson. Satu Jawatankuasa telah ditubuhkan di mana ahli-ahli terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan. Jadi, semuanya mesti mematuhi segala syarat yang telah disebutkan dari segi kebersihan.

Di Pulau Pinang, ia mengenal pasti kawasan baru tetapi tidak disebutkan. Di Perak, Kerajaan negeri belum membuat keputusan. Di Selangor belum membuat keputusan. Melaka belum membuat keputusan. Di Sabah ada tiga kawasan iaitu Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan, peruntukan ialah RM180 juta telah dipohonkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa minit lagi hendak habis?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya sudah hendak *roundup*. Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus. Terus, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ahli Yang Berhormat bagi Jasin telah menyatakan hala tuju. Wawasan Perdana Menteri memang telah menunjukkan hala tuju. Jadi, Yang Berhormat Menteri kita menjuruskan dan kita akan mengadakan bermacam-macam jawatankuasa untuk kita memperincikan secara halus lagi dari segi

hala tuju, untuk kita membawa segala kejayaan seperti yang diwar-warkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menimbulkan berkenaan harga kelapa. Harga kelapa iaitu untuk membantu petani-petani kelapa. Kementerian telah memulihkan 3,000 hektar kawasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sambung sebelah petang.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Majlis dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, banyak lagi?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tak panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit ya?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambung tadi dari segi apa yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, iaitu memang kita juga mengetahui dari segi harga kelapa sekarang yang telah menurun begitu rupanya di peringkat ladang, 20 sen sehingga 5 sen dan sebagainya.

Untuk makluman, memang kementerian telah memulihkan seluas 3,000 hektar kawasan yang ditanam dengan kelapa yang berhasil tinggi, dahulunya Yang Berhormat kata, "*Malaysian Tall*", tetapi sekarang ini ada satu *variety* yang berhasil tinggi Matak. Di samping seluas 1,000 hektar kawasan telah ditanam dengan tanaman selingan seperti pisang dan nanas, dan ini juga boleh membantu petani-petani seperti

petani kelapa untuk menambahkan pendapatan dalam purata RM1,100 sehingga RM1,300 sebulan.

Memang ada beberapa kajian yang telah dibuat mengenai nilai tambah dari segi kelapa dan bahan-bahan kelapa khususnya, dari segi industri kraf tangan dan juga dengan industri-industri kecil-kecilan seperti tempurungnya boleh dibuat ubat untuk mencegah gigitan nyamuk, sabutnya boleh dibuat kusyen kenderaan, tali dan sebagainya. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di sini kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kerana mempunyai banyak projek contoh, dan insya-Allah bila Menteri turun padang untuk melawat ke kawasan Yang Berhormat, Yang Berhormat gunakanlah peluang itu untuk betul-betul memberi tahu Yang Berhormat Menteri dari segi beberapa potensi-potensi yang ada di kawasan Yang Berhormat dan boleh juga kita bawakan contoh-contoh itu di kawasan-kawasan yang lain.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam juga memberi komen mengenai latihan pegawai-pegawai. Memang betul Yang Berhormat, jadi oleh yang demikian.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini khusus mengenai kelapa tadi. Nampaknya sebagai satu pilihan kepada *Malaysian Tall*, satu *hybrid* baru telah diperkenalkan Matak. *Malaysian Tall* dengan Matak ini ialah campuran daripada Filipina. Ini dialu-alukan tetapi satu yang saya ingin minta pihak Kementerian Pertanian berikan ialah apabila program ini atau bantuan kepada petani diberikan khusus pekebun kelapa, saya dapati salah satu daripada syarat yang dikenakan ialah supaya geran tanah itu mesti atas nama petani ataupun pekebun kecil itu.

Tetapi di Sabak Bernam, saya telah membuat kajian bahawa banyak tanah pertanian ini yang masih lagi dalam kuasa. Saya harap pihak Kementerian Pertanian dapat memberikan kelonggaran ataupun pengecualian, kalau tanah ini dalam kuasa atas sebab-sebab konflik keluarga dan sebagainya supaya turut juga diberikan perhatian. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa itu amat mudah kalau sama-sama pegawai di sini akan mengambil kira sebab itu,

insya-Allah saya rasa boleh diberi kelonggaran di mana yang pentingnya mereka sama-sama mendapat manfaat dan projek ini dapat dijalankan dengan lebih lancar.

Mengenai latihan kepada pegawai, setiap jabatan dan agensi di bawah kementerian memang mempunyai latihan *in-house*, dengan izin bagi membekalkan ilmu pengetahuan yang terkini, teknik-teknik tanaman dan juga dari segi pengembangan ilmu-ilmu untuk menyampaikan dari segi polisi-polisi kerajaan dan kita memang dari semasa ke semasa - daripada saranan ramai Yang Berhormat, saya rasa ini akan diperhebatkan.

Sebelum saya berbangkit kepada ini, saya ingin membuat beberapa pembedahan dan saya ingin memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di mana tadi disebutkan tanah terbiar, saya mengatakan bahawa ia disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis. Sebenarnya itu adalah saranan Yang Berhormat bagi Bera, jadi mohon maaf.

Satu lagi pembedahan dari segi saranan mengatakan industri *sunset* daripada industri *sunrise*, saya rasa yang menyebutkan ialah Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebenarnya pada waktu saya menyampuk mengatakan dibanyakkan pelantikan pegawai-pegawai pemasaran bagi pertanian ini supaya mereka yang tinggal di daerah-daerah, mereka ini dapat memasarkan hasil-hasil tani ini terus membantu petani-petani. Yang itu belum dijawab agaknya.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, jadi masalah mohon maaf sebab salah sebut dan sebagainya. Pegawai FAMA semua ada di sini, jadi sama-samalah mereka mengikuti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan insya-Allah itu juga akan diberi perhatian yang khusus oleh pegawai FAMA supaya mengadakan lebih ramai lagi pegawai-pegawai pemasaran untuk memastikan bahawa industri-industri pertanian kita ini berjalan dengan lebih lancar.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ada menyebutkan bagaimana kita hendak menarik, sebab penghijrahan daripada luar bandar ke bandar dan sekarang

ini kita memberi tumpuan pula kepada industri pertanian, di mana ia banyak berlaku di luar bandar. Apakah dan bagaimana kita hendak menarik minat-minat mereka ini kembali pula ke luar bandar. Ini adalah beberapa cara tarikan untuk kita membawa khasnya belia-belia.

Satu adalah melalui penubuhan banyak IKS (industri kecil dan sederhana) melalui industri asas tani di luar bandar.

Keduanya iaitu melalui *eco* dan *agro* pelancongan di mana ramai daripada belia-belia ini boleh dilatih menjadi pemandu pelancong untuk menjalankan kegiatan-kegiatan *eco* dan *agro tourism* di kawasan-kawasan seperti *scuba diving*, dengan izin dengan *mountain climbing* dan sebagainya.

Pada masa ini memang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menjalankan kerjasama dalam perbincangan bersama Kementerian Belia dan Sukan untuk mencari jalan supaya golongan-golongan belia ini menceburi diri dalam bidang pertanian bermakna memang dalam perancangan kedua-dua kementerian.

Berbalik kepada - tadi ramai yang terlepas dari segi MARDI, jadi Yang Berhormat dari Gerik telah bertanya dari segi apakah juga yang produk-produk yang dihasilkan oleh MARDI yang boleh dikomersialkan. Jadi di sini ada beberapa sektor di dalam sektor pertanian dan makanan, sektor ini perlu meningkatkan daya saing dan banyak sokongan teknologi yang inovatif serta usaha penyelidikan dan pembangunan yang dipergiatkan untuk membantu industri IKS atau industri kecil dan sederhana.

Jadi antara produk-produk yang dihasilkan oleh MARDI yang berjaya di komersialkan dan terdapat di pasaran sekarang termasuklah telur ayam omega tiga, serbuk santan pengeringan semburan [*spray dried*], mee kuning tanpa *preservative* yang dikeluarkan oleh Nada Food Sendirian Berhad, Umai Sarawak Sasimi yang dijalankan oleh MaxiMax Sendirian Berhad, mesin pemprosesan tembaloi iaitu satu produk biskut tradisional Sarawak, Produk Factory Sejuk Beku dijalankan oleh Mentari Corporation, SelfRefind Kara Gerinan Tatacara Sendirian Berhad, rendang tok - Mahligai Kencana Sendirian Berhad, mesin pencucuk sate secara mechanical, cucuk sate tidak payah kita guna tangan, ini dia mesin, 'catelet tilapia' dan 'fele tilapia', yogat, makanan yogat oleh Syarikat Neslon, 'Dak dalam ' dan berbagai jenis sos keluaran IKS dan berjenama seperti OlehMas.

Teknologi dapat membantu membangunkan sesebuah industri dengan meningkatkan kualiti dan produktiviti. Sungguhpun demikian, apa yang dihasilkan oleh

MARDI yang difikirkan dapat dimajukan tetapi dari masa ke masa memang ada juga cadangan-cadangan di mana pihak MARDI juga insya-Allah cuba menjalankan penyelidikan-penyelidikan untuk memastikan bahawa apa-apa ini dapat memanjangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta laluan sikit, tidak hendak bantahlah saya sokong penuh. MAHA pun saya sokong penuh. Kalau dapat kerapkan lagi kerana inilah semangat patriotik di kalangan orang Kelantan saya boleh menang. Saya boleh menang di Pasir Puteh selepas kalah itu. Yang keduanya saya minta Yang Berhormat apabila kita sebut tadi secara teknologi, kita boleh import sikit teknologi-teknologi yang boleh kita pasarkan kelapa muda kita. Saya tengok jelly kelapa muda gunakan secara komersial cukup menguntungkan, saya rasa itu satu.

Yang keduanya saya minta semalam, saya kata *overhaul* sebenarnya itu joke saya. *Overhaul* ini kita guna sistem dalam pengurusan perkhidmatan awam ialah *reengineering, restructuring*, ini kena buat dalam MARDI dalam mana-mana yang dok ada itu supaya kita lebih meningkatkan kualiti. Kalau nampak tidak semangat itu tukarkan sahaja ataupun *reengineering, transfer* ke lain. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak memanglah MAHA ini tidak apalah Yang Berhormat kita buat dua tahun sekali pun kira Alhamdulillah sebab dari segi hendak membawa exhibitors ini daripada luar negara pun memang memakan masa yang begitu panjang, jemput dan mereka datang dan sebagainya, tetapi syukur Alhamdulillah terima kasih atas sokongan Yang Berhormat dan saya berharap ramai lagi Yang Berhormat pergilah menyaksikan MAHA yang berada sekarang.

Jadi mengenai apa yang disebut Yang Berhormat tadi yang kelapa muda memang saya telah memberitahu pagi tadi memang sudah ada pengusaha yang begitu berjaya yang menggunakan kelapa muda yang ada Nata de'Cocoa ke apa, dia sebut. Jadi itulah Yang Berhormat, jadi memanglah ini ada inovasi sebeginilah yang hendakkan dan Alhamdulillah pengalaman MARDI memang menjurus kepada apa-apa juga penyelidikan haruslah dapat diaplikasikan dan bernilai komersial.

Mengenai komen daripada Yang Berhormat daripada Gerik, *We eat what we can and we can what we can't. [Ketawa]*. MARDI perlu menjalankan penyelidikan. Untuk makluman Yang Berhormat memang ada ya, memang kita memikirkan

sedemikian khasnya tadi disebutkan lambakan buah-buah yang sebegitu banyak, jadi memanglah kita ada membuat banyak R&D dalam bidang pemprosesan buah-buahan tropika termasuk betik, belimbing, bangga, nanas, durian, dukung, rambutan dan lain-lain bagi menjana teknologi dan produk-produk baru untuk pembangunan industri buah-buahan tempatan. Di antara produk-produk yang telah dihasilkan termasuk buah-buahan di proses secara minimum iaitu limau madu, nanas, nangka, ciku boleh disimpan selama tiga minggu. Durian dan limau bali boleh disimpan selama dua minggu.

Buah-buahan sejuk beku seperti durian, ulas durian dan nangka boleh sehingga dua tahun dan sebagainya. Jus buah-buahan tropika, jus campuran berherba minuman jus buah minimum buah dan kordial buah-buahan. MARDI telah menghasilkan banyak minuman jus, termasuk juga jambu batu, asam jawa dan limau kasturi dalam tin dan juga botol. Jus jernih yang dihasilkan dengan menjalani hasil penapisan *ultra fillertration* dan mikro *filtration* seperti nanas, pisang belimbing, belimbing buluh, roselle dan ciku.

Jadi minuman serat tinggi pula, *high fiber* jambu batu campuran nanas, belimbing, limau kasturi. Air kelapa muda berkarbonat, halua pula nanas, betik, ciku, roselle, mangga, jambu batu dan macam-macam senarainya begitu panjang Yang Berhormat, bermakna memang kita rasakan bahawa MARDI ini memang setarafiah dengan badan-badan penyelidikan yang lain khasnya di dalam industri *food* teknologi.

Mengenai Yang Berhormat Beluran, iaitu Yang Berhormat Beluran mengatakan perlu dibentuk di bawah MARDI mungkin sebuah bahagian atau anak syarikat. Sebenarnya Yang Berhormat memang MARDI sudah ada anak syarikat namanya MARDI-Tech Corporation Sendirian Berhad iaitu untuk mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan. Jadi memang ini telah dijalankan dan MARDI-Tech lah yang menjalankan kegiatan-kegiatan pasaran penyelidikan pasaran bagi pihak MARDI supaya apa-apa penyelidikan yang diperolehi boleh dipanjangkan kepada usahawan-usahawan untuk menjalankannya.

Sekarang kita, saya mengungkitkan bahawa beberapa maklum balas daripada pihak LKIM - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Yang Berhormat daripada Bukit Gantang telah mencadangkan menggunakan baucar untuk mengatasi masalah perbezaan harga. Sungguhpun cadangan ini baik ianya perlu dirujuk kepada Jabatan Kastam, oleh kerana urusan pengisytiharan jual beli minyak diesel subsidi ini perlu

menggunakan borang kastam No.1 Pindaan 9/2002. Bermakna cadangan-cadangan baik tetapi kita perlu merujukkan lebih dahulu kepada pihak-pihak yang mempunyai kawalan terhadap perkara tersebut.

Satu lagi ini mengenai penglibatan orang tengah yang dibawa oleh Yang Berhormat Bera. Jadi, untuk makluman, memang kita cuba hendak membebaskan nelayan ini daripada dari belunggu orang tengah. Oleh yang demikian kementerian telah memperuntukkan dana nelayan berjumlah RM15 juta di dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang disalurkan kepada LKIM untuk diberi pinjaman mudah tanpa faedah kepada nelayan. Seramai 869 orang nelayan dari 37.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai LKIM ini memang masih menjadi masalah orang dengar ini. Kalau tidak silap saya rungutan 30 tahun dahulu bila kita belajar di sekolah menengah pun kita dengar masalah ini. Saya hendak tanya sedikit, adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai satu rancangan atau satu anjakan paradigma *to change it* atau kita hendak adakan satu dasar yang menyeluruh untuk membantu nelayan-nelayan di negara ini, kerana kalau kita tidak ada satu dasar ataupun satu rancangan yang menyeluruh, saya fikir masalah ini akan berpanjangan dan 20 tahun akan datang pun tidak boleh selesai. Saya hendak tanya sedikit, adakah satu rancangan atau dasar yang menyeluruh untuk mengatasi masalah yang berpanjangan ini untuk membantu nelayan-nelayan yang banyak di negara kita? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Dari masa ke semasa, kita mencari jalan yang terbaik untuk memastikan bahawa para nelayan juga merasakan anjakan paradigma seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, tetapi yang pentingnya kita dapat cuba mengatasi masalah-masalah semasa, *immediate problems* dan *long term*, kita cuba mencari jalan supaya para nelayan ini sendiri akan menceburi dan mengambil peluang di dalam industri pertanian yang ada pada masa ini dengan pelbagai kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Jadi memang mereka juga tidak terkecuali. Bermakna, memang di dalam *mainstream*. Tetapi pada masa ini, kita cuba mengatasi masalah-masalah yang membelunggu mereka. Kalau mereka ini tidak terlepas dari belunggu masalah yang

ada pada masa ini, saya rasa apa-apa juga yang baru ini, kita hendak cadangkan, tidak masuk lagi Yang Berhormat, *there are still block* dengan *problem* masa kini.

Satu daripadanya, seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bera ialah orang tengah yang mengaut keuntungan. Jadi itulah LKIM ini, dengan dana RM15 juta ini, kita cuba mengatasi masalah orang tengah, iaitu persatuan nelayan yang mengendalikan dana nelayan ini, dia beli ikan dari peserta dan dia jual terus. So, kita cuba *cut down* dengan izin, kehadiran orang tengah.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ahh, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Sebenarnya orang tengah ini, masalah yang utama ialah pemasaran atau *marketing*. Adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini telah mengadakan satu kajian ataupun satu analisis mengenai mengapa sampai sekarang ini, nelayan ini masih suka menjual kepada orang tengah ini *rather than* LKIM. Adakah kerana keberkesanan orang tengah ini lebih berkesan daripada LKIM itu sendiri ataupun sistem itu sendiri?

Yang Berhormat setujukah, kita mesti ada satu kajian yang menyeluruh mengenai proses pemasaran hasil-hasil tangkapan daripada nelayan melalui LKIM ataupun melalui agensi-agensi yang lain. Itu sahaja.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya banyak masalah orang tengah ini. Kadang-kadang dari segi pergantungan nelayan ini kepada orang tengah, dari segi mungkin keperluan-keperluan mereka. Jadi kita terpaksa hantarkan tangkapan ini untuk melangsaikan hutang dan sebagainya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Ada dua persoalan. Pertama hendak tahulah, sejauh mana peranan LKIM ke arah membantu nelayan-nelayan khususnya di Sabah dan Sarawak? Berapa banyak nelayan yang sudah dibantu melalui skim pinjaman ataupun bantuan daripada LKIM?

Yang kedua, saya tidak melihat masalah orang tengah ini boleh mewujudkan satu situasi yang membimbangkan sebab kita harus ingat, dalam apa jua bentuk perniagaan, mesti ada orang tengah. Dalam bola sepak contohnya, dia ada ejen broker. Dalam perniagaan *worldwide*, dia ada *agent broker* dan ini telah diwajibkan

dalam perniagaan. Cuma yang perlu dilihat iaitu peranan orang tengah itu jangan pula memeras ugut seperti, "Lintah darat", dia mengaut keuntungan di siang hari. Nelayan-nelayan mencari hasil yang kadang-kadang ada dan kadang-kadang tidak ada, tetapi dia pula di tengah-tengah mengaut keuntungan. Ini tidak harus. Tetapi kalau orang tengah itu bersifat adil dalam urusan perniagaan semata-mata, saya rasa kita tidak perlu bimbang dalam soal ini. Jadi, minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah kita mewujudkan orang tengah yang baik [*Ketawa*] di mana mungkin di kalangan mereka sendiri. Sebelum ini orang tengah ini memang pelanggan yang lain, tradisional orang tengah, jadi sekarang ini, memang kita dalam *business, sense of speaking*, memang orang tengah ini ada, tetapi yang adil dan saksama. Jadi, potongan bayaran balik pinjaman dibuat setiap trip pada kadar 20% atas nilai jualan. Jadi, program ini telah dapat melepaskan nelayan dari ikatan orang tengah dan meningkatkan pendapatan mereka antara 35% hingga 50% iaitu pendapatan dalam nilai ringgitnya, RM750 hingga RM1,200 sebulan.

Yang Berhormat, di Sabah dan Sarawak, saya minta maaf sebab ini menyeluruh. Kalau *the detail* dari segi Sabah dan Sarawak, pegawai LKIM ada di sini juga, sebab yang saya ada *figure* di sini adalah yang menyeluruh seluruh negara iaitu dalam tahun, insya-Allah 2005 nanti, kementerian akan diberi kelulusan tambahan berjumlah RM50 juta lagi untuk diagih kepada 4,540 orang nelayan dari 66 persatuan nelayan kawasan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Dengan itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat di sini nanti akan sama-sama menyokong satu daripada usaha yang dibuat oleh LKIM. Sehubungan dengan ini, kita memang ada juga mewujudkan dan menggalakkan penyertaan kaum wanita dan ahli keluarga yang kita namakan KUNITA. Jadi setakat ini ada 154 buah KUNITA ditubuhkan oleh 73 persatuan nelayan kawasan di seluruh negara dengan anggota seramai 5,922 orang. Bermakna kita menggembelngkan juga isteri-isteri dan keluarga untuk sama-sama menceburkan diri dan sama-sama membantu dari segi pendapatan keluarga. Jadi mereka ini terlibat dalam perusahaan membuat kuih tradisi, keropok, keropok lekor, kraf tangan dan lain-lain lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya rasa kita perlulah satu penyelesaian secara total, iaitu kementerian ini membuat satu *database* seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk meninjau setiap kawasan Parlimen itu, berapakah jumlah nelayan dan petani tradisional. Dari ini, maka ada garis panduan bagaimana kerajaan hendak membela untuk membantu untung nasib masyarakat ini. Yang Berhormat, kalau tidak ada, isu ini akan dibangkitkan tiap-tiap masa sebab tidak ada penyelesaiannya. Kalau pepatah Melayu kata, “Kusut boleh dihurai, patah bisa disambung, hilang bisa diganti”, tetapi yang ini, saya melihat selagi kementerian ini tidak serius menangani isu ini, contohnya setiap satu Parlimen, berapakah petani dan nelayan tradisional hendak kita martabatkan nasib mereka dari tradisional kepada profesional.

Dari kais pagi, makan pagi, mereka boleh kais pagi, satu bulan punya pula. Jadi mesti ada perancangan teratur supaya peruntukan ini dapat diagihkan sama rata. Selagi tidak ada, percayalah Yang Berhormat, walaupun siapa sahaja wakil rakyat yang berdiri dalam Dewan ini 20 tahun akan datang, isu yang sama masih tetap dibangkitkan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah juga, mungkin peranan kita sebagai wakil rakyat sebagai suara kepada rakyat-rakyat kita ini. Tetapi memang Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat itu memang baik dan memang dahulu lagi, saya dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, memang ini juga soal yang disebutkan untuk kita mengadakan satu *database* yang menyeluruh supaya kita boleh mengadakan program untuk mengatasi masalah itu, dengan adanya data-data spesifik mengenai kedudukan nelayan, penternak dan juga petani yang ada di dalam, mungkin yang berlandaskan kawasan Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi? Yang Berhormat sudah berucap dekat dua jam.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: [Ketawa] Terima kasih. Ini mengenai Yang Berhormat bagi Ketereh. Ini adalah lain sedikit iaitu mengenai insurans tani. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh yang telah menyebutkan mengenai insurans tani, iaitu kita kena mengadakan satu sistem di mana ada bencana dan sebagainya bolehlah digunakan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ketereh, satu projek perintis Skim Insurans Tani bagi kawasan MADA telah pun dijalankan dan dikaji di mana kita

mendapat kerjasama dengan Bank Negara Malaysia. Walaupun demikian, skim ini tidak disambut dengan baik oleh petani-petani khasnya petani di kawasan MADA kerana kadar bayaran premium yang mungkin dirasakan terlampau tinggi iaitu berjumlah RM25 sehektar semusim, terlampau tinggi dan oleh yang demikian, skim ini kita cuba hendak kaji semula supaya lebih dapat diterima oleh petani.

Sedikit Yang Berhormat Tuan Pengerusi, khasnya yang berucap kemudian iaitu Yang Berhormat Kalabakan mengenai skim khas pertanian. Skim ini memang kita salurkan kepada semua di seluruh negara. Kita tidak ada mengatakan Sabah dan Sarawak tidak boleh dan sebagainya. Walaupun demikian, masalah yang kita hadapi iaitu subjek pertanian ini adalah *concurrent*. Walaupun kita akan meneruskan segala program kita ke seluruh negara tetapi masalah yang dihadapi oleh kementerian adalah dari segi mendapatkan tapak tanah untuk kita menjalankan projek-projek pertanian. Jadi diharapkan Yang Berhormat sama-sama boleh membantu.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, dari segi transformasi pegawai dan sebagainya memang kita telah bincangkan dengan panjang lebar sebab ramai yang telah menyebutkan tetapi satu pengkhususan iaitu dari segi nanas. Jadi nanas ini memang sekarang ini Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia telah dikekalkan semula iaitu pada bulan September 2004, baru lagi telah dikekalkan semula dan diletak di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Jadi kementerian menerusi LPNM iaitu Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia mempunyai program-program menyeluruh untuk mempertingkatkan lagi industri nanas Malaysia termasuk membela nasib pekebun-pekebun kecil. Satu, kita memberi bantuan kepada pekebun kecil untuk mengadakan tanaman semula nanas dengan menyediakan perkhidmatan dan input pertanian, kita membantu pekebun kecil nanas, hasil nanas untuk industri kaleng ataupun industri segar iaitu *canned* atau *fresh table* nanas. Kita akan memperkukuhkan hasil nanas dari segi kualiti dengan memperkenalkan *varieties* baru dan kita akan memperluaskan kawasan tanaman nanas mungkin termasuk ke Sabah dan Sarawak.

Jadi satu yang saya hendak kongsi di sini bahawa nanas kaleng kita iaitu *canned* nanas kita ini memang satu yang uniknya yang mendapat *demand* daripada *consumer* kita iaitu warna keemasan nanas kita dalam *can* ini yang dapat menarik minat yang hendak makan nanas dalam tin atau kaleng.

Yang Berhormat bagi Ledang bertanya mengenai Bank Pertanian dan pinjaman. Setakat ini iaitu daripada penubuhan tahun 1970 sehingga sekarang ini atau Julai tahun 2004, nilai terkumpul pinjaman ialah RM6.1 bilion di mana bilangan peminjam adalah RM1,282,949 peminjam keseluruhannya yang terlibat di dalam pelbagai skim yang ada kaitan dengan pertanian.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas penglibatan begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi segala pandangan, teguran, kritikan dan sebagainya bagi kami adalah untuk membina, untuk kami memastikan bahawa kita betul-betul dapat menjalankan pembangunan industri pertanian dan asas tani ini dan segala teguran, kritikan ini kita akan gunakan untuk merangka program, strategi, dan tindakan khasnya untuk Rancangan Malaysia kesembilan.

Saya ingin memetik sedikit saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan semasa merasmikan MAHA, katanya industri asas tani adalah sangat penting untuk meningkatkan hasil ekonomi negara di mana dikatakan lihatlah dari segi daripada *inception* iaitu dari kebun hinggalah ke kilang supaya industri ini betul-betul akan menyumbang kepada *our third engine of growth*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,469,228,200 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,469,228,200 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,300,000,000 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,300,000,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.22 [Jadual] –
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk di bahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas. *[Beberapa Ahli yang lain bangun]* Dua belas, tiga belas. Kalau dua belas tidak jadi masalah. Jadi saya akan beri peluang kepada lima belas orang. Baik, sekarang saya mula dengan Yang Berhormat bagi Muar.

3.06 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh sedikit sahaja mengenai B.22 dan P.22 Kepala 020000 Jabatan Kemajuan Masyarakat. 020400 Pendidikan Masyarakat, 020500 Bina Insan, Kepala P.22 Butiran 00100 Pendidikan Masyarakat, 00300 Pusat Sumber Masyarakat, 00400 Pendidikan Prasekolah, 00500 Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat, 00600 Kemudahan Latihan Kemas, 02300 Jalan-Jalan Luar bandar, 02500 Jalan Kampung dan Penyelenggaraan, 02503 Pembangunan Perusahaan Luar Bandar.

Secara mudahnya lebih kurang perkara yang hendak saya sentuh ialah berkaitan dengan Kemas dan Jalan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, kita melihat inisiatif kerajaan dalam menyediakan pendidikan masyarakat melalui Kemas kerana saya tidak bercadang untuk menyentuh keseluruhan peranan Jabatan Kemajuan Masyarakat. Saya ingin lebih tumpukan kepada pendidikan prasekolah tadika Kemas dan sama ada dari segi kurikulumnya, tenaga pengajarnya, kemudahan yang diberikan, termasuk juga dengan tempat pembelajaran termasuklah bahan pembelajaran.

Apabila kita menyentuh tentang pendidikan anak-anak di peringkat prasekolah ataupun tadika Kemas ini perlulah kita selaraskan kerana kementerian diberi tanggungjawab untuk melihat pembangunan pendidikan anak-anak di luar bandar. Hari ini kita lihat kerajaan telah pun memperkenalkan prasekolah di setengah-setengah

sekolah dan di sebelah bandar adanya tadika perpaduan. Saya mengharapkan agar satu mekanisme diberi tumpuan di peringkat Kemas kerana keciciran pendidikan masyarakat boleh berlaku di peringkat yang terendah iaitu di peringkat prasekolah yang mana pada saya satu pendekatan yang sekata di antara Kemas, perpaduan dan prasekolah ini perlu diadakan.

Pihak kementerian hendaklah memastikan guru-guru yang dilantik atau dipilih melihat pendidikan anak-anak kita ini adalah terdiri daripada mereka yang setara dengan apa yang diberikan kepada tadika perpaduan dan tadika prasekolah. Dalam masa yang sama peruntukan yang diberikan ini perlulah disediakan dalam menyediakan kemudahan. Kalau kita lihat tadika Kemas ini rata-ratanya berada dalam keadaan yang sungguh usang.

Saya mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri di Gerik yang menyatakan bahawa sejumlah RM50 juta akan ditambah dalam kita menyediakan kemudahan prasarana tempat pembelajaran dengan izin, *on top and above RM200 million* atau RM200 juta yang sedia ada. Cuma perlulah diperlihatkan agar bantuan yang disalurkan ini benar-benar dapat memulihkan tadika yang ada kerana kalau jumlah yang sedikit ini diagih-agihkan satu negara, saya khawatir kemudahan yang diberikan tidaklah menepati cita rasa yang hendak kita capai.

Saya rasa boleh untuk kita memperlahankan sedikit asal sahaja tadika yang biasanya di tempatkan di balai-balai raya ini diberikan satu peruntukan yang betul-betul besar supaya ia selesa kepada anak-anak untuk belajar. Kenapa saya nyatakan begini, kita lihat, kita diberikan bantuan untuk kita baik pulih tadika di luar-luar bandar ini – Tadika KEMAS. Masalahnya, jumlah yang diberikan itu tidak dapat menampung, menyediakan kemudahan balai raya yang terus baik – saya bercakap dari segi baik pulih, bukan balai baru. Maknanya, bila sedikit sahaja peruntukan yang diberikan sebab kita hendak jaga satu negara, kepuasan hati guru dan ibu bapa di luar bandar ini tidak dapat kita penuhi.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat memberikan bantuan yang betul-betul memadai untuk kita dapat kemudahan yang betul-betul baik kepada setengah-setengah tempat supaya, walaupun jumlah ini kecil dan perlahan, kita dapat memuaskan hati penerima. Apa yang berlaku sekarang bila kita bagi, kepuasan hati itu tidak dapat kita perolehi kerana kemudahan kepada pembelajaran anak-anak tidak dapat kita capai. Dalam masa yang sama saya ingin juga mencadangkan agar

bekalan buku-buku kemudahan pembelajaran di pusat-pusat sumber di luar bandar ini dapat kita beri tumpuan kerana uzurnya Tadika KEMAS samalah uzurnya pusat sumber di luar-luar bandar. Jadi saya rasa itu yang saya hendak sentuh dari segi peranan KEMAS dalam memberikan pendidikan prasekolah kepada anak-anak kita.

Yang keduanya, tentang penyelenggaraan jalan-jalan kampung luar bandar. Saya ingin mencadangkan di peringkat daerah, sebagai contoh kawasan Parlimen saya di Muar dan di daerah Muar, apabila kita membicarakan tentang jalan kampung dan jalan luar bandar, penyelenggaraan dan pembinaan, kita merujuk kepada daerah. Di daerah Muar, seperti yang kita sedia maklum, terdapat empat kawasan Parlimen dan saya rasa ada banyak daerah sebegini. Kita perlu mencari jalan di mana bantuan yang disalurkan kepada kawasan Parlimen ini biarlah sekata. Kita tidak mahu lagi melihat sejumlah dana disediakan kepada daerah tetapi tidak ditetapkan jumlah kepada Parlimen kerana kita lihat banyak akan berlaku, di mana perbelanjaan lebih ditumpukan kepada Parlimen lain. Jadi kawasan Parlimen yang macam saya ini tertinggal sedikit.

Sebagai contoh, dana yang baru dikeluarkan, daripada 41 projek jalan kampung yang diluluskan, Parlimen Muar hanya mendapat dua sahaja. Saya tidak tahu mengapa tetapi mungkin kerana salah satu kawasan - Parlimen Pagoh ada menteri ataupun Ledang, kawasan saya ini ada Menteri Besar. Saya tidak menuduh, tetapi perlu ditentukan, katakan setiap Parlimen perlu menerima RM1 juta, maka pakailah RM1 juta itu supaya pembangunan sekata berlaku dalam daerah itu. Kalau boleh kita cadangkan supaya penyaluran kewangan pembinaan jalan kampung dan penyelenggaraan diberi mengikut Parlimen dan tidak lagi mengikut daerah. Dengan cara ini mudahlah kita untuk berperanan dan mengemukakan apa-apa cadangan dan kita pasti dapat permohonan yang kita kemukakan kepada peringkat daerah.

Saya rasa satu lagi, yang terakhir, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembangunan perusahaan luar bandar. Sering disebut kita ada GDW dan kita ada pertandingan kampung yang pernah disebutkan sebelum ini. Saya mengharapkan satu pendekatan pemasaran turut diberi bantuan kepada mereka yang mengusahakan kerana yang saya lihat, seperti di tempat saya di Muar, perusahaan kuih bangkit cukup baik, dibuat sampai kadang-kadang tidak cukup dan tidak menang tangan.

Walau bagaimanapun saya melihat kejayaan ini boleh kita perbesarkan, kerana mereka ini tidak perlu lagi diberi bantuan kewangan. Mereka telah pun boleh

memberi peluang pekerjaan kepada orang lain. Cumanya mereka tidak boleh berkembang kerana selepas kerajaan membiayai dan membantu perusahaan sebegini, mereka tidak lagi diberikan latihan untuk mengembangkan. Mereka rasa apa yang mereka perolehi sebanyak RM1,000 atau RM2,000 sebulan ini telah memadai dan saya lihat potensi untuk perkara ini dikembangkan lagi boleh berlaku asal sahaja pihak kerajaan dapat menyelia dan memberi latihan kepada mereka dan meningkatkan pemasaran. Dengan cara ini pengusaha yang telah kita bantu dapat pula kemudiannya membantu pengusaha-pengusaha lain secara francais dan sebagainya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Razali bin Ibrahim: untuk kita memastikan usaha kerajaan dalam membangunkan perusahaan Satu Kampung Satu Produk itu berjaya. Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

3.15 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Kepala B.22 dan P.22 bagi Butiran 040000; 050000 hingga 09000 tentang Lembaga Kemajuan Wilayah, yang menjadi salah satu pelanggan kementerian ini selain penduduk luar bandar dan juga penduduk Lembaga Kemajuan Tanah.

Tuan Pengerusi, bagi negeri Pahang, sebelum 1 Oktober, 2000, khususnya bagi kawasan Parlimen Temerloh, Parlimen Maran dan juga Parlimen Jerantut dan kini ditambah satu kawasan baru iaitu kawasan Kuala Krau, yang mana terdapat satu Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka atau LKWJ yang melibatkan kawasan operasi lebih dari satu juta penduduk. LKWJ telah memainkan peranan yang cukup aktif bagi membantu kementerian dalam memodenkan sektor pertanian di luar bandar melalui penyediaan prasarana dan pemodenan pengurusan, memajukan industri hiliran di luar bandar, urbanisasi di luar bandar melalui pewujudan Pusat-pusat Pertumbuhan Desa dan menyediakan kemudahan prasarana dan kemudahan asas yang lebih sempurna serta meningkatkan aktiviti sosioekonomi.

LKWJ atau Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka telah berjaya mewujudkan bandar orang Melayu, bandar bumiputera di kawasan Bandar Jengka, membantu bumiputera cara berniaga sama ada melalui industri kecil sederhana (IKS) dan kompleks perniagaan membeli belah, pengangkutan, pendidikan dan sebagainya. Dahulu LKWJ mendapat peruntukan lebih daripada RM30 juta setahun bagi projek pembangunan prasarana dan kemudahan asas, jalan pertanian dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, penutupan LKWJ pada 1 Oktober 2000 telah membantutkan atau melembapkan pembangunan luar bandar masyarakat di Jengka, kampung-kampung tradisional, juga membantutkan pembinaan bandar bumiputera khususnya bagi orang Melayu dan menjejaskan sosioekonomi pendapatan luar bandar terutama di bidang pertanian. Oleh itu saya merayu dan mencadangkan supaya Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ini diwujudkan kembali seperti mana langkah kerajaan memberikan peruntukan yang besar dan mengekalkan KETENGAH di Terengganu, KESEDAR di Kelantan, KEDA di Kedah, PERDA di Pulau Pinang dan KEJORA di Johor.

Tuan Pengerusi, saya percaya Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri, kedua-duanya menang Majlis Tertinggi UMNO, dan saya percaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan mengambil perhatian dan mewujudkan semula LKWJ ini. Oleh itu saya hendak menyelitkan juga serangkap pantun bagi kementerian ini yang berbunyi:

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk mengakhiri ucapan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Belum lagi, ada satu Butiran lagi.

Sungai Pahang airnya deras,

Sungguhpun deras lagi berliku-liku,

Negeri Pahang negerinya luas,

Kami orang Pahang tak sanggup ditipu-tipu. [Sorak]

Tuan Pengerusi, penutupan LKWJ bersama juga dengan DARA dan tadi saya tidak sempat berucap mengenai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, di mana IADP Pahang Barat juga telah ditutup. Jadi, tiga agensi kerajaan di negeri Pahang ini telah ditutup atas alasan Lembaga Kemajuan yang lain juga akan ditutup, tetapi Lembaga Kemajuan di negeri-negeri lain dikekalkan. Jadi kita orang Pahang tidak mahu ditipu-tipu dan kita hendak maju juga macam orang lain di negeri lain

kerana Pahang juga, walaupun Dato' Adnan kalah, tetapi kita sebahagian daripada negara Malaysia. *[Beberapa Ahli Barisan Nasional mengiyakan]* dan kita sudah 47 tahun merdeka bersama dengan rakyat lain di negara Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga tentang butiran 010800 mengenai Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial. Kita Ahli-ahli Yang Berhormat mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberikan peruntukan tambahan bagi *amenity* sosial sejumlah RM100,000 lagi setahun dan semasa di dalam taklimat kementerian baru-baru ini dan saya mencadangkan peruntukan *emenity* sosial ini ditambahkan lagi kepada RM200,000 setahun. Dengan ini saya menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

5.21 ptg

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya sebutkan 03000 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sebelum itu tadi kita dengar Yang Berhormat bagi Kuala Krau kata bahawa anak Pahang tidak mahu terus ditipukan, saya tidak tahu, siapa tipu orang Pahang. *[Dewan riuh seketika]* Sudah tentulah bukan parti-parti pembangkang tetapi kalau ada orang yang menipu orang Pahang - UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO? Saya tidak tahulah itu hal mungkin nanti boleh diperjelaskan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Semua setuju, saya pun boleh bersetujulah.

Tuan Pengerusi dalam bulan Jun dan Mei Yang Berhormat Menteri ada buat satu pengumuman bahawa adalah satu rancangan yang komprehensif untuk membasmi kemiskinan di luar bandar khususnya di kalangan orang Asli tetapi sampai sekarang kita tidak tahu apakah itu rancangan dan saya harap bahawa satu penjelasan boleh dibuat nanti oleh kerana sungguhpun ada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), tidak boleh dinafikan bahawa kumpulan ini adalah termundur dan termiskin daripada semua bidang, baik pun dari segi kesihatan, pelajaran mahupun ekonomi dan kita perlu ambil perhatian yang berat kenapa dekat 50 tahun sejak kemerdekaan dan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bahawa Orang Asli masih begitu mundur dan miskin sehingga dekat 80% di bawah garis kemiskinan dan perlulah satu kertas putih untuk disiapkan dan diutarakan di dalam Dewan yang mulia ini menggariskan kegagalan, rancangan dan sasaran-sasaran masa hadapan.

Oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata dengan izin, *I'm committed to bring in them up to the same level as the other communities*. Bagaimana dan kenapa 50 tahun kerajaan sudah gagal untuk dengan izin, *bring up Orang Asli to the same level at the other communities*. Satu contoh yang sangat jelas mengenai kegagalan ini ialah JHEOA. Sampai sekarang bukan sahaja Ketua Pengarah tidak pernah dipegang oleh seorang Orang Asli, Pengarah di peringkat negeri pun (*state*) seorang pun tidak pernah ada daripada Orang Asli, kenapa? Kenapa ini begitu mundur?

Dalam tahun 1998 ada satu *conference* diadakan mengenai Hal Ehwal Orang Asli di mana, dengan izin, *National Conference on the Indigenous People in Malaysia* yang dianjurkan antara lain oleh Persatuan Orang-orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) dan ada kemukakan 18 ketetapan. Lapan tahun sudah lepas tetapi semua 18 ketetapan ini tidak dihiraukan, tidak diberi perhatian - dengan cepat saya mahu rujuk kepada beberapa ketetapan ini menunjukkan betapa mundur Orang-orang Asli di negara kita.

Pertama –

Orang Asli hendaklah diberi hak dengan sepenuhnya untuk menentukan masa hadapan mereka sendiri - sampai sekarang tidak.

Kelima –

Seluruh tanah adat Orang Asal Asli dan kawasan-kawasan yang sedang didiami oleh Orang Asal Asli hendaklah diiktiraf dan diwartakan sebagai Tanah Rizab Orang Asal Asli. Kedudukan Orang Asal Asli bolehlah ditentukan dengan pokok tanaman tanda penerokaan awal, nama tempat, dusun kebun, tempat kubur, tempat keramat, dokumen-dokumen lama dan sebagainya - tidak ada. Sampai sekarang tidak lebih daripada 20% tanah-tanah yang didiami dan yang digunakan oleh Orang Asal Asli ada digazet. Tidak sampai 20% kerana hak milik tanah untuk selama-lamanya hendaklah diberikan kepada individu-individu Orang Asal Asli yang memohon untuk tanah sama ada dalam Tanah Rizab Orang Asal Asli atau di luar Tanah Rizab Orang Asal Asli seperti yang telah diberikan kepada

warganegara kaum yang lain di negara ini. Sangat *basic*, pokok ini.

Ketujuh –

Memandangkan taraf sosio-ekonomi Orang Asli sebagai kaum yang termiskin di negara kita ini bayaran premium atau lain-lain bayaran yang dikenakan untuk pemberian hak-hak milik tanah tersebut hendaklah sekadar satu jumlah yang minimum yang mampu dibayar oleh Orang Asli.

Kesepuluh –

Jika mana-mana Tanah Rizab Orang Asal Asli dimansuhkan kedudukannya Tanah Rizab Orang Asal Asli tanah baru yang sama luas dan nilai hendaklah diwartakan sebagai rizab orang asing, tidak dihiraukan satu tuntutan yang begitu *legitimate*.

Keempat belas –

Jabatan Orang Asli hendaklah diterajui dan dikendalikan oleh Orang Asli sendiri, peralihan untuk mengambil alih Jabatan Orang Asli oleh Orang-orang Asli sendiri hendaklah dibuat secara berperingkat-peringkat. Pengambilan alih sepenuhnya Jabatan Orang Asli oleh Orang Asli sendiri hendaklah siap dalam tempoh masa 10 tahun, itulah tahun 1998, sekarang sudah tujuh tahun. Bilakah kita akan melihat seorang Pengarah di peringkat negeri daripada Orang Asli? Bolehkah apabila kita sampai setengah dekad kemerdekaan Malaysia 2007, sekurang-kurangnya separuh jawatan Pengarah JHOEA di peringkat negeri akan dipegang oleh Orang Asli, bolehkah ini diadakan.

Kelima belas –

Setiap majlis daerah yang mempunyai 2000 orang atau lebih hendaklah mempunyai seorang wakil Orang Asli.

Keenam belas –

Orang Asli hendaklah diwakili Dewan Undangan Negeri, Parlimen dan Dewan Negara. Mungkin apa yang kita perlu buat ialah satu *political will* di mana seorang Orang Asli dilantik sebagai Timbalan Menteri dan Kementerian ini yang diberi

tanggungjawab sepenuhnya untuk memajukan Orang Asli dan juga bertanggungjawab mengenai JHEOA. Adakah kita rela? Adakah kerajaan rela melantik seorang Orang Asli sebagai Timbalan Menteri kementerian ini? Saya harap bahawa Ahli-ahli Parlimen tadi ada menyuarakan sokongan mereka semua tuntutan keadilan boleh beri sokongan ini, boleh menyuarakan sokongan ini supaya seorang Orang Asli dilantik? Boleh? Sokong?

Beberapa ahli: Boleh, boleh, sokong, sokong.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada di sini boleh menyampaikan mesej ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kesembilan belas –

Satu Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengkaji dan menentukan keperluan dan kehendak Orang Asli dan Kerajaan Persekutuan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memenuhi keperluan dan kehendak Orang Asli.

Saya harap bahawa masa hadapan tidak perlu lagi Ahli-ahli Parlimen berdiri di sini meluahkan kenapa JHEOA selepas 50 tahun kita tidak boleh melihat seorang Orang Asli menjadi pegawai-pegawai tertinggi. Siapa yang untung daripada JHEOA? Orang-orang pegawai, bukan Orang-orang Asli sendiri untuk birokrasi, untung sahaja. Saya harap bahawa satu *restructuring*, satu *routinize* boleh diadakan supaya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: okey....supaya orang Asli bolehlah di masuk balik kepada *main stream* pembangunan nasional. Sekian terima kasih.

5.29 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan berbahas masuk Pembangunan P.22, bagi Butiran 039000 iaitu Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan. Jadi, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Malaysia kerana Kemajuan Kelantan Selatan banyak memberi kemajuan kepada negeri Kelantan terutamanya kawasan Kelantan Selatan.

Jadi, sebagaimana sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Krau menyatakan lembaga kemajuan ini di tempat beliau telah ditutup, saya rasa, saya pasti perkara itu tidak wajar bahawa Lembaga Kemajuan Wilayah ini perlulah diadakan untuk membangunkan kawasan luar bandar di negeri lain yang mundur seperti negeri Kelantan.

Jadi, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ini banyak memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan luar bandar di Kelantan, di mana penduduk di Kelantan, 60% berada di luar bandar dan mereka ini bekerja sebagai petani, pekebun dan lain-lain lagi dan kita pasti lembaga kemajuan ini telah banyak berjasa memberi kemajuan dari segi pembangunan infrastruktur, pembangunan pertanian, pembangunan penempatan dan sebagainya.

Jadi, saya lihat daripada peruntukan yang diberi pada tahun 2005 ini agak kecil, agak sedikit, dan saya menyarankanlah kepada kementerian supaya memohon peruntukan yang lebih kepada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ini supaya perancangan yang banyak, rancangan yang dirancangan oleh lembaga kemajuan ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan juga memberi kesan kepada rakyat, memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya, terutama rakyat yang berada di luar bandar.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, Parlimen Tanah Merah terdiri daripada tiga DUN, Bukit Panau, Kemahang, Guar Ipoh. Dua DUN termasuk dalam kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, satu Bukit Panau tidak termasuk. Saya mohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya memasuki kawasan saya, iaitu kawasan DUN Bukit Panau untuk diiktiraf sebagai kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan. Jadi, saya rasa dengan itu kawasan saya diliputi semualah oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan projek jalan luar bandar dan sebahagian daripada projek luar bandar ini dilaksanakan oleh KESEDAR. Diberi peruntukan kepada KESEDAR untuk memajukan jaringan jalan raya di luar bandar dan kita nampak kemajuan yang ditunjukkan setelah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan menjalankan projek-projek di luar bandar ini, kita nampak ada peningkatan dari segi jalan-jalan yang tidak bertar, sekarang ini nampaknya bertar. Saya menyeru kepada kementerian kerana masih banyak lagi kawasan yang belum

ditar, yang perlu diberi pembaikan yang baik, yang perlu diberi tumpuan supaya jalan-jalan ini dinaiktarafkan, supaya rakyat di luar bandar dapat menggunakan jalan ini dengan baik.

Daripada peruntukan Butiran 02300 – sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk jalan-jalan luar bandar. Saya rasa peruntukan ini sangat kecil dan tidak mencukupi. Saya memohon kepada kementerian supaya mendapatkan lagi peruntukan, supaya jalan-jalan luar bandar ini bukan sahaja dinaik taraf, tetapi dibina baru supaya jaringan jalan baru dapat dibina dan sudah pasti apabila ada jalan baru kawasan di luar bandar akan lebih meningkat aktiviti ekonomi terutamanya dalam bidang pertanian dan saya pasti kalaulah negeri Kelantan terutamanya di Tanah Merah ini, yang tanahnya subur untuk ditanam dengan tanaman, sudah pasti kawasan ini akan menghasilkan banyak hasil pertanian untuk negara kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, bagi Butiran 02500 iaitu Jalan Kampung dan Penyelenggaraan. Sebanyak RM174 juta diperuntukkan untuk tahun 2005 dan saya percaya peruntukan ini tidak mencukupi dan saya menyerulah kepada kementerian sebagaimana tahun-tahun lepas, peruntukan yang diberi agak besar sehingga RM400 juta, dan kenapakah tahun ini diberi peruntukan yang kecil, sedangkan kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya yang di negeri Kelantan, khasnya di Tanah Merah, banyak lagi jalan-jalan kampung yang tidak dinaik taraf ataupun diselenggarakan dengan baik.

Tuan Pengerusi, pagi Butiran 03200 – Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan NGO. Daripada bajet tahun 2005, kita dapati peruntukannya tidak ada dan saya ingin mengetahui kedudukannya bagaimana? Apakah kejayaan kementerian dengan menubuhkan Amanah Ikhtiar ini dan berapakah penyertaan daripada bumiputera yang telah berjaya mendapat peruntukan ataupun mendapat pinjaman daripada Amanah Ikhtiar dan kenapa peruntukan bagi tahun 2005 ini tidak disediakan.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Saya mohon kepada kementerian memberi perhatian khusus terutamanya di kawasan saya yang mana bekalan air masih tidak diliputi sepenuhnya dengan bekalan air bersih, dan saya pasti kawasan luar-luar bandar, terutamanya di tempat saya banyak bekalan air ini menggunakan air daripada bukit ataupun air daripada lata, yang 'ditandak'

menggunakan paip secara graviti dan sudah pasti air ini tidak bersih, terutamanya pada musim hujan di mana

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh gulung.

Ir. Shaari bin Hassan:sudah pasti airnya kotor dan rakyat di luar bandar menggunakan air ini, tidak kiralah musim hujan atau musim kemarau, pastinya bekalan air yang kotor ini akan memberi mudarat kepada kesihatan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya akan menggulung dan saya menyeru kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya memberi tumpuan khusus, terutamanya negeri Kelantan, yang mana Timbalan Menterinya berasal dari Kelantan. Saya menyeru, mengesyor kepada Timbalan Menteri supaya memberi tumpuan terutamanya kawasan Tanah Merah yang begitu ketinggalan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

3.37 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra jaya]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan ini. Saya akan memfokuskan perbahasan saya pada B.22 – 011000 – Pembasmian Kemiskinan. Sebagaimana kita tahu, salah satu strategi dalam Bajet 2005 ialah memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan dan salah satu lagi pelaksanaannya, ialah membasmi kemiskinan tegar melalui pendaftaran dan verifikasi profil keluarga miskin.

Kemusykilan yang saya hadapi terutama di kawasan saya sendiri, keadaan sekarang ialah data yang tidak *structured*, dengan izin, dan *organize*, maknanya data yang ada sekarang ini, data kemiskinan adalah berterabur. Jadi, di manakah, apakah peranan misal kata, Jabatan Kebajikan, kalau kita hendak dapat data-data ini, ia tidak lengkap. Begitu jugalah maklumat tidak lengkap dan terkini dan terlalu banyak agensi yang terlibat dalam mengumpul data-data ini sehingga kita tidak mendapat maklumat yang tepat dan terperinci.

Jadi, di dalam 2005 kita difahamkan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menjadi agensi pelaksana bagi mengumpul data bagi penduduk-penduduk miskin luar bandar dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi kawasan-kawasan dalam bandar. Jadi, ini menimbulkan

kemusykilan kepada saya kerana sekali lagi kita akan mewujudkan begitu banyak kementerian untuk melihat dan mengumpul data-data begini.

Jadi, saya ingin cadangkan kalau dapat kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan *one stop centre*, dengan izin, bagi peringkat daerah, negeri dan negara supaya kita akan senang mendapat maklumat dan dapat *update* segala maklumat yang diperlukan dan *one stop centre* ini haruslah dihubungkan dengan unit-unit pendaftaran kelahiran dan kematian supaya maklumat dapat di"*update*" secara automatik dan juga di"*link*"kan dengan Kementerian Pelajaran dan kementerian pelaksana supaya segala maklumat ini akan terancang, teratur dan dapat dikemas kini secara *online* dan automatik.

Ini bertujuan untuk kita mendapat sebagaimana saya katakan tadi *updating* secara automatik dan ini dapat mengurangkan penipuan berkaitan dengan pendaftaran kemiskinan dan juga supaya kita lebih fokus dalam mendekati serta mengenali rakyat termiskin. Dalam verifikasi dan mengumpul maklumat ini, saya kira pihak kerajaan harus mempertimbangkan...

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Masa suntuk. Minta maaf Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya ada dua perkara yang saya harus sentuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Biarlah Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Masa terlalu pendek.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang betul.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, saya rasa bagi tujuan verifikasi ini, kementerian pelaksana atau kerajaan harus menyediakan format dan *standard*, sebab sekarang ini kita menghadapi masalah, misal kata pelaksanaan yang dijalankan ialah melalui penghulu dan juga wakil-wakil rakyat, di mana kalau kita mendekati keluarga-keluarga miskin terutama sekali harapan mereka ialah bila kita mengambil maklumat, mereka mengharapkan akan mendapat bantuan.

Jadi, kalau dapat, ada pihak atau kementerian atau daripada agensi-agensi kerajaan menyediakan format tertentu dan merekalah yang akan menghubungi keluarga miskin untuk mendapat data dan dijelaskan dengan sejelas-jelasnya prasyarat yang tertentu, kelayakan dan bentuk atau jenis bantuan yang mereka boleh dapat, tempoh masa kelulusan dan bila bantuan mereka boleh terima. Jika tidak, kita akan memberi harapan yang kosong kepada keluarga-keluarga miskin ini.

Yang kedua, saya ingin menyentuh kepada Kemudahan Infrastruktur di bawah P.22 daripada 01701 sehingga 01707, 02000 sehingga 02004, 02300 dan 02400 iaitu berkaitan dengan bekalan air, elektrik, jalan luar bandar, jalan kampung dan sebagainya. Jadi, saya mengharapkan kerajaan atau kementerian memberi keutamaan kepada kawasan yang masih ketinggalan dalam infrastruktur ini. Ianya perlu disegerakan agar dapat merapatkan jurang dalam konteks infrastruktur dan jurang digital dan supaya masyarakat boleh bersaing dengan lebih adil dan saksama.

Kalau kita lihat kepada data yang pernah saya keluarkan, jalan luar bandar, misal kata di Semenanjung telah dibuat sejauh 614.85 kilometer, Sabah - 182.9 kilometer dan Sarawak - 59.4 kilometer. Bagi projek jalan kampung, di Semenanjung telah diliputi sebanyak 12,422.93 kilometer, di Sabah - 1,093 kilometer dan di Sarawak - 1,404 kilometer. Bagi elektrik luar bandar, di Semenanjung telah dibekalkan sebanyak 98%, Sabah - 77% dan Sarawak - 69%. Manakala bekalan air di Semenanjung - 97%, di Sabah - 65% dan di Sarawak - 63%.

Jadi, pelaksanaan ini harus bukan sahaja tertumpu kepada luar bandar, tetapi kita harus juga memberi perhatian kepada pesisir-pesisir bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak dan kawasan yang masih jauh tertinggal. Dengan peruntukan yang begitu sedikit, saya kira, saya mengharaplah kerajaan akan dapat peruntukan yang lebih kepada kementerian ini supaya mereka dapat melaksanakan hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang di antara luar bandar, pesisir bandar dengan bandar sebab persaingan harus diwujudkan dan persaingan hanya akan dapat dilakukan dengan adil sekiranya infrastruktur yang seadil-adilnya telah diagihkan kepada setiap kawasan.

Untuk tujuan pelaksanaan itu juga, kita harus memfokuskan kepada bagaimana pelaksanaan yang efektif supaya boleh mempercepatkan pelaksanaan bagi kawasan yang telah tertinggal dengan kos yang efektif.

Kedua, kaedah pelaksanaan hendaklah memanfaatkan usahawan bumiputera selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan lebih ramai usahawan bumiputera yang berdaya tahan, berdikari dan bertaraf dunia yang mampu bersaing dengan berkesan di pasaran tempatan dan antarabangsa di bawah Dasar Wawasan Negara.

Yang ketiga ingin saya tanya ialah berkaitan dengan Latihan dan Bimbingan Usahawan berkaitan dengan latihan di bawah kementerian ini di mana maklumat yang

saya terima, kementerian telah menyasarkan untuk melatih usahawan sebanyak 16,343 bentuk latihan diadakan, tetapi hanya berjaya mencapai sasaran kepada 4,478 pada tahun ini. Jadi, saya hendak tanyalah kementerian, di mana silap dan apa masalahnya yang menyebabkan pencapaian sasaran ini amat rendah?

Untuk itu, saya mengharaplah kerajaan memberi lebih banyak peruntukan kepada kementerian untuk melaksanakan projek-projek luar bandar dan juga latihan-latihan kepada penduduk-penduduk luar bandar dan mencari penyelesaian kepada masalah-masalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: ...yang dihadapi. Untuk itu saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana tiba-tiba ramai lagi? *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Jerlun.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir untuk membolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada jam 4.30 petang, maka saya cadangkan supaya masa dihadkan daripada 10 minit kepada 5 minit.

3.47 ptg.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Butiran 011000, 020000, 020300, 070000, banyak kosong-kosong. *[Ketawa]*

Kementerian ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, cukup istimewa. Kalau diperhatikan ada perkara yang cukup popular dan banyak juga yang tidak popular. Yang popular kalau di peringkat kawasan ialah rombongan, sukaneka, konvokesyen tadika dan juga kenduri-kenduri, sumbangan peralatan dan yang paling popular setakat ini kadang-kadang dekat dengan pilihan raya ialah laporan politik.

Pegawai-pegawai KEMAS juga kadang-kadang banyak membuat laporan hal-hal politik dan mungkin dengan laporan yang banyak ini mungkin mereka akan ketinggalan pula untuk membuat laporan-laporan seperti pembasmian kemiskinan dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, yang tidak popular ialah jalan kampung. Di kawasan saya ada 300 kilometer jalan yang uzur ataupun tidak diturap dengan tar, dewan rosak dan buruk, air dan api belum lagi mencukupi ke beberapa rumah individu yang miskin dan begitu juga dengan surau-surau. Saya difahamkan di kawasan ada berita mengatakan wakil Ahli Parlimen menjadi pengerusi aktiviti dan juga beberapa program yang lain, tetapi kadang-kadang beberapa aktiviti kita tidak menjadi popular kerana ditinggalkan.

Saya mencadangkan agar beberapa pegawai di peringkat kawasan, terutamanya pegawai-pegawai KEMAS menghubungi wakil rakyat apabila hendak mengadakan beberapa aktiviti supaya kita dapat berganding bahu. Bukan kita rasa cemburu tetapi sekiranya pilihan tidak diberi *priority* oleh wakil rakyat, mungkin kita lambat sampai kepada sasaran dan mungkin kementerian dan juga wakil rakyat tidak akan menjadi popular.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan projek-projek ataupun jalan-jalan yang hendak diadakan. Saya mencadangkan supaya kementerian menerima dahulu senarai *priority* daripada wakil-wakil rakyat dan barulah ditapis ataupun diberikan peruntukan berdasarkan *priority* atau keutamaan yang diberikan oleh wakil rakyat.

Baru-baru ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, jalan-jalan yang telah diberi peruntukan nasib baiklah Pegawai Pembangunan Negeri, SDO dulunya memanggil mesyuarat. Apabila kita tengok dan lihat senarai diberikan semuanya tidak mencapai keutamaan daripada wakil rakyat kerana semasa pilihan raya dahulu kita memberi janji. Janji kepada rakyat jalan ini akan kita utamakan, dewan ini akan kita utamakan, kampung ini akan kita utamakan, tetapi apabila pegawai membuat senarainya, ia hendak memudahkan kerja-kerja pejabat, tidak menjurus kepada hasrat wakil rakyat. Di sinilah yang saya katakan ada yang popular, ada yang tidak popular.

Kalaulah kita hendak mengadakan satu sistem pentadbiran yang menjurus kepada kementerian, biarlah kementerian mendahului perkara-perkara ini kepada wakil rakyat supaya kita dapat menjaga kementerian dengan baik. Walaupun jalan di kawasan saya 300 kilometer tetapi kalau didahului dengan keutamaan yang kita berikan, mungkin perkara ini boleh diselesaikan, boleh disediakan. Begitu juga dengan program-program yang lain. Mungkin kita boleh mencadangkan JKK mana yang boleh pergi rombongan, tadika mana yang perlu diberi perhatian dan juga peralatan di kampung-kampung mana yang perlu diberi terlebih awal.

Inilah cadangan saya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seterusnya hal-hal kemiskinan ini memang berlaku dan begitu banyak sekali pada hari ini dan baru-baru ini pun saya berterima kasih kerana saya memohon sebuah rumah PPRT yang cukup uzur hanya mendapat tidak sampai RM10,000 tetapi kalau jumlah ini dapat ditambah lebih baik sebab dengan kos yang ada pada hari ini, kenaikan harga barang-barang, upah dan sebagainya jadi mungkin peruntukan membina membaiki sesebuah rumah kepada warga miskin di bawah RM10,000 tidak mencukupi. Begitu juga Yang Berhormat

Datuk Abdul Rahman Ariffin: Tuan Pengerusi sedikit lagi. Beberapa perkara pada hari ini seperti dewan dan juga beberapa kegiatan pembangunan di dalam kementerian ini cuba elakkan daripada membina sebarang projek-projek di atas tanah simpanan kerajaan. Kalau hendak bina di atas tanah simpanan kerajaan, perlu mendapatkan kebenaran. Kadang-kadang apabila dibina di atas tanah kerajaan ada MADA, ada pejabat tanah tidak memberikan kebenaran akhirnya akan mendapat saman, kesusahan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Datuk Abdul Rahman Ariffin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil masa seperti mana yang ditetapkan, Insya-Allah. Perkara B.22 saya akan menyentuh perkara 011100, 020300 Pembangunan Desa dan 020400 Pendidikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu aspek selain daripada pihak kementerian yang mementingkan tentang pembangunan fizikal iaitulah perancangan yang terus menerus untuk membangunkan jalan raya, kemudahan infrastruktur. Bagi saya satu perkara yang mungkin kita tidak memberikan perhatian tentang pembangunan desa yang membabitkan ataupun melibatkan pendidikan masyarakat.

Saya melihat, Tuan Pengerusi, bahawa di antara sebab atau faktor utama pencapaian khususnya orang Melayu 30% dalam ekonomi negara disebabkan oleh keadaan pendapatan mereka ataupun ekonomi mereka yang masih jauh daripada harapan kita semua. Maka oleh itu saya melihat di samping pihak kementerian membangunkan jalan raya, membangunkan infrastruktur dan seumpamanya tetapi dari segi minda rakyat orang-orang kampung ini mestilah turut dibangunkan.

Saya mengharapkan di bawah Butiran 020400 ini tentang Pendidikan Masyarakat ini, satu aspek mesti diberi perhatian tentang pengetahuan - *knowledge*, biarlah masyarakat desa ini menjadi golongan yang *knowledgeable*. Mereka mampu untuk melihat sedikit tentang masa depan mereka dan aset yang ada pada mereka. Yang saya cukup bimbang, Tuan Pengerusi, yang saya mengharapkan kementerian ini dapat memikirkan adalah tentang bagaimana orang-orang kampung ini terlalu mudah untuk menjual tanah-tanah mereka.

Aset mereka melalui pemilikan pusaka ini menjadi semakin mengecil dan inilah yang paling yang saya nampak perkara yang sangat membimbangkan. Aset yang semakin mengecil ini terlalu mudah untuk dijual kepada orang lain. Apakah yang akan berlaku sepuluh tahun yang akan datang? Apakah yang bakal berlaku kepada orang kampung dalam kelompok yang kecil ini dua puluh tahun yang akan datang sekiranya kerajaan ataupun pihak kementerian tidak mengambil satu langkah untuk membantu mengurus harta yang ada pada mereka.

Maka oleh itu saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya dalam aspek pengurusan hartanah ini yang hari ini mungkin kita mendapat satu persepsi pengurusan hartanah ini hanya melibatkan sektor korporat tetapi kita lupa untuk kita melihat ke bawah, melihat kepada rakyat termiskin ini di luar bandar bagaimana kita membantu mereka dalam menguruskan hartanah yang ada pada mereka. Jadi ini Tuan Pengerusi saya mengharapkan pihak kementerian dapat melihat secara serius tentang pemilikan aset yang semakin mengecil di kalangan orang kampung ini.

Saya mencadangkan juga, sebagai contoh, kalau dalam urusan jual beli tanah ini kerajaan juga mesti memberikan mereka satu bentuk khidmat nasihat, konsultan kepada mereka dan kalau dalam keadaan yang kritikal saya rasa telah sampai masanya kerajaan memikirkan untuk menubuhkan Bank Tanah bagaimana kita perlu menyelamatkan tanah yang kecil ini supaya kelompok masyarakat yang masih jauh untuk mendapat ataupun menikmati ekonomi negara ini dapat dibela pada masa-masa yang akan datang.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang dapat saya cadangkan kepada pihak kementerian supaya dapat dilihat sebagai satu faktor yang sangat penting kepada masyarakat desa demi menjaga kepentingan mereka pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maran.

3.57 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005, Maksud P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya juga ingin menyentuh dalam beberapa hal dalam butiran. Yang pertama ialah Butiran 020000 Kemajuan Masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau dahulu kita kenali KEMAS adalah sebuah Jabatan atau agensi kerajaan yang memainkan peranan yang besar dalam membangunkan, menyedarkan dan juga menyusun masyarakat, tetapi kini nampaknya taring atau gigi KEMAS telah agak tumpul. Dan kita lihat banyak agensi lain yang telah muncul yang kadang-kadang melaksanakan program yang sama. Saya hendak menyentuh khusus kepada KEMAS ini ialah kita lihat apa yang jelas kepada KEMAS sekarang yang sedang dilaksanakan ialah lebih ketara dari segi pelaksanaan tabika KEMAS. Saya sering dihubungi oleh guru-guru KEMAS dan menjadi malang, Tuan Pengerusi, bahawa sekolah-sekolah atau kelas-kelas tabika KEMAS tidak diberi peruntukan yang khusus bagi mereka melaksanakan program-program termasuklah sukan, lain-lain pertandingan dan juga program-program yang melibatkan anak-anak ataupun kelas tabika KEMAS ini.

Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan walaupun kita tahu bahawa anak-anak adalah merupakan generasi muda yang perlu kita bina dan saya berharap supaya kerajaan di bawah KEMAS ini dapat memberi peruntukan yang khusus yang mencukupi kepada kelas-kelas tabika ini kalau kita ingin melihat kelas-kelas ini berjaya dan maju dan anak-anak ini mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Yang paling malang ialah kita lihat ada beberapa agensi lain yang juga melaksanakan kelas tabika ini termasuklah Perpaduan dan juga kelas prasekolah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan ataupun Pelajaran. Saya ingin mencadangkan kalau boleh apa salahnya kerajaan cuba memikirkan semula melalui perbincangan yang diadakan dengan Perpaduan dan juga Kementerian Pendidikan atau Pelajaran supaya kelas tabika ini dapat digabungkan dan disekalikan supaya kita dapat memberikan peruntukan yang mencukupi kepada kelas-kelas tabika ini.

Perkara kedua yang hendak saya sentuh ialah tentang Butiran 011000 - Pembasmian Kemiskinan. Dua aspek yang saya hendak sebut dalam perkara ini ialah dahulu kerajaan pernah menggalakkan masyarakat luar bandar supaya melabur dalam saham-saham amanah termasuklah saham-saham amanah peringkat negeri. Seperti contohnya kalau di Terengganu kita ada ASDI, di Pahang kita ada KOMIPA, di Kedah kita ada Saham Kedah dan sebagainya. Tetapi akhir-akhir ini kita lihat harga-harga saham ini telah jatuh dengan teruk sekali dan saya telah mengemukakan soalan ini dalam perbincangan yang lepas tetapi tidak dijawab oleh Kementerian Kewangan, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu dan memulihkan balik modal-modal yang telah dikeluarkan oleh penduduk luar bandar ini kerana mereka berharap melalui sumbangan RM1 yang mereka beli saham-saham amanah ini mereka akan mendapat pulangan yang lebih baik. Tetapi malangnya, akhir-akhir ini mereka bukan sahaja terpaksa mengeluarkan duit bagi membayar hutang-hutang yang mereka pinjam dahulu bagi membeli saham-saham ini, bahkan mereka menghadapi masalah yang besar bagi menampung kehidupan mereka sehari-hari.

Yang ketiga, tentang kemiskinan ini saya hendak menyentuh sedikit tentang pelaksanaan Program PPRT dalam pelaksanaan bantuan rumah kemiskinan ini. Kita lihat dan perhatikan akhir-akhir ini bahawa ada sebahagian masyarakat telah menyalah tanggapan terhadap pelaksanaan PPRT ini yang sekarang ini, kalau dahulu pada mulanya saya pernah terlibat kos PPRT ini ialah lebih kurang RM3,000 dan sekarang harga pelaksanaan rumah PPRT ini ialah RM12,000.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Ada daripada mereka yang beranggapan bahawa apa juga kerosakan rumah yang perlu mereka baiki mereka menganggap bahawa kerja-kerja itu juga termasuk dalam PPRT. Akibatnya walaupun kos membaiki rumah mereka itu lebih kurang RM1,000 ataupun RM2,000 maka mereka menuntut supaya mereka juga mendapat RM12,000 seperti mana harga yang ada sekarang.

Satu perkara yang saya hendak menarik perhatian kepada kementerian, saya harap kementerian harus sedar bahawa terdapat juga anak-anak yang mungkin mempunyai pengajian yang tinggi, terpelajar dan mempunyai peruntukan atau pun

pendapatan bulanan yang baik tetapi mereka sanggup menyenaraikan ibu bapa mereka sebagai peserta-peserta PPRT semata-mata untuk mendapatkan peruntukan kewangan dan bantuan daripada kerajaan. Ini satu keadaan yang saya kira sungguh mendukacitakan kita dan saya berharap supaya pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dapat mengkaji balik supaya tahap kesedaran ini dapat diberikan kepada anak-anak supaya mereka lebih bertanggungjawab kepada anak-anak mereka sendiri.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah saya hendak menyentuh tentang Amanah Ikhtiar Malaysia. Kita perhatikan bahawa pada masa-masa lepas Amanah Ikhtiar Malaysia ini telah diberikan peruntukan yang mencukupi bagi memberikan bantuan kepada golongan-golongan yang memerlukan dan kita lihat kesan kepada bantuan itu amat baik kepada mereka. Tetapi pada tahun 2005 ini tidak ada satu sen pun diperuntukkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia ini dan saya tidak tahu apa sebab yang berlaku dan mungkinkah disebabkan oleh berlakunya penyelewengan baru-baru ini, maka kerajaan telah membatalkan ataupun tidak memberikan peruntukan kepada pelaksanaan program ini.

Saya rasa adalah tidak wajar. Sepatutnya kalau ada penyelewengan yang berlaku dalam mana-mana agensi bukan agensi itu yang ditutup kerana agensi ini tidak ada masalah, yang menjadi masalah ialah mereka yang menguruskan agensi-agensi berkenaan. Saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji balik supaya peruntukan dapat disalurkan kepada mereka terutama penduduk luar bandar dalam mendapatkan bantuan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia. Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang.

4.04 petang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masa terhad. Saya terus menjuruskan kepada perkara 10000, 20000, 40000 – Bekalan, 1700 dan 2000 - Pembangunan. Sekali gus.

Di Ledang, alhamdulillah semua projek jalan kampung telah pun siap. Di Muar ada masalah kerana Muar tepi pantai. *[Ketawa]* Di Sipitang, saya tengok semua *no problem*. Cuma, masalahnya ialah jalan-jalan kampung tersebut rosak bukan kerana kualiti dan sebagainya tetapi kerana dirosakkan atau di ceroboh oleh orang luar.

Orang kampung yang memperjuangkan jalan kampung dan kemudahan-kemudahan lain tetapi orang luar yang datang menceroboh. Jalan kampung dirosakkan kerana mengangkut kayu getah keluar, tekanan air rendah kerana ada kilang haram, bekalan elektrik - *voltage* rendah kerana ada kilang haram dan sebagainya.

Jadi, saya berpendapat bahawa sudah sampai masanya segala kemudahan awam itu bukan sahaja orang luar kampung yang mendapat faedahnya tetapi orang kampung itu sendiri di mana sewajarnya segala kemudahan dioptimumkan penggunaannya dengan meningkatkan peluang-peluang ekonomi daripada infrastruktur yang telah disediakan seperti jalan, bekalan elektrik, air, telefon termasuklah jalur lebar seperti pekan Parit Bunga - luar bandar juga, dalam kawasan saya.

Tuan Pengerusi, mungkin untuk melonjakkan suasana peluang ekonomi tersebut ialah pertamanya dan kerajaan mungkin sudah boleh menganjurkan atau meminta syarikat-syarikat gergasi menubuhkan syarikat-syarikat, anak-anak syarikat dalam bentuk pemprosesan makanan, kilang-kilang dan lain-lain di Ledang, di Sipitang, di Muar dan lain-lain supaya syarikat-syarikat ini mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya dan mungkin juga mendidik anak-anak kampung, anak-anak luar bandar mengurus syarikat ataupun kerajaan boleh menubuhkan syarikat-syarikat tertentu dalam usaha untuk mendidik masyarakat kampung menguruskan syarikat, kemudian diambil alih oleh orang kampung secara BOT, di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, perkara ini sedang dilaksanakan di France. Mungkin kita boleh menganjurkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membuat satu lawatan ke France di mana dua perkara tadi yang saya sebut diusahakan di sana dan kita belajar daripada negara France ataupun negara Perancis, kata orang Melayu.

Tuan Pengerusi, di luar bandar juga ada kilang haram seperti yang saya sebutkan tadi. Mungkin sudah sampai masanya dalam kes-kes tertentu kilang-kilang haram itu dihalalkan [*Ketawa*] dengan syarat-syarat tertentu. Kalau yang melanggar – pencemaran alam sekitar ini kita tolaklah, tetapi yang dengan sebab isu status tanah, kerana mungkin kilang itu tidak cukup besar dan sebagainya yang di luar kawasan PBT. Jadi sekiranya ada insentif tertentu, ada sedikit kelonggaran, kilang-kilang haram tadi dihalalkan dengan cara-cara dan syarat tertentu, dengan memberikan galakan

ataupun mewujudkan kuota di mana anak tempatan mesti dilibatkan. Kilang-kilang haram ini juga, mungkin satu pendekatan yang agak konservatif, boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, kita galakkan kilang-kilang yang haram ini kita halalkan – benda sudah ada di situ, selama ini pun kita tidak boleh berbuat apa-apa, masuk dalam mahkamah pun tidak boleh buat apa-apa, jadi kita halalkan.

Tetapi yang tertentu sahajalah dengan syarat-syarat tertentu supaya segala kemudahan awam yang ada di kampung dioptimumkan penggunaannya, orang kampung dapat peluang pekerjaan, dapat peluang ekonomi dan tidaklah berlaku penghijrahan orang-orang kampung, orang-orang luar bandar ke bandar-bandar. Sekali gus dapat menyelesaikan masalah sosial. Mungkin kilang-kilang perabot tertentu yang tidak mencemarkan alam sekitar – kalau pun dia mencemarkan alam sekitar dengan habuk dan sebagainya, dipasang alat yang tertentu untuk mengelakkan daripada mengganggu alam sekitar.

Tuan Pengerusi, kesimpulannya - oleh kerana masa tidak cukup, kesimpulannya ialah segala kemudahan infrastruktur diselenggara dengan baik dan dinaikkan taraf mengikut keperluan dan kesesuaian - jalan dilebarkan, bahu jalan diadakan, kekuatan jalan ditingkatkan, tekanan air paip dimapankan, bekalan elektrik *voltagenya distablekan*, dengan izin, dan jalur lebar dan sebagainya tadi diadakan, memperhebatkan peluang-peluang ekonomi termasuk menubuhkan syarikat-syarikat pemprosesan dan pembuatan seperti yang saya sebutkan tadi.

Ketiga, menghalalkan kilang-kilang seperti yang saya sebutkan tadi dan yang paling pentingnya ialah memperkasa budaya masyarakat dan kita mendidik masyarakat orang kampung dengan izin "*think local*" – berfikir secara kampung tetapi bertindak di peringkat global.

Tuan Pengerusi, sebelum Tuan Pengerusi menyuruh saya berhenti, saya berhenti – saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

4.09 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya kira-kira lapan kali berdiri baru dapat tetapi kesabaran itu merupakan satu daripada iman. *[Ketawa]* Saya ingin menyentuh dalam Butiran 01700 - Bekalan

Elektrik Luar Bandar, 02000 – Bekalan Air Luar Bandar, 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar dan juga 03201 - Program Kesejahteraan Rakyat.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat tahun 2005 ini merupakan satu harapan dan sinaran baru dalam kementerian ini di mana peruntukan kalau kita tengok kalau pelaksanaan dia tidak ada birokrasi, kalau pelaksanaan dia diurus secara telus untuk melihat bagaimana peruntukan ini dapat disalurkan ke sasaran yang tepat, mungkin masalah-masalah air luar bandar, elektrik luar bandar, jalan-jalan kampung di luar bandar ini dapat diselesaikan.

Di Sabah, untuk elektrik luar bandar, saya lihat dia ada RM230 juta untuk tahun 2005. Manakala air luar bandar RM185 juta, jalan kampung RM2.37 bilion keseluruhannya. Tuan Pengerusi, kita punya Timbalan Menteri ada di sini, dia pun orang luar bandar. Kita cuba cari jalan penyelesaian yang sebaik mungkin yang mana juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan supaya rancangan komprehensif untuk mengeluarkan masyarakat bumiputera daripada belunggu kemiskinan sebab dalam Al-Quran pun ada mengatakan bahawa kemiskinan itu akan mendekatkan ummah kepada kekufuran dan kekufuran itu merupakan suatu dosa besar. Jadi rasa saya kita sama-sama bertanggungjawab untuk mengagihkan peruntukan ini secara bijaksana.

Pada hari ini mungkin ulangan lagi daripada saranan-saranan yang dahulu. Kita minta kementerian ini mesti mengadakan *data base* di setiap kawasan Parlimen seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Data-data ini perlu Yang Berhormat, sebab di situ akan melihat bagaimana rancangan sesebuah Parlimen itu dapat diselesaikan secara total.

Misal contohnya, berapa sebenarnya jalan kampung yang belum diturap, yang perlu dinaik taraf. Kerajaan boleh mengurus masalah ini dengan peruntukan-peruntukan yang kita debat tahun-tahun yang dibawa oleh kerajaan. Demikian juga api elektrik, air bersih dan sebagainya.

Di Kinabatangan ini Tuan Pengerusi merupakan pembekal air di Sandakan. Sungai Kinabatangan ini tidak akan kering selagi ada langit dan bumi, selagi ada bintang dan bulan, sungai ini tidak akan kering. Tetapi masalah yang kita hadapi, rakyat Kinabatangan sendiri tidak menikmati air bersih ini. Dahulu air di Sungai Kinabatangan ini boleh diminum *direct* sebab dia masih jernih. Sekarang Tuan Pengerusi, dia kalau buat milo, macam milolah dia punya rupa - Milo Kaw. Bererti

tidak boleh lagi diminum oleh orang kampung, kalau diminum maka di situlah penyakit yang mungkin akan mendatang. Ia perlu dirawat dan perlu diproses.

Ini kenalah kementerian ini yang secara kebetulan bertindak untuk menangani masalah ini, saya percaya Timbalan Menteri dan Menteri memang pun mengetahui persoalan ini. Kita cuba sama-sama bincang dan kalau boleh kementerian ini dikembangkan secara menyeluruh.

Saya hairan apa peranan kementerian ini secara keseluruhannya. Ada peruntukan tetapi orang lain yang mengusahakannya. Kementerian ini seolah-olah tidak ada satu peranan. Peruntukan diletakkan sahaja di bawah kementerian tetapi orang lain pula yang menjalankan kalau di Sabah, sekejap JPPS lah, JKR lah, itulah saya pun tidak faham apa sebenarnya. Tidakkah kementerian ini berhasrat untuk mewujudkan satu agensi khas di tiap-tiap negeri untuk menyelia peruntukan-peruntukan yang sedia ada ini.

Saya percaya inilah salah satu kelemahan yang kita hadapi. Apabila tidak ada penyusunan di peringkat negeri-negeri itu maka berlakulah birokrasi sebegini. JKR disalurkan pergi ke JKR, JKR cakap okey. Dahulu kita dapat peruntukan luar bandar tidak ditender. Sekarang ini *open tender*, saya pun tidak faham apa hasrat kerajaan.....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya bersetuju dengan hujah daripada Yang Berhormat. Birokrasi dan tidak ada agensi yang melaksanakan projek-projek di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah ini dan pendekatan Kementerian Kewangan seperti *open tender*, penyediaan dokumen tender yang begitu lama telah jelas sekali melambatkan pelaksanaan projek-projek di bawah kementerian ini.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga melihat perkara yang sama harus ditangani, diaddress oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Ini sebetulnya masalah berlaku begini, sebab pemeriksaan sesebuah projek jalan contohnya, memakan masa satu bulan. Membuat laporan satu bulan. Penyediaan tender satu bulan. Jadi, dia begitu begini, dia sepak sana, sepak sini empat bulan, baru boleh mengemukakan permohonan. Tender lagi, dua bulan. Mahu dikajilah, itulah.

Jadi, cubalah Yang Berhormat bawalah perkara ini dalam perbincangan dengan Kabinet dan menteri kita supaya dipermudahkan lagi, jangan menyukarkan kehidupan rakyat kita. Menyukarkan kehidupan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Berapa minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Lima minitkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa sudah cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh gulung, satu minit. Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebagai yang terakhir, saya meminta kementerian ini supaya lebih memahami tuntutan sebenarnya dan mengagihkan peruntukan ini secara bijaksana supaya rakyat di luar bandar terus memberikan sokongan yang padu, kebetulan pula Kelantan baru menang.

Jangan macam Pahang, saya tidak tahu. Pahang tadi, Kuala Krau, siapa tipu siapa? Kita tidak faham siapa yang tipu dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam.

4.17 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli Dewan yang mulia. Sabak Bernam hendak menjurus kepada P.22 Butiran 02503 dan 03201.

Tuan Pengerusi, matlamat KPLB menggerakkan Gerakan Desa Wawasan ialah untuk memastikan rakyat turut mendapat manfaat yang semaksimumnya di tempat mereka. Oleh kerana itulah maka saya ingin menyarankan supaya sikap kepada tiga pihak itu harus diberikan perhatian, sikap pemimpin, sikap pegawai dan sikap masyarakat.

Saya hendak memberikan penekanan lagi sekali dalam konteks sikap pegawai dan kakitangan. Satu bentuk Program Bina Insan terhadap mereka ini harus diberikan

selain daripada memberikan kemahiran dalam bidang yang mereka uruskan seharusnya ada rasa akaubtabiliti terhadap tugas dan tanggungjawab mereka.

Perkara yang kedua ialah peruntukan yang agak besar telah diberikan kepada agenda pembangunan masyarakat dari segi meningkatkan perusahaan di kampung-kampung. Ini sewajarnya diteruskan dan saya ingin menekankan dalam konteks ini projek-projek contoh harus diwujudkan di setiap kampung di mana ia harus disebarikan supaya kampung-kampung yang lain dapat mencontohinya.

Kita banyak pengalaman di mana projek-projek diperkenalkan. Yang berjaya banyak, yang gagal pun tidak kurang banyaknya. Dalam konteks ini seharusnya ia memberikan satu pengalaman supaya masyarakat kampung dapat manfaat semaksimumnya dan saya menyokong beberapa teman yang menyatakan bahawa Projek Amanah Ikhtiar yang terbukti kejayaannya itu harus diberikan satu sokongan ataupun peruntukan yang khusus.

Saya ingat Yang Berhormat bagi Marang tadi, beliau menyatakan bahawa Projek Amanah Ikhtiar cukup berjaya. Sabak Bernam ingin menegaskan bahawa projek ini memang cukup berjaya. Malah kejayaan ini dimanifestasikan dengan contoh daripada projek TEKUN sebenarnya yang ada mirip sistem dana yang tersebut. Ini akan dapat mengeluarkan masyarakat desa yang kebanyakannya di dalam lingkungan miskin untuk keluar daripada kemiskinan mereka.

Perkara yang ketiganya ialah dari segi pengisian kemudahan-kemudahan yang berada di kampung-kampung. Kita dapati dari segi pembangunan kemudahan fizikal seperti balai raya, balai JKK, balai rakyat, malah surau dan sekolah kalau boleh dijadikan sebagai pusat komuniti, ini menggambarkan bahawa di sesebuah kampung itu telah banyak kemudahan.

Yang menjadi masalah ialah pengisian kepada kemudahan-kemudahan itu. Di sini saya ingin menyarankan supaya daripada peruntukan yang begitu banyak yang dibahagikan kepada beberapa bidang untuk kepentingan masyarakat supaya Ahli-ahli Parlimen ini diberikan satu peruntukan khusus untuk menjayakan program pembangunan masyarakat di sesuatu kampung.

Ini akan memberikan suatu kesan yang baik terhadap kepimpinan seorang wakil rakyat itu yang memang secara khususnya membantu pihak kerajaan untuk menjayakan semua program yang ingin dilaksanakan. Dan yang akhir sekali, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

supaya dibentuk satu Jawatankuasa Khas yang akan menyelaras pembangunan di satu-satu kawasan Parlimen khususnya di mana Ahli Parlimen itu sendiri harus mempengerusikan jawatankuasa itu. Dengan ini maka satu bentuk penyelarasan, pemantauan, penilaian, kawalan terhadap satu-satu program dan aktiviti itu dapat dijalankan.

Dan yang paling akhir sekali, kita dapati di kampung-kampung tertentu sudah tidak ada lagi tanah kerajaan. Oleh kerana itu, maka saya menyarankan supaya pihak kementerian memberikan suatu bentuk kelonggaran, di mana kalau adalah pemilik tanah di sesebuah kampung itu yang bersetuju untuk membenarkan tapak tanahnya dibina umpamanya kedai KPLB ataupun kedai luar bandar supaya diberikan kelonggaran itu mungkin untuk tempoh 10 ataupun 15 tahun. Dengan itu ia boleh membantu mewujudkan usahawan tani ataupun usahawan IKS di sesebuah kampung. Sekian, terima kasih. Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam.

4.22 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran Projek 02500 mengenai Jalan Kampung dan Penyelenggaraan. Di sini saya ingin menarik perhatian kementerian, bahawa sejak saya menjadi wakil rakyat, satu perkara yang memang sukar saya terima adalah projek jalan kampung yang telah diluluskan tiba-tiba *dihijack* ke tempat lain. Disebabkan oleh persempadanan semula yang menyebabkan orang kampung itu telah membuat kenduri meraikan kemenangan mereka, di mana mereka telah mendapat jalan kampung seperti mana yang diumumkan setahun lebih, tetapi selepas itu terus lenyap dan kita hendak mencari satu pendekatan, kita kena mencari jawapan di manakah jalan yang telah diluluskan itu pergi.

Saya mengambil contoh, Jalan Parit Haji Ali Darat, Air Hitam sepanjang 10 kilometer yang telah diluluskan peruntukkan sebanyak RM455 ribu. Ini adalah satu perkara yang saya sukar hendak terima kerana berkali-kali disebut dan telah dibawa kepada perhatian pihak berkuasa nampaknya dia kata, hilang pula, digugurkan projek itu. Jadi kita sebagai satu Parlimen yang baru, perkara ini tidak seharusnya berlaku dan menjadi *hijack* kepada kawasan lain, ini adalah satu perkara.

Kedua, adalah di Kampung Sawa Sagil, di mana semasa berkempen pun, ketua kampung dengan muka yang masam sekali telah mengutarakan masalah ini. Saya rasa pihak kementerian kena mengambil tindakan segera untuk memulihkan projek ini khususnya yang 10 kilometer dekat Kampung Parit Haji Ali, itu, saya dipelawa untuk menunggang motosikal untuk meninjau sendiri, saya mintalah kalau ada masa Menteri atau Timbalan Menteri, datanglah sama-sama menunggang motosikal dan melihat keadaan jalan.

Jadi itu adalah perkara yang saya ingin sentuh. Kedua dari segi penyenggaraan jalan, kita tidak sepatutnya melakukan secara *ad hoc*, ianya perlu mempunyai satu jadual yang lebih teliti, yang lebih terperinci di mana satu sistem yang lebih baik perlu diwujudkan untuk menyenggarakan jalan. Dan menyentuh pula satu perkara lagi yang ingin saya sentuh iaitu bekalan elektrik dan bekalan air. Ini adalah satu masalah besar. Saya baru-baru ini terima daripada Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa mengikut *database* yang saya terima, bekalan air di Air Hitam 100%, bekalan elektrik 100%, tetapi yang peliknya, apabila saya melawat kampung ada tiga, empat kampung tidak dapat air, tidak dapat api, tidak dapat bekalan, jadi, saya rasa maklumat itu tidak tepat. Jadi saya mintalah jangan berdasarkan maklumat tidak tepat ini, Air Hitam itu tidak diberikan sebarang peruntukan untuk bekalan air dan elektrik dan kita perlu kejituan dalam soal ini.

Dan seperkara terakhir yang ingin saya bangkitkan di sini adalah, mengenai bagaimana kita membangunkan industri desa di kampung-kampung. Saya rasa mereka perlu diberi bantuan, kerana di Air Hitam ini memang terkenal dengan kerepek, keropok, rempeyek dan sebagainya. Tetapi dari segi pembungkusannya memang kementerian ini boleh berperanan untuk mengadakan satu latihan supaya ianya lebih menarik. Kerana ianya lebih berpotensi untuk dijadikan suatu pusat pelancongan untuk mempertingkatkan lagi pendapatan orang kampung. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuan.

4.25 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian perbahasan bagi Butiran 01000 – Ibu Pejabat Kementerian. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya amat bersimpati pada sektor luar bandar ini,

kerana peruntukan RM500 juta telah dikurangkan daripada kementerian ini dan ini tidak menggambarkan sokongan rakyat terhadap kerajaan. Yang mendukung kerajaan ini ialah penduduk luar bandar. Kita amat hairan kenapa peruntukan sebanyak itu, sebesar itu dikurangkan dan kita mohonlah supaya kita ini semua Ahli Parlimen menyokong supaya di kementerian ini diberi peruntukan yang besar dan seharusnya peruntukan RM500 juta ini dikembalikan. Kita menyokong langkah kerajaan untuk mengurangkan defisit dalam Bajet 2005 tetapi kalaulah luar bandar yang dikorbankan itu amat sedih dan kita akan menyokong usaha kementerian untuk mendapat balik ataupun lebih daripada peruntukan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya akan teruskan dalam Butiran 04000 - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), 05000 - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), 09000 - Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

Tuan Pengerusi, strategi Pembangunan Wilayah Malaysia yang dilaksanakan sejak daripada Rancangan Malaya Yang Pertama 1956 sehingga pada hari ini terdapat empat strategi iaitu yang pertama pembangunan tanah baru dan sumber. Yang keduanya, strategi pembangunan *insitu*. Yang ketiga, perbandaran luar bandar dan *rural organization* ataupun *rural urbanization* dan pembinaan pusat-pusat pertumbuhan yang baru dan ketiganya, *industrial disposal strategy*.

Keempat-keempat strategi ini telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan *lead* agensinya yang kita lihat di sini ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Untuk melaksanakan ini maka ditubuhkan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah seperti mana yang saya sebutkan tadi. Setelah sekian lama kita lihat kesannya dan kalau kita lihat penilaian pihak kerajaan dalam laporan-laporan sebagai contoh saya ambil laporan daripada Majlis Perundingan Ekonomi Negara Yang Kedua (MAPEN II), saya hendak sebut di dalam *point* 2.7073 ada menyatakan bahawa pembangunan yang tidak seimbang ini masih ada lagi tidak seimbang di seluruh negara berserta dengan masalah ekonomi yang terbit daripadanya telah menyebutkan terdapat perbezaan yang agak ketara daripada segi pendapatan purata dan taraf hidup beberapa buah negeri dengan negeri-negeri yang lebih maju. Dan dalam laporan itu juga telah menyatakan bahawa sementara kualiti hidup di semua negeri di Malaysia dapat bertambah baik, namun terdapat perbezaan yang nyata dari segi pencapaian di Sabah dan Sarawak berbanding dengan negeri lain di Semenanjung.

Tuan Pengerusi, kalau sahabat saya daripada Pahang tadi menyatakan mempersoalkan kenapa Lembaga Kemajuan Jengka itu sudah ditutup dan beberapa program pembangunan wilayah di Pahang ditutup. Kita di negeri Sabah dan Sarawak pula bertanya, kenapa selama sudah sekian lama, walaupun dengan strategi pembangunan wilayah yang begitu jelas tidak Lembaga Kemajuan Wilayah tidak ditubuhkan di Sabah. Apakah sebenarnya yang menyebabkan telah sekian lama, adakah ini disebabkan pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak ini sememangnya tidak mahu supaya lembaga sedemikian rupa ditubuhkan di Sarawak dan Sabah ataupun sebenarnya pihak kementerian sendiri. Menteri sudah berganti sejak daripada tahun 60an lagi sehingga kepada hari ini, apakah Menteri yang bertanggungjawab tidak pernah memberikan cadangan dan kalau pihak Menteri tidak memberi cadangan, bagaimanakah sebenarnya kerajaan dapat melaksanakan empat strategi pembangunan wilayah tadi.

Kita ambil contoh dalam pewujudan pusat-pusat pertumbuhan desa. Apakah institusi yang melaksanakan strategi tersebut? Dalam peringkat dasar kita telah menyatakan perkara ini tetapi dalam peringkat Jawatankuasa ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah pusat pertumbuhan desa yang telah ditubuhkan, yang telah didirikan oleh semua lembaga Kementerian Pembangunan Wilayah yang sudah ditubuhkan di seluruh Semenanjung, nyatakan apakah masalah yang dihadapi? Apakah pihak kerajaan tidak pernah memikirkan strategi yang sama, program yang sama perlu dilaksanakan di Sabah dan Sarawak?

Tuan Pengerusi, yang amat menghairankan di sini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, ya, saya hendak sambung menggulung. Yang amat menghairankan di sini ialah, dari segi dasar, ini amat jelas, dari segi perancangan di peringkat EPU seperti mana yang telah disebut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tempoh hari begitu jelas tetapi dari segi pelaksanaan di Sabah berlainan. Mungkin di sinilah saya rasa perlu dipertingkatkan dan saya berharap, pihak kementerian Kemajuan Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini benar-benar mengambil peranan sebagai agensi, sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk menyeimbangkan pembangunan wilayah di seluruh negara ini.

Kalau bukan kementerian ini yang mengambil sebagai *lead agency*, saya tidak tahu lagi yang mana satu dan siapa lagi yang tinggal.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Saya minta maaf, saya terpaksa mengehadkan masa dan yang tidak dapat bercakap, boleh minta dalam mencelah nanti. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Rembau dan selepas itu kementerian menjawab.

4.31 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Kepala 020000 – Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebagaimana yang kita sedia maklum, salah satu tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah untuk membangunkan sumber manusia ke tahap cemerlang serta membantu Kementerian Pembangunan Luar Bandar merealisasikan wawasan untuk mewujudkan luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan.

Selain daripada itu, KEMAS juga bertanggungjawab untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan dan perkembangan mengenai sosial, emosi, fizikal, intelek dan rohani. Jadi tanggungjawab ini diberikan kepada kira-kira 8,179 orang guru tabika KEMAS di seluruh negara. Apa yang saya musykil ialah guru-guru ini diletakkan di dalam gred yang sangat rendah iaitu Gred N11, sama dengan buruh ataupun IMG, sekarang ini dipanggil PAR, sedangkan 71.8% iaitu kira-kira 5,874 orang daripada mereka memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 8% iaitu kira-kira 660 orang memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) cuma bakinya tadi dalam 20% memiliki SRP.

Jadi soalnya sekarang ialah, sepatutnya kerajaan memikirkan untuk mewujudkan Career Development Plan, dengan izin, ataupun Pelan Pembangunan Kerjaya yang lebih baik untuk pemaju-pemaju KEMAS ini memandangkan mereka ini sebahagiannya bermula dengan pemaju KEMAS yang gajinya RM500 lebih dan bila dia habis tamat khidmatnya 55 tahun masih lagi memegang jawatan yang sama. Kita

sedia maklum, mengikut kajian OACD selama 35 tahun menunjukkan pelaburan dalam pembangunan manusia, *human capital*, dengan izin, seperti pendidikan dan latihan, kemahiran, menghasilkan tiga kali ganda pertumbuhan.

Jadi, selain daripada itu, pemaju KEMAS ini, selain mendapat gaji, dia tidak dapat semua elaun yang sepatutnya dapat oleh pegawai kerajaan. Alasannya, mereka ini pegawai kontrak. Mereka tidak dapat elaun khidmat awam, mereka cuma dapat elaun perumahan sebanyak RM135 sebulan. Selain dari itu, mereka juga tidak dapat kemudahan pinjaman perumahan, kemudahan pinjaman kenderaan, hendak beli motosikal pun tidak ada. Tetapi dalam masa yang sama, kita mengharapkan mereka mendidik anak-anak kita dengan baik supaya menjadi warganegara yang cemerlang.

Oleh yang demikian, saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya semua anggota KEMAS ini diletakkan dalam jawatan tetap. Yang keduanya, semua mereka mestilah diberi faedah-faedah pinggiran sebagaimana kakitangan kerajaan yang lain.

Yang ketiganya, mereka yang cemerlang, mungkin 10% daripada mereka mestilah diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sijil ataupun diploma atau ke peringkat yang lebih tinggi melalui Universiti Terbuka (Open University) ataupun melalui Universiti Malaya, Center of Continuing Education, dengan izin, seperti yang dibuat oleh pihak Angkatan Tentera. Dengan itu saya rasa mereka akan dapat memberikan khidmat yang lebih cemerlang.

Tuan Pengerusi, selain dari itu juga, saya juga berharap dapat kiranya pihak kementerian memberikan sedikit gambaran mengenai program-program yang telah dijalankan oleh kementerian seperti Skim Pembiayaan Ekonomi Desa dan juga skim-skim lain. Berapa ramaikah mereka yang sudah dapat manfaat dari skim ini dan apakah usaha-usaha lain yang dijalankan untuk meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang industri desa ini. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Okay, jawapan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Timbalan Menteri, silakan.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang mengetengahkan berbagai-bagai-bagai soalan dan isu serta pandangan. Saya juga rasa kesal kerana beberapa Ahli Yang Berhormat tidak mempunyai masa untuk mendapat peluang. *[Disorak]* Saya cukup simpati dengan mereka dan saya berjanji sekiranya mereka bangkit untuk mencelah, saya akan beri kepada mereka.

Saya dalam memberi jawapan ini, oleh kerana kesuntukan masa untuk menyusun jawapan-jawapan supaya tersusun dan teratur, mungkin tidak berjaya sepenuhnya, tambahan lagi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga sedikit sebanyak pertindihan. Tetapi untuk tidak membuang masa, saya mencadangkan supaya jawapan ini ditumpukan berdasarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan. Ini bermakna kalau ada sesetengah soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Muar umpamanya, ada juga ditanya oleh Yang Berhormat bagi Jerlun. Maka saya kira kalau tidak sepenuhnya jawapan diberi kepada penanya yang kedua, saya kira jawapan yang pertama itu sudah memadai.

Pertamanya, Yang Berhormat bagi Muar menimbulkan isu mengenai KEMAS dan Jalan Luar Bandar khususnya penekanan diberi kepada program prasekolah KEMAS kerana beliau bimbang keciciran boleh berlaku dari peringkat awal dan oleh itu beliau bimbang tentang kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam tabika KEMAS berbanding dengan tadika-tadika yang dikelolakan oleh Kementerian Perpaduan dan juga Kementerian Pelajaran. Soalan ini juga ada ditanya oleh Yang Berhormat bagi Rembau kalau tidak silap saya.

Satu jawapan umum, yang pertamanya ialah untuk kita menyedari bahawa skop tabika KEMAS ini adalah agak besar. Ia meliputi hampir 7,500 buah tabika yang melibatkan lebih 8,000 penyelia KEMAS dan juga lebih 23,000 murid-murid dalam KEMAS kalau tidak silap saya. Guru-guru KEMAS ini adalah terdiri dari berbagai-bagai kelulusan; ada yang SPM, ada yang SRP, ada yang STPM tetapi kebanyakannya adalah peringkat SPM.

Jadi untuk kita menyelaraskan dan menaikkan taraf kesemuanya ke tahap yang lebih baik terutama sekali berbanding dengan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran, ia sudah tentu akan mengambil masa dan kita sudah memulakan perbincangan di antara ketiga-tiga agensi kerajaan dan kementerian ini termasuk Kementerian Perpaduan untuk kita mencari satu pendekatan supaya jurang perbezaan

dan supaya liputan yang meluas ini dapat terus dikekalkan. Saya rasa usaha yang baru dikenal pasti dan baru dilaksanakan ini sudah tentu akan memakan masa yang lebih sedikit.

Walaupun Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kementerian sudah mengeluarkan RM50 juta untuk menaik taraf bangunan-bangunan Tabika KEMAS umpamanya pada tahun ini dan jumlah ini tidak mencukupi, ianya akan terus dibelanjakan di tahun-tahun akan datang. Cuma yang membimbangkan kita pada hari ini di kementerian ialah kerana siling perbelanjaan kita sudah pun hampir habis dan kalau mengikutkan siling tersebut dan juga mengikut pemindahan peruntukan lebih daripada RM500 juta daripada Kementerian Luar Bandar ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, maka ruang untuk kita membelanjakan bukan sahaja kepada KEMAS *preschool* tetapi juga projek-projek lain adalah cukup terhad.

Saya cukup bimbang sekiranya usaha kita untuk mendapat penambahan siling dan peruntukan yang lebih daripada apa yang dijadualkan ini tidak berjaya maka mungkin kita akan berhadapan dengan masalah yang lebih besar.

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kuala Terengganu.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Dia ada berdirilah tadi.

Dato' Razali bin Ismail: Ada. Sudah 28 kali saya berdiri.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Daripada pagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak nampak belakang.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih. Yang Berhormat Bachok tadi telah menyentuh tentang jurang dan perbezaan dan saya nampak jelas sekali kalau kita hendak bandingkan Tadika KEMAS ataupun Tabika KEMAS ataupun dengan tabika yang swasta malah prasekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan sendiri nyata perbezaannya begitu ketara sekali. Tetapi di sini juga kita lihat bahawa anak-anak yang diraikan, yang dididik oleh KEMAS adalah anak-anak yang daif sosiobudaya, tetapi daif pula dari segi guru yang mengajarnya.

Jadi bertimpa-timpa nampak masalahnya. Jadi, saya kira di sini ini satu masalah yang menimbulkan pula yang disebut dalam bahasa Inggeris dengan izin *cumulative deficit* akan terus berlaku kepada anak-anak kita. Ini saya rasa cukup bahaya sebab kita memikirkan dari segi *development growth with equity* sedangkan sekarang yang berlaku ialah *growth with equality*. Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat Kuala Terengganu ada menyebut dua masalah yang bertimpa-timpa. Saya ingin menyebutkan satu lagi yang ketiga iaitu berdasarkan peruntukan yang dibuat untuk tahun 2005 kita dapati KEMAS akan dikurangkan peruntukan sebanyak RM72 juta dan pendidikan prasekolah sebanyak RM35 juta. Jadi ini akan sekali lagi *underscore*, dengan izin, masalah yang akan dihadapi nanti.

Yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Muar ialah tentang jalan kampung yang memang saya agak terkejut apabila mendengar rintihan beliau bahawa Parlimen beliau hanya mendapat dua jalan berbanding dengan kawasan Parlimen lain seperti Pagoh dan juga Ledang. Beliau mengatakan mungkin kerana Pagoh mempunyai Ahli Parlimen Menteri dan Ledang Menteri Besar.

Sebenarnya mengikut pengagihan di Kementerian Luar Bandar, pengagihan dibuat berdasarkan kepada Parlimen, bukan kepada daerah dan diagihkan daripada daerah kepada Parlimen-Parlimen. Jadi, ini bermakna kalau tidak banyak peruntukan yang ditujukan kepada Parlimen, Yang Berhormat bagi Muar, mungkin jalan-jalan kampung sudah hampir sempurna di Muar. Mungkin, saya tidak tahulah. Jadi kalau ini kita boleh kaji kerana Muar ini pun bandar kan, kalau kiranya mungkin sudah banyak jalan-jalan yang disediakan, manakala Pagoh dan Ledang ini mungkin lebih bersifat luar bandar.

Tuan Razali bin Ibrahim: [*Bangun*]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Barangkali ini satu penjelasan tetapi kalau masih tidak puas hati kita boleh teliti mengapa ianya sedemikian rupa.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Ketawa*]

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Timbalan Menteri. Ledang ketawa sebab dia dapat banyak. Betul itu saya cakap, tetapi ini contoh, bukan tidak dapat langsung. Cuma saya hendak beri senario di sini, saya di Muar ini, yang untungnya Parlimen saya nama sama dengan daerah Muar. Asal sahaja terima macam Muar sudah dapat, sebenarnya tidak. Parlimen Muar nama sahaja sama dengan daerah

Muar tetapi sebahagian besar Bandar Muar adalah Parlimen Bakri. Parlimen Muar bawa sampai ke sempadan Batu Pahat dan banyak kampung. Bukan kata Muar tidak dapat jalan, ada tetapi kurang dan saya bukan menuduh, saya mengandaikan sebab mungkin Bakri bekas Menteri dan sebagainya, andaian, tidak tuduhan.

Cuma yang saya ingin tanyakan tidakkah boleh kita diberitahu kalau diberi agihan mengikut Parlimen diberitahu berapakah siling Parlimen kita yang ada. Berapa banyak yang kita sudah belanja supaya kita sebagai Ahli Parlimen dapat mengetahui perbelanjaan kita dan sedikit sebanyak kita dapat mengukur kemampuan kita berbelanja. Sudah tentu kita pergi ambil gambar kita kemukakan ke Pejabat Pembangunan Daerah. Dia hantar ke Johor dan dia kata dia lulus. Tetapi kita tidak tahu berapa jumlah. Kita ini hantar sahajalah saban tahun sampai beratus jalan kampung yang hendak diturap semula atau dibaiki. Malang sekali jumlah itu tidak kita ketahui. Jadi kita sudahnya seperti pengantara sahaja mengemukakan jala-jalan yang perlu dibaiki tetapi kita tidak tahu perbelanjaan itu sebenarnya telah pun melebihi siling ataupun masih boleh dihantar dan sebagainya seperti peruntukan-peruntukan lain. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Permintaan Yang Berhormat untuk mendapat maklumat itu tidaklah keterlaluan. Saya kira kita boleh atur supaya Yang Berhormat dan juga mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang ingin mengetahui dapat disediakan jumlah-jumlah yang telah diluluskan dan *progress* pelaksanaan, insya-Allah.

Bahkan ada yang telah meminta secara *ad hoc* dan mereka yang meminta sebenarnya sudah mendapat maklumat tersebut tetapi mungkin Yang Berhormat mengharapkan supaya kita cuba memberi setiap Ahli Yang Berhormat. Ini satu yang saya minta rakan-rakan saya dalam kementerian mengambil perhatian dan akan kita laksanakan.

Yang ketiga dan yang akhir daripada Yang Berhormat Muar ialah tentang latihan kepada peniaga kecil....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, Sekijang.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sekijang. Saya rasa tidak habis macam ini.

Tuan Baharum bin Mohamed: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kata tadi hendak bagi peluang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Bagi peluang, tidak dapat bercakap tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin menyentuh penting jalan kampung ini di mana kita mendapati bahawa jalan-jalan yang dibina untuk masuk ke kampung ini agak terlalu sempit kerana pada hari ini penggunaannya tidak lagi basikal dan motosikal sahaja, tetapi orang-orang kampung pun telah membeli kenderaan kereta dan sebagainya untuk mengangkut hasil-hasilnya untuk masuk dan keluar daripada kampung ke bandar.

Jadi, keadaan ini tentunya bila hendak berselisih itu kadang-kadang menimbulkan masalah dan kadang-kadang berlaku kemalangan kecil dan ini saya rasa perlu kita fikirkan semula tentang pembesarannya sedikit supaya kereta-kereta yang melaluinya dapat berselisih dengan sempurna. Yang keduanya, tentang jalan yang telah dibina ini juga saya hendak minta persetujuan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apabila jalan kampung ini dibina didapati bahu jalan juga sudah jatuh ke bawah. Apabila jalan sempit dan kenderaan yang memaluinya hendak selisih hendak masuk ke tepi tidak boleh lagi. Kadangkala ini ada yang menyebabkan kemalangan maut sekalipun berlaku.

Jadi, perkara ini pun harus ditimbang bersama supaya kita tidak sahaja memberikan kemudahan secara macam orang kata 'melepaskan batuk di tangga' sahaja tetapi kita juga harus memikirkan keselamatan dan kesempurnaan kepada penduduk kampung ini.

Yang ketiganya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mewakili kawasan Sekijang, kita amat berterima kasihlah kepada kementerian yang telah memberi kepada kita beberapa peruntukan tentang pembinaan jalan kampung ini tetapi apa yang musykil bagi saya dan saya minta pertolongan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri, bahawa saya mewakili kawasan Sekijang dan Kampung Sekijang itu sendiri yang namanya masuk ke Parlimen hari ini, jalan-jalannya masih lagi tidak berturap dan saya mintalah supaya perkara ini dapat diberikan pertimbangan dan perhatian. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, permintaan Yang Berhormat untuk memperbaiki jalan Sekijang khususnya kita akan

ambil perhatian. Semoga ia dapat dilaksanakan kalau pun tidak pada tahun ini, insya-Allah pada tahun hadapan.

Tentang jalan yang perlu diperbesarkan sedikit, ini merupakan satu persoalan yang sering ditimbulkan. Soalnya kalau kita perbesarkan terlalu luas, kita juga akan menghadapi masalah peruntukan yang mungkin tidak dapat kita salurkan sebanyak yang mungkin di kampung-kampung.

Jadi buat masa ini saya kira kebimbangan Yang Berhormat itu sememangnya kita di kementerian sering mengambil perhatian, iaitu cuba memperbesarkannya sedikit tetapi ruang untuk betul-betul menjadikan ia lebih besar daripada yang ada sekarang sehingga ia boleh menjadi status jalan luar bandar itu tidak timbul. Jadi kita lihatlah bagaimana, insya-Allah supaya orang kampung bukan sahaja mempunyai sebuah jalan tetapi jalan yang menyenangkan mereka untuk bergerak dan untuk mereka berselisih. Saya tahu di setengah-setengah tempat malahan di kawasan saya sendiri pun, kadangkala bila dua kereta berselisih ia agak susah. Kita akan ambil perhatian, Yang Berhormat.

Jadi, satu *point* lagi, yang ketiga oleh Yang Berhormat bagi Muar ialah latihan. Satunya, ingin saya nyatakan dengan ringkas iaitu aspek *Satu Kampung Satu Produk* ini sebenarnya sedang di dalam kajian oleh pihak EPU sekarang ini. Jadi apa jua pembaharuan dan pembaikan ke atas dasar *Satu Kampung Satu Produk* ini kita akan tunggu hasil kajian EPU nanti. Cuma dari segi berbagai-bagai latihan yang dilaksanakan oleh kementerian kita sendiri, memang kita pun banyaklah mengadakan latihan keusahawanan, pemantapan perniagaan, latihan peningkatan kemahiran, program bimbingan industri, latihan pembungkusan, pembangunan jenama, latihan reka bentuk dan berbagai-bagai, macam-macam, kalau saya hendak sebut pun panjang ceritanya tetapi kita tahulah, di samping berbagai-bagai latihan ini pun kadang-kadang hasilnya masih lagi belum memuaskan hati kita.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau ada menimbulkan soal mengapa Jengka diberhentikan sebagai Lembaga Kemajuan Wilayah. Sebenarnya bila keputusan ini dibuat, dirasakan pada masa itu Jengka sudah memenuhi matlamat kemajuan Lembaga Kemajuan Wilayah dan sebab itu ia diberhentikan. Namun begitu, masih lagi ada sedikit-sedikit peruntukan yang diberikan kepada kawasan-kawasan dalam Jengka, khususnya kepada Majlis Daerah Pekan dan Majlis Daerah Rompin. Saya

difahamkan peruntukan sebanyak RM10 juta setahun diberikan oleh kementerian kita dan juga sedikit sebanyak peruntukan untuk infrastruktur di dalam kawasan itu.

Tetapi memang Jengka bukan lagi merupakan sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah kementerian kita dan soal hendak mewujudkan kembali dan meletakkan taraf ini kepada Jengka, ini adalah merupakan soal yang besar yang hanya boleh diputuskan oleh kerajaan. Tetapi pada dasarnya saya kira kita juga harus peka mengapa Lembaga Kemajuan Wilayah ini tidak lagi merupakan satu program yang dilaksanakan di tempat-tempat lain, di Sabah umpamanya dan di negeri-negeri lain ialah kerana perbelanjaannya besar.

Satu Lembaga Kemajuan Wilayah ini dalam beberapa tahun permulaannya dijangka menelan belanja hampir RM1 bilion. Jadi kalau kita banyak duit, okeylah. Lebih banyak Lembaga Kemajuan Wilayah ini diwujudkan, lebih baik kepada semua pihak tetapi dari segi peruntukan, dari segi sumber kewangan itu mungkin ini yang menjadi masalah pada masa ini.

Namun begitu, untuk menjawab persoalan Yang Berhormat bagi Tuaran dalam satu jawapan di sini, kementerian sedang mengkaji tentang kemungkinan mewujudkan satu Lembaga Kemajuan Wilayah kecil di Ranau dan ini sedang dalam peringkat kajian dan perbincangan di peringkat kementerian dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan sebelum ia dibawa kepada Kabinet. Jadi mungkin Ranau akan melihat sedikit perubahan sekiranya diluluskan oleh kerajaan nanti.

Tentang ameniti sosial yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau yang perlu ditambah daripada RM100,000 kepada RM200,000, saya rasa ini tidaklah menjadi masalah besar sekiranya kita mempunyai peruntukan yang mencukupi, tetapi dalam kebimbangan kita peruntukan yang sedia ada ini pun sudah dikurangkan. Saya tidak begitu positif, tidak begitu optimis bahawa kita dapat tambah banyak tetapi kalau ada, saya rasa kita mahu belanjakan dan peruntukan untuk ameniti sosial ini sudah tentu satu-satu peruntukan yang boleh kita pertimbangkan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mempersoalkan tentang kedudukan Orang Asli, mengapakah status mereka masih lagi merupakan kumpulan yang jauh ketinggalan di negara kita ini, ramai yang miskin dan rancangan membasmi kemiskinan Orang Asli masih belum memperlihatkan hasil yang sepenuhnya, mereka masih merupakan kumpulan yang mundur dan miskin dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli belum lagi kelihatan diduduki oleh Orang Asli sendiri, dan

macam-macam isu yang mana mungkin saya jawab dengan secara kasar di sini. Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timur belum puas hati kita akan dapat membuat kajian seterusnya di kementerian dan dapat berbincang semula.

Saya lihat kenyataan untuk membasmi kemiskinan Orang Asli adalah satu kenyataan yang seiring dan senada dengan tujuan kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar, tidak kira Orang Asli dan orang bukan Asli saya kira, kemiskinan tegar ini sudah menjadi matlamat kerajaan untuk dihapuskan dalam masa lima tahun. Jadi kalau dalam lima tahun ini, pada akhir lima tahun nanti, kalau Orang Asli masih lagi berada dalam kemiskinan dan kalau betul-betul mereka ini berada dalam kemiskinan yang begitu parah maka sudah tentu mereka merupakan golongan yang berada dalam kemiskinan tegar. Maka di situlah nanti kita akan menilai sama ada matlamat kita untuk membasmi kemiskinan tegar ini berjaya atau tidak.

Dan kemiskinan merupakan satu keadaan yang dinamik, yang *dynamic*, dengan izin.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada soalan tentang program jangka panjang untuk Orang Asli. Beberapa program yang telah dirancang oleh kerajaan, misalnya PROSDEC, RTK, RPS, PROSDEC cuma baru satu yang berjaya dijalankan iaitu di Kuala Lipis. Di negeri Pahang, daripada projek RTK untuk menggabungkan kampung-kampung Orang Asli yang berselerak kerana kita tahu jikalau kampung-kampung Orang Asli ini berselerak memang sukar untuk memajukan, terutamanya untuk memasukkan kemudahan asas dan sebagainya, tetapi projek-projek untuk menggabungkan perkampungan Orang Asli ini, di Pahang daripada 263 kampung sehingga kini baru 43 kampung yang digabungkan sedangkan perkara ini sudah pun lama dirancang.

Jadi apakah perkara-perkara yang menyebabkan proses penggabungan dan sebagainya, rancangan jangka panjang untuk Orang Asli terlalu lambat untuk dilaksanakan. Kita tahu kementerian akan mengatakan bahawa masalah ini kerana kerajaan negeri. Saya tahu mungkin itulah jawapan yang akan diberi oleh pihak kementerian – ini masalah kerajaan negeri. Saya kira sepatutnya pihak kementerian

dengan kerajaan negeri tentunya boleh bekerjasama di dalam soal menyelesaikan masalah Orang Asli ini sebab memang masalah Orang Asli merupakan masalah yang besar, masalah kemiskinan Orang Asli merupakan masalah yang besar dan masih belum dapat diselesaikan sehingga sekarang. Saya agak terkejut dan kurang yakin kalau sasaran untuk menyelesaikan kemiskinan Orang Asli boleh diselesaikan dalam masa lima tahun daripada sekarang.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat memang masalah orang Asli ini merupakan masalah yang besar kerana bukan sahaja ianya meliputi penduduk yang bertaburan yang berada di pedalaman yang mempunyai budaya sendiri yang mungkin tidak senang menerima perubahan, yang berhadapan dengan berbagai-bagai-bagai masalah struktur seperti soal tanah, soal pendidikan pelajaran, kesihatan, penempatan semula melalui berbagai-bagai-bagai skim seperti PROSDEC, memerlukan tanah yang mencukupi dan tanah yang berada di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Dalam kes PROSDEC umpamanya kelewatan ialah kerana soal tanah dan tanah ini belum lagi diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang kerana berlaku keperluan untuk menukar tanah yang awalnya diluluskan dan tanah tersebut tidak sesuai untuk dijadikan ladang. \

Jadi tujuan PROSDEC untuk membolehkan Orang-orang Asli yang ditempatkan semula secara bersepadu ini mempunyai ladang-ladang untuk dikerjakan dan untuk ditanam dengan getah ataupun sawit sudah tentu akan tergugat sekiranya ladang dan tanah yang untuk dijadikan ladang itu tidak dapat diperolehi. Maka inilah dia masalah-masalah yang masih perlu ditangani dan masalah-masalah struktur ini memanglah bukan sahaja kita tidak dapat membasmi kemiskinan Orang Asli, kita belum dapat membasmi kemiskinan orang Melayu, kita belum dapat membasmi kemiskinan orang India...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Jadi, ini dia bermaknanya ini soal yang susahlah dan yang perlu kita mengambil masa dan usaha dan saya kira tidak ada kekurangan dari segi usaha yang dijalankan. Okey, Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan peratusan Orang Asli masih dalam *nomadic* dengan *shifting agricultural* dan saya nampak daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini sudah berpindah-pindah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian Pelajaran, kepada Kementerian Pertanian, kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan akhirnya balik kepada Jabatan Luar Bandar dan sebagainya. Ini bermakna polisi ataupun dasar kerajaan ada *shifting agricultural*, *shifting* Jabatan Hal Ehwal Orang Asli...

Seorang ahli: *Football*

Dr. Tan Seng Giaw: *Football*, bola sepak jugalah. *Shifting* JHEOA, bergerak. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana dengan JHEOA yang bergerak ini dapat kita melaksanakan PROSDEC dan sebagainya dengan berkesan kerana ianya bergerak. Kalau Yang Berhormat Menteri 'Parlimen' dia bergerak pun susah juga, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat buat masa ini saya tidak mempunyai peratus Orang Asli yang bergerak-gerak dan saya juga tidak mempunyai maklumat orang-orang yang bukan Asli yang bergerak-gerak. *[Ketawa]*

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Jadi bermakna untuk mengharapkan saya mempunyai maklumat tersebut tidak dapatlah...

Dr. Tan Seng Giaw: Tolong bertulislah itu lain kali..

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Jadi kita...

Dr. Tan Seng Giaw: ...dengan melaksanakan dengan banyak yang hendak hantar bertulis pun tidak juga.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, nanti, nantilah!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Hah!

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kita tulislah berapa peratuslah yang bergerak-gerak ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak berunding pergi ke kantin!

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Jadi...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Saya ingin menyatakan di sini sebenarnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gerik bangun Yang Berhormat, Gerik.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya? Mana? Sekejap saya jawab dahulu yang ...okeylah sila.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Ipoh Timor ada membangkitkan seolah-olah kalau ada Ketua Pengarah Orang Asli sebagai Ketua Pengarahnya di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli barulah nasib mereka terbela dan beliau juga telah mencadangkan supaya adanya timbalan menteri daripada kalangan Orang Asli. Tetapi sebelum saya soal saya ingin menyatakan bahawa tanpa Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor daripada kalangan Orang Asli, sudah ramai Orang Asli yang masuk ke universiti. Salah satu contohnya ialah pelajar saya sendiri dari UKM nama asalnya Juli Ido sekarang ini Dr. Juli Ido yang kelulusan ANU (Australian National University). Jadi ini bermakna bahawa kita Kerajaan Barisan Nasional ini secara kolektif tidak semestinya satu-satu jabatan itu mesti ada wakil daripada kalangan etnik ini. Itu sebagai balasan kepada apa yang diutarakan.

Soalan saya ialah tidakkah boleh kita tumpukan peruntukan RM9 juta lebih ini kepada pembangunan Orang Asli ini, tumpukan kepada pengeluaran bahan-bahan untuk mereka pasarkan termasuk juga kraf tangan kerana kekurangan mereka hari ini ialah dari segi pendapatan *cash income* dan ini berkaitan dengan dahulunya mereka berada di bawah Kementerian Dalam Negeri dan bukannya kementerian sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kita memang ada menggalakkan pengeluaran kraf tangan ini bahkan hasil satu kumpulan Orang Asli di Pulau Carey kalau tidak silap saya cukup mendapat sambutan yang baik yang dipasarkan di KLCC pun kita ada satu kedai khusus. Memang segala usaha ini dibuat tetapi ini hanya merupakan usaha-usaha yang hanya mendatangkan hasil sepenuhnya apabila kesannya dapat dijalankan secara menyeluruh.

Memang jawapan yang ingin saya sebut kepada Yang Berhormat Ipoh Timor tentang pelantikan Ketua Pengarah yang belum saya sampai tadi. Memang itulah bagi saya masalah-masalah struktur yang saya sebutkan tadi seperti soal tanah, pendidikan, kesihatan, ini semuanya merupakan masalah-masalah yang sukar diatasi dalam masa singkat dan pelantikan mana-mana Orang Asli sebagai Ketua Pengarah tidak semestinya menjamin masalah ini dapat diatasi. Mungkin dalam keadaan negara kita sedang mencari-cari orang-orang yang mempunyai bakat dan kebolehan untuk menerajui mana-mana syarikat dan agensi kita mungkin bergerak ke belakang sekiranya kita mahu satu-satu jawatan itu diisi oleh seseorang semata-mata kerana etniknya, kerana rasnya dan ianya tidak dapat menjamin kejayaan sekiranya ianya tidak mampu.

Saya beri contoh, Yang Berhormat, yang sekarang ini kita sebenarnya cuba mengisi pengurusan di peringkat jabatan dengan Orang-orang Asli yang berkelayakan. Buat masa ini kita hanya dapat seorang Pegawai P.T.D. Orang Asli dilantik sebagai Pengarah Pembangunan di dalam jabatan tersebut dan dalam komposisi kumpulan sokongan (*support staff*), 40% sebenarnya diisi oleh Orang-orang Asli dan kita menjangka hanya dapat memenuhi 50% atau lebih dalam tahun 2010. Jadi kalau di peringkat-peringkat bawah ini pun kita belum capai matlamat sepenuhnya, apatah lagi kalau hendak cari seorang Ketua Pengarah yang kalau kita tetapkan pula dia seharusnya menjadi seorang Orang Asli.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada kata bahawa perkara ini sangat sukar, bukan masa yang pendek yang boleh mengatasi, ini telah bersetuju tetapi kita bukan sebut mengenai dua, tiga tahun atau lima tahun, sepuluh tahun. Ini sudah 47 tahun, negara sudah merdeka 47 tahun kita pun tidak boleh mencari seorang yang boleh mengisi jawatan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, bukan sahaja Ketua Pengarah tetapi juga pengarah di peringkat negeri.

Bukankah ini menunjukkan kegagalan JHEOA dan program-program kerajaan untuk memperbaiki taraf kedudukan Orang Asli, dan sebabnya kenapa kaum ini begitu menjadi yang termundur, termiskin sekarang. Saya tidak tahu Yang Berhormat bagi Gerik tadi setuju atau tidak, mengenai cadangan kita perlu mempertikaikan pencapaian

Orang Asli dengan *target*. Dengan pelantikan Orang Asli, sama ada sebagai Ketua Pengarah atau sekurang-kurangnya Pengarah di peringkat negeri.

Kita bukan kata semua jawatan, satu jawatan sahaja. Satu kedudukan, satu jawatan pun tidak boleh isi. Ada berpuluh ribu jawatan dalam kerajaan, sama ada agensi atau lain-lain tetapi satu jawatan pun tidak boleh isi. Bukankah ini menunjukkan kita perlu satu *blue print*, satu *master plan* supaya janganlah masalah Orang Asli terus begitu rumit, yang satu *new deal* dan sekurang-kurangnya bermula dengan seorang Timbalan Menteri, saya percaya tidak begitu sukar seorang Orang Asli dilantik sebagai Timbalan Menteri dan bertanggungjawab untuk *spearhead reform JHEOA*. Itu tentulah bukan masalah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, tiadanya seorang Orang Asli memegang jawatan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bukan bererti kita sudah gagal. Mungkin ada Orang-orang Asli yang lebih layak, yang tidak mahu jadi Ketua Pengarah, yang mahu jadi yang lain yang lebih tinggi, yang jadi Senator, mungkin, yang mungkin satu hari hendak jadi Ketua Pembangkang. Dia tidak mahu jadi Timbalan Menteri, umpamanya. Janganlah kita anggap, menggunakan logik bila tidak ada orang di situ bermakna kita sudah gagal.

Mungkin ada yang berjaya, yang berada, makan gaji, berniaga yang lebih besar. Buat apa hendak jadi ketua jabatan, kalau kerja lain, karier lain yang lebih minat kepadanya. Kita hendak beri, kita tidak boleh hendak paksa dan kita tidak ada ketetapan, umpamanya jawatan ini mesti disandang oleh orang-orang tertentu dari etnik tertentu, kalau ada mungkin bolehlah kita carilah. Kita sudah ada Pengarah Pembangunan, mungkin Pengarah Pembangunan ini pun boleh dijadikan Ketua Pengarah, kalau terpaksa, kerana kalau diisi semata-mata atas dasar *race* dan etnik.

Saya hairan mengapa pada suatu masa Yang Berhormat cukup suka kepada meritokrasi, kepada orang-orang yang tidak kira latar belakang untuk menerajui syarikat kerajaan – GLC, tiba-tiba bila Orang Asli ini minat sangat kepada Orang Asli. Ini tidak ada *consistency in logic*, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okay, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang Berhormat sudah banyak, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Sekejap lagi saya beri.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini hendak tolong, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun bingung jugalah dengan keadaan Ketua Pembangkang, tiba-tiba dia cakap Orang Asli. Apakah Yang Berhormat ingin menyarankan kepada Ketua Pembangkang ini, pilihan raya akan datang DAP meletakkan Orang Asli sebagai calon, jadi mungkin boleh jadi wakil rakyat untuk membela untung nasib Orang Asli, daripada DAP, daripada Pembangkang.

Beberapa Ahli: Ya, betul.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Ya! Saya hairan kenapa dalam Dewan ini nampaknya tidak ada Ahli-ahli Parlimen UMNO yang ke depan untuk masalah dan kemiskinan Orang Asli. Nampaknya selalu ada dikemukakan ialah daripada pihak Pembangkang, DAP dan ini bukan oleh kerana atas apa-apa isu. Apa sahajalah.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Bera telah kemukakan.

Tuan Lim Kit Siang: Keadilan. Ini pun satu

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Bera telah kemukakan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera, sila duduk, Yang Berhormat bagi Bera.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah satu desakan yang dibuat oleh Orang Asli sama ada Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia atau penyelidik-penyelidik cerdik pandai, cendekiawan-cendekiawan Orang Asli. Kalau ini pun boleh mencapai, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata, mungkin ada Orang Asli yang tidak mahu menjadi ketua JHEOA, mereka mahu cabaran yang lain. Bolehkah ada apa-apa jawatan, ketua agensi di Kerajaan Malaysia yang ada di ketuai oleh Orang Asli. Adakah?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya tidak mengatakan bahawa ia semestinya menjadi ketua jabatan. Saya kata Orang Asli mungkin dia lebih berminat untuk menjadi ahli perniagaan, boleh menjadi profesional, yang tidak semestinya

terikat dengan menjadi ketua jabatan. Apalah lebihnya ketua jabatan, kalau berbanding dari segi pendapatan, dari segi kemewahan hidup berbanding dengan mereka yang berniaga dan sebagainya. Jadi, mengapa kita harus mengikat mereka, ini persoalan saya. Mengapa kita harus mengikat sebagai satu prinsip apa-apa jawatan kepada satu-satu individu semata-mata di atas rasnya (*race*).

Saya rasa prinsipnya tidak betul. Sebelum itu, Yang Berhormat, saya hendak juga menjawab, yang tidak ada Ahli Yang Berhormat UMNO, sebenarnya Yang Berhormat mungkin tidak tahulah bila saya jawab soalan pagi-pagi, kadang-kadang Yang Berhormat tidak ada. Banyak soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bera sebenarnya adalah berkenaan dengan Orang Asli, kerana ramai Orang Asli berada dalam kawasan Bera. [*Tepuk*] Jadi, tidak betullah kalau kita katakan orang UMNO tidak bertanya soalan tentang Orang Asli.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu bertanya di sini keadaan bukan satu keadaan di mana ada ramai Orang Asli dan mereka ada urusan yang lain, kehendak yang lain tetapi di sini seorang pun tidak ada. Bukankah ini menunjukkan kegagalan semua program kerajaan di masa ini untuk mempertingkatkan kedudukan Orang Asli. Itulah *point* yang *basic*, seorang pun tidak ada, bukan sahaja untuk jawatan ini tetapi untuk jawatan-jawatan setimpal yang lain. Inilah perlu dibetulkan dan kita perlu menangani isu dengan serius.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okay, Yang Berhormat kita banyak lagi soalan-soalan lain yang perlu kita jawab dan kita ambil ingatan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tersebut dan kita terus kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah yang menimbulkan tentang KESEDAR, memuji kemampuan KESEDAR untuk memajukan Kelantan Selatan dan meminta memasukkan DUN Bukit Panau.

Saya tidak dapat berjanji kerana saya rasa soal masuk atau keluar satu-satu kawasan dalam DUN atau dalam kawasan Lembaga Wilayah Persekutuan ini saya kira tidaklah semudah itu. Namun begitu, kita percaya apabila ia sudah dilukis dan ditentukan kawasan tersebut, semua penelitian telah pun dibuat dan mungkin susah kita hendak tentukan kawasan mana pula yang perlu dimasukkan, nanti ada pula yang lain mengata mengapa yang itu dimasukkan, yang lain tidak dimasukkan.

Tentang projek luar bandar, banyak lagi jalan perlu dinaik taraf, peruntukan yang ada ini semuanya kecil. Memang, nampaknya itulah keadaannya dan sebahagian daripadanya ialah masalah *ceiling* yang saya sebutkan tadi.

Tentang masalah Amanah Ikhtiar, yang beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat ada timbulkan, perlu diingatkan, dimaklumkan di sini bahawa memang peruntukan kepada Amanah Ikhtiar disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar sejak tahun 1997 hingga tahun 2001. Tetapi daripada tahun 2002 hingga tahun 2005, peruntukan ini tidak lagi disalurkan melalui Kementerian Luar Bandar, ia disalurkan terus dari Kementerian Kewangan kepada Amanah Ikhtiar.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya menimbulkan tentang data kemiskinan yang kelihatan agak bertabur dan tidak tersusun dan memerlukan atau mencadangkan supaya satu *stop agency* ditubuhkan supaya senang *database* ini, dengan izin, dapat dikemaskinikan dan diletakkan *online* dan segala keperluan kawasan-kawasan tersebut dan juga tentang kemiskinan ini dapat diperincikan.

Kita memang sekarang ini sudah mengemaskinikan satu senarai kumpulan termiskin yang sudah dikeluarkan oleh Kementerian Luar Bandar tetapi ia juga masih boleh ditambah, bahkan Yang Berhormat Menteri ada membuat kenyataan semasa menggulung peringkat dasar, saya kira bahawa ini sekiranya ia perlu ditambah, sekiranya dirasakan sesuai oleh mana-mana pihak, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai Daerah dan sebagainya, maka ia masih lagi terbuka.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sedikit, hendak tambah. Amanah Ikhtiar tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita perlu selaraskan balik, apakah kita bercadang supaya diletakkan di bawah KPLB balik sebab saya dapat tahu, saya buat *research* sendiri bahawa ada diskriminasi selepas tidak di bawah Rancangan Luar Bandar.

Yang keduanya, kena betulkan balik JPPK di Kelantan kerana ada *circular* atau pekeliling yang dikeluarkan pada tahun 2000, Pengarah JPP adalah bertanggungjawab dilantik segala projek yang hendak diberi. Tetapi sekarang ini, diproses di Kuala Lumpur, hantar duit, bayar sahaja di Kelantan. Kena tengok balik, saya buat R&D. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, saya hanya memaklumkan fakta pada hari ini bahawa Amanah Ikhtiar ini tidak termasuk dalam kementerian kita dan oleh itu ianya tidak dimasukkan dalam peruntukan dan mungkin ia bukan merupakan satu

forum pada hari ini untuk kita perbahaskan sama ada ia perlu berada dalam kementerian atau tidak kerana kita membincangkan butiran perbelanjaan peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga menyentuh tentang *database*. Di sini ada hubungan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik. Sebenarnya rata-rata kita lihat bahawa kadangkala maklumat dan *database* ini cukup perlu untuk kita menyusun program dan memastikan pemantauan dapat dibuat supaya program-program itu menepati sasaran atau tidak.

Saya cukup bersetuju dengan cadangan supaya kita mengkaji semula untuk memperbaiki *database* yang ada ini, bahkan saya difahamkan di kementerian kita sebenarnya pada suatu masa kita sudah ada *database* mulai 1986 atau 1987 untuk 5,000 buah kampung di seluruh negara, tetapi mungkin setelah sekian lama ianya agak terabai dan maklumat-maklumat yang ada dalam *database* tersebut mungkin tidak selengkap yang kita mahu.

Jadi, saya sudah berbincang dengan pegawai-pegawai kanan kementerian, ini satu asas yang boleh kita bangunkan dan perbaiki lagi dan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, mungkin setiap Parlimen kita ada satu *database* yang menjelaskan bukan sahaja kemudahan-kemudahan dan infrastruktur prasarana yang ada, tetapi kekurangan-kekurangan supaya kekurangan ini dapat dipenuhi sepanjang satu-satu tempoh lima tahun atau sebagainya. Jadi ini sesuatu yang boleh kita lihat.

Tentang tumpuan kepada negeri-negeri di Sabah dan Sarawak yang juga disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Ini sudah tentu merupakan kawasan-kawasan yang memerlukan lebih banyak lagi infrastruktur prasarana berbanding dengan negeri-negeri lain dan sudah tentu ianya perlu diberi tumpuan.

Kita di kementerian ada membincangkan tentang kemungkinan mengadakan satu kajian, umpamanya mengkaji berapa banyakkah jumlah peruntukan yang diperlukan. Mungkin tidak semestinya dalam jangka masa pendek tetapi jangka masa panjang supaya kita boleh, umpamanya menyediakan semua kemudahan di Sabah dan Sarawak daripada 60% kepada 100% di kampung-kampung umpamanya.

Begitu jugalah di jalan-jalan kampung di semua kawasan Parlimen. Sekurang-kurangnya kita tahu inilah peruntukan atau jumlah wang yang kita perlukan dan bagaimanakah kita harus bergerak ke arah mencapai 100% pencapaian dalam 10 tahun atau 20 tahun, Yang Berhormat bagi Kinabatangan pernah menyuarakan...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kudat bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Nanti sekejap hendak habiskan ayat ini. Yang Berhormat bagi Kinabatangan pernah menyuarakan – tidak ada pula Yang Berhormat bagi Kinabatangan, orang jawab banyak dia punya, dia tidak ada – dia kata tahun 2020 bila Malaysia menjadi negara maju, apakah kita masih lagi mempunyai kawasan yang tidak mempunyai jalan kampung dan sebagainya. Jadi, bermakna menjelang tahun 2020 apabila kita menjadi sebuah negara maju, kita mesti selesaikan semua kemudahan asas ini dan untuk menyelesaikannya, berapakah peruntukan yang kita perlu dan peruntukan ini kalau kita agihkan hari ini sehinggalah tahun 2020, mungkin berapa yang kita perlu setahun.

Jadi ini dalam peringkat perbincangan dan kajian, insya-Allah, semata-mata untuk membolehkan kita fokus apakah yang kita harus lakukan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Yang Berhormat bagi Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Saya amat tertarik dengan apa yang telah dibangkitkan mengenai peruntukan yang telah diberikan kepada Sabah, khususnya untuk membangunkan kawasan luar bandar dari segi *amenity* sosial iaitu misalnya peruntukan telah diberikan sebanyak RM3 juta untuk bekalan elektrik dan RM31 juta untuk bekalan air luar bandar.

Tetapi apa yang ingin saya jelaskan di sini bahawa apa yang penting dalam soal peruntukan ini ialah melihat dari segi *priority* dan keutamaan dan benar-benar dilaksanakan dengan telus dan bertanggungjawab kerana ada beberapa kes yang tertentu yang saya boleh bawa ke sini iaitu berkaitan dengan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar yang telah tidak diselia dan dikawal dengan sempurna sehingga menyebabkan peruntukan yang telah diberikan itu telah tidak mencapai matlamat dan tidak menyelesaikan masalah di kawasan tersebut iaitu satu peruntukan telah diberikan beberapa tahun yang lalu kepada satu peruntukan memperbaiki *gravity water supply*.

Almaklumlah di kawasan saya ini kebanyakan bekalan elektrik masih lagi diberikan di dalam bentuk *gravity water supply* dan peruntukan sebanyak RM150 ribu untuk satu kampung itu telah tidak menyelesaikan masalah di kampung itu dan saya tidak tahu kenapakah satu kajian yang benar-benar teliti dibuat untuk memastikan pembekalan bekalan elektrik dan peruntukan yang begitu agak lumayan tidak dapat menyelesaikan masalah di situ. Jadi, saya akan berbincang dengan Yang Berhormat untuk menjelaskan *detail* mengenai perkara ini.

Yang kedua mengenai peruntukan elektrik luar bandar. Di kawasan saya, di satu pulau yang mempunyai penduduk seramai 10 juta iaitu di Pulau Banggi, suatu ketika...

Seorang Ahli: 10 ribu!

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: 10 ribu, maafkan saya, 10 ribu. Beberapa tahun yang lalu, bekalan elektrik di kawasan pulau daerah kecil ini telah pun sebenarnya diberikan bekalan selama 18 jam, tetapi pada tahun yang lalu telah diturunkan kepada 12 jam dan ini telah menimbulkan banyak masalah dan saya sebagai wakil rakyat kawasan luar bandar ini telah menghadapi banyak masalah dan rungutan kerana mereka mengatakan sepatutnya kita bergerak lebih maju ke hadapan untuk menyelesaikan masalah luar bandar ini tetapi yang jelas, kita tidak maju tetapi kita mundur ke belakang.

Saya ingin supaya penyelesaian ini dapat dibuat secepat mungkin dan kalau boleh kementerian menghantar pegawai ke sana untuk menyiasat kenapakah bekalan elektrik luar bandar ini telah dikurangkan daripada 18 jam kepada 12 jam. Pegawai-pegawai kerajaan di situ tidak dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan sekolah-sekolah menengah di situ tidak dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan seperti kemudahan komputer dan berbagai-bagai lagi kemudahan elektronik yang telah diberikan dan ini telah menimbulkan banyak masalah.

Satu ketika dahulu ada satu rancangan pemberian elektrik yang berasaskan kepada *solar energy* yang telah diberikan di kawasan pulau ini tetapi disebabkan tidak ada kajian yang benar-benar serius ataupun kajian yang benar-benar teliti telah menyebabkan bekalan elektrik yang berasaskan kepada solar ini telah tidak menyelesaikan masalah di situ. Malah apa yang berlaku ialah sistem solar ini sudah pun tidak berfungsi dan tidak ada *maintenance*. Tidak ada satu pun rencana daripada

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, misalnya untuk menyediakan program *maintenance* untuk bekalan elektrik solar ini.

Saya difahamkan peruntukan yang diberikan untuk program itu sahaja ialah sebanyak RM9 juta, satu peruntukan yang begitu besar dan hasilnya tidak mendatangkan apa-apa kesan sehingga hari ini. Saya minta kementerian menyiasat perkara ini, khususnya di pulau yang saya sebutkan tadi iaitu di Pulau Banggi dan ada juga yang saya dapat tahu bahawa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: ...sebahagian daripadanya sudah pun tidak berfungsi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa minit lagi hendak habiskan? Untuk hari ini saya menggunakan kuasa, Peraturan Mesyuarat 12(3), saya sambung tidak lebih daripada 15 minit.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak lebih daripada 15 minit.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey Tuan Pengerusi, saya akan cuba ringkaskan jawapan-jawapan pada masa yang sama cuba menghormati pertanyaan-pertanyaan yang dibuat. Tentang apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kudat, saya dan rakan-rakan dari kementerian yang ada pada petang akan mengambil maklum dan mungkin satu perbincangan khusus dengan Yang Berhormat bagi Kudat akan dapat diadakan dan sekiranya perlu, satu lawatan seperti mana yang dicadangkan dapat kita lakukan kerana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu agak banyak dan detail sedikit. Saya sendiri pun perlu kepada maklumat selanjutnya.

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bentong Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang seterusnya

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bentong, Yang Berhormat. Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Sedikit sahaja. Sedikit.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: 15 minit macam mana? *[Ketawa]*

Tuan Liow Tiong Lai: Cepat sahaja, ya? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri

menyatakan bahawa ingin membuat suatu perancangan yang menyeluruh untuk memastikan semua kemudahan asas luar bandar ini dapat diselesaikan dengan lebih terancang.

Saya ingin membuat cadangan dan meminta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sekarang ini masalah telefon di luar bandar ini amat ketara, amat memerlukan perhatian daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kalau bekalan elektrik, kita ada projek bekalan luar bandar. Air kita ada projek bekalan air luar bandar. Kita memang mendapat bantuan banyak daripada kementerian tetapi dari segi masalah telefon, kita selalu minta dengan *universal service provider*, tabung ini daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi memanglah saya rasa kalau di bawah kementerian itu, mereka barangkali tidak berapa faham masalah luar bandar ini. Saya harap dan mencadangkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengambil alih kalau boleh tugas ini untuk membantu kerana sekarang masalah telefon menjadi kemudahan asas utama di kawasan luar bandar. Saya minta kementerian dapat timbangkan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Memang ini bukannya bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada hari ini. Cadangan itu saya kira boleh dikemukakan kepada Kementerian yang bersesuaian dan mungkin sekiranya dipersetujui, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak ada halangan. Tetapi untuk kita mengambil sesuatu yang berada dalam bidang kuasa kementerian lain susahlah tanpa persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jerlun dan Rembau sekiranya saya boleh ambil satu tentang hubungan pemimpin-pemimpin di peringkat bawah dengan pegawai-pegawai Kemas. Kita dapati Yang Berhormat bagi Jerlun baru keluar tadi. Saya harap dia mendengar jawapan saya dalam kantin sana. Saya dapati daripada apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun sedikit tidak puas hati tentang kadang kala tidak dimaklumkan oleh pegawai-pegawai Kemas tentang program-program.

Dia menyebut Kemas ini ada yang popular, ada yang tidak popular, jadi yang disuarakan yang popular tidak mengapalah, yang tidak popular ini - begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Rembau yang sebaliknya mengambil sikap bahawa Kemas ini perlu dimantapkan lagi dari segi struktur perkhidmatan umpamanya sebab

banyak dari segi gajinya kurang lumayan. Dari segi statusnya, kontrak ataupun tetap, dari segi elaun-elaun perkhidmatan, pinjaman motor pun tidak dapat.

Pada masa yang sama kita lihat perkhidmatan Kemas ini masih lagi dapat diperbaiki dari segi kelulusan calon-calon. Masih lagi ramai yang mempunyai kelulusan SRP, SPM umpamanya dan juga dari segi pertukaran. Ramai pegawai-pegawai Kemas ini tidak mahu bertukar kerana dia ini kira tidak tetap, duduk dalam kawasan sendiri. Kalau kita jadikan mereka kumpulan yang bekerja tetap, maka dia boleh ditukarkan dari suatu kawasan ke kawasan yang lain, saya sering terima masalah juga. Kawasan yang dia ada sekarang tidak lepas dia, kawasan yang hendak terima dia tidak mahu terima dia kerana Kemas ini banyak juga hubungan dengan ahli-ahli politik, kepimpinan politik di peringkat Bahagian.

Ada juga pemimpin-pemimpin politik yang cuba mengatakan pegawai Kemas ini tidak baik, tidak membantu, bolehkah ia ditukar dan sebagainya. Saya menjawab soalan ini sebagai memberi suatu gambaran yang menyeluruh yang tidak mudah. Betulkah kita hendak mereka ini menjadi tetap, menjadi senang dipindah-pindahkan, menjadi lebih merupakan sektor perkhidmatan yang terancang tetapi pada masa yang sama kita juga kadang kala ingin, kemahuan kita ini oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi di sana.

Inilah sebabnya sebenarnya kementerian sedang meneliti masalah ini. Masalah ini bukanlah masalah yang senang. Dia agak *complicated* dengan izin dan penyelesaiannya belum lagi dapat kerana mengimbangi satu dan juga satu pihak yang lain.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendakkan penjelasan sama ada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini sedang mengemaskinikan Kemas dengan penstrukturan baru dari segi perjawatan dan bidang tugas, agaknya dengan perubahan ini Kemas dapat memainkan peranan dan fungsinya secara lebih berkesan bagi mengatasi segala masalah yang telah dibangkitkan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, saya menyatakan bahawa kita sedang membuat kajian kerana pertimbangan-

pertimbangan yang agak banyak dan yang pada sebelah pihak mungkin kelihatan jelas manakala di sebelah pihak yang lain mungkin tidak semestinya dapat diterima, itulah jawapan saya sebenarnya, kita dalam kajian tetapi kita sedang berusaha umpamanya setengah-setengah elaun perkhidmatan untuk diberikan kepada penyandang-penyandang jawatan dalam Kemas ini. Mungkin ini yang lebih awal daripada yang lain-lain tetapi yang lain-lainnya adalah dalam perbincangan kerana tidak *strait forward* dengan izin, tidak mudah.

Saya ingin seterusnya menjawab soalan sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tentang pembangunan desa bukan sahaja merupakan pembangunan infrastruktur tetapi tentang pendidikan masyarakat, usaha membangunkan minda masyarakat. Dirasakan bahawa kekurangan inilah yang menyebabkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru 30% masih belum lagi tercapai. Seboleh-bolehnya kita mahu mewujudkan masyarakat desa yang berilmu supaya mereka juga tidak terlibat dalam usaha-usaha yang mendatangkan mudarat kepada mereka seperti menjual aset yang ada seperti tanah dan juga mungkin mewujudkan bank tanah (*land bank*) untuk menjaga kepentingan ini.

Memang ini merupakan isu-isu yang boleh kita bincangkan dan sebab itulah sebenarnya dalam konteks pembangunan dan kemajuan luar bandar ini, pembangunan minda, pembangunan insan ini merupakan salah satu aspek yang ditekankan oleh kementerian. Itulah sebabnya kita mengadakan latihan *infra* yang mengadakan berbagai-bagai latihan untuk membangunkan insan khususnya di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat kampung umpamanya pengerusi-pengerusi JKKK, kita bawa mereka dalam beberapa kursus membangun fikiran mereka.

Kerana kita merasakan manakala negara kita mempunyai Wawasan 2020, manakala negara kita akan menjadi sebuah negara maju menjelang Tahun 2020, apakah wawasan, apakah daya penggerak di peringkat kampung kerana manakala bisa negara mempunyai wawasan tetapi tidak disokong dan didukung oleh wawasan di peringkat kampung akhir-akhirnya negara maju, kampung mundur. Kalau itu yang boleh dipertahankan, *sustainable* dengan izin.

Jadi, sebab itulah Gerakan Daya Wawasan umpamanya, ini merupakan satu gerakan yang mempunyai wawasan yang besar iaitu supaya kampung-kampung dan pemimpin-pemimpin di kampung mempunyai wawasan supaya mereka dapat mendukung wawasan negara ini pada akhir-akhir ini. Semua ini memanglah pada

tahap perancangan, pada tahap pelaksanaan dan mungkin hasil dia tidaklah seperti mana yang kita rancangkan tetapi kita mesti teruskan usaha ini kalau tidak seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, mungkin kita mengalami kepincangan, penekanan dan kejayaan yang kita lihat pada satu tahap dan peringkat dari segi infrastruktur fizikalnya tetapi dari segi rohaninya, dari segi insannya dan dari segi mindanya masih mempunyai kekurangan-kekurangan.

Tetapi kalau kita lihat dari segi infodesa, dari segi infra, dari segi GDW, ini adalah program-program ke arah itu. Info Desa umpamanya membawa IT, ICT yang tercanggih dan termoden ke desa-desa dan ini harus diperkembangkan lagi supaya bukan sahaja bandar yang dapat manfaat daripada *internet* ini tetapi juga di desa-desa.

Ahli Yang Berhormat bagi Maran menyebut yang pertamanya tentang KEMAS dan Tabiknya berbanding dengan yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran dengan Perpaduan ini saya sudah jawab tadi dan dari segi KEMAS kita kelihatan taringnya agak tumpul sedikit Yang Berhormat sebut dan program prasekolah ini perlu dipertingkatkan.

Saya ingin menyatakan bahawa dalam segala kelemahan yang ada dalam sistem prasekolah di KEMAS itu, semalam saya berada di Negeri Sembilan merayakan Hari Potensi Kecemerlangan Kanak-kanak KEMAS Peringkat Kebangsaan di mana kanak-kanak KEMAS dipertandingkan dalam 13 acara. Macam-macam yang ada tilawah Al-Quran, menari, pidato, main bola, main *netball* dan sebagainya di peringkat daerah dan di peringkat negeri, kemudian di peringkat kebangsaan. Semalam Peringkat Kebangsaan di Negeri Sembilan dan kita lihat betapa mereka ini mempunyai potensi yang perlu kita gilapkan supaya mereka membesar menjadi rakyat yang berguna kepada bangsa dan negara.

Dari segi itu segala peruntukan yang kita berikan, saya lihat kepada KEMAS dalam program prasekolah umpamanya begitu memberangsangkan walaupun tidak membawa kejayaan sepenuhnya tetapi memberangsangkan kita, melihat kanak-kanak kita yang begitu ramai, yang begitu ceria dan gembira, yang melihat harapan mereka untuk menjadi rakyat yang dapat merealisasikan potensi mereka itu kepada realiti pada satu hari nanti.

Dari segi saham amanah peringkat negeri, saya minta maaf. Ini bukan dalam bidang kementerian kita sebenarnya, ini adalah di bawah Kementerian

Kewangan. Saya ingat ini semasa saya di Bank Negara dan *Securities Commission* – suruhanjaya ini suatu yang dibincangkan di sana dan di bawah Kementerian Kewangan dan saya tidak berminat untuk membincangkan di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana bukan berada dalam bidang kuasanya.

Amanah Ikhtiar Malaysia, tadi saya sudah sebut. Ahli Yang Berhormat bagi Ledang tentang kilang-kilang haram – bagaimana kita menggunakan kemudahan-kemudahan ini dan infrastruktur yang ada untuk mengoptimumkan dengan izin, faedah/manfaat kepada orang-orang kampung sehingga beliau mencadangkan kilang-kilang haram dihalalkan dan diadakan lawatan ke Perancis untuk memperkasakan orang kampung. Lawatan ke Perancis itu saya cukup berminat, kilang-kilang haram dihalalkan saya tidak pasti takut kalau ada implikasi lain dari segi keselamatan, letupan-letupan, bahan-bahan kimia dan sebagainya. Kadangkala jangan kita tergopoh-gopoh, takut nanti apa yang kita mahu kejari tidak dapat yang ada sedikit sebanyak akan kerosakan sekiranya kita tidak berhati-hati.

Kinabatangan – tadi saya sudah jawab banyak. Dari segi *database*, dari segi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ledang? Okay. Tidak puas hati lagi. *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak, Tuan Pengerusi. Saya cuma mencadangkan bukannya kita hendak *adopt* kilang haram, tidak. Kita mencadangkan supaya yang haram dihalalkan dengan syarat-syarat tertentu. Kalau ianya merbahaya *outlah*. Tolak. Mana yang boleh kita halalkan untuk mempergiatkan ekonomi di kampung-kampung dan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan lain-lain. Sekian, Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okay, Yang Berhormat. Kita ambil ingatan. Saya tidak banyak lagi, Tuan Pengerusi. Kalau diizinkan mungkin dalam masa 7 – 8 minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Yang Berhormat boleh pendekkan – pada hari Isnin saya bagi peluang lagi lebih kurang 15 minit lagi. Jadi, kita hentikan dahululah hari ini. Sambung pada hari Isnin.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya boleh habiskan 5 minit

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okay.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga hari Isnin jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.45 petang